

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.10/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.10/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

AGENDA

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Mengesahan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.09/2013 bertarikh 30 September 2013.
4. Makluman Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.3/2013.
4. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 5.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.10/2013.
 - 5.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.10/2013.
 - 5.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.10/2013.
 - 5.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.10/2013.
 - 5.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.10/2013.
 - 5.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.19/2013.
 - 5.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.20/2013.

7. Ucapan Penangguhan oleh Tuan Haji Abdul Jalil Bin Hasan.
8. Penutup.

SULIT

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.10/2013**

KANDUNGAN

1. Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.09/2013.
2. Makluman Minit Mesyuarat Jawatankausa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.3/2013.
3. Lampiran-lampiran :-
 - 5.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.10/2013.
 - 5.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.10/2013.
 - 5.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.10/2013.
 - 5.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.10/2013.
 - 5.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.10/2013.
 - 5.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.19/2013.
 - 5.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.20/2013.

**MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 9/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Tn. Hj. Abd. Hamid bin Hussain Timbalan Yang DiPertua Majlis | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Jafrien bin Muhammad | - | " |
| 4. | Tn. Abdul Latif bin Shaari | - | " |
| 5. | Tn. Hamsah bin Djabir | - | " |
| 6. | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis | - | " |
| 7. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 8. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 9. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 10. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 11. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 12. | Tn. Chua Yew Choong | - | " |
| 13. | Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hasan | - | " |
| 14. | Tn. Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said | - | " |
| 15. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |
| 16. | Tn. Hj. Ali bin Ismail | - | " |

- | | | | |
|-----|-------------------------------|---|-------------|
| 17. | Tn. Abdul Aziz bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 18. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | ” |
| 19. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | “ |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Tn. Hj. A. Yazid bin Alias
Ahli Majlis, MPAJ
2. Tn. Hj. Mat Jusoh bin Dollah
Ahli Majlis, MPAJ
3. Tn. Mohamad bin Samat
Ahli Majlis, MPAJ

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. Drs. Sarodin bin Hj. Shahri
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Johari bin Atli
Jabatan Undang-Undang
3. En. Hasrolnizam bin Shaari
Jabatan Kejuruteraan
4. En. Khairilazhar bin Ismail
Jabatan Belia dan Masyarakat
5. En. Addy Hissham bin Elias
Jabatan Penguatkuasa
6. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa
Jabatan Perbendaharaan
7. En. Mohd Fazrin bin Rahman
Bahagian Audit Dalam
8. Pn. Rosliza binti Mohd
Jabatan Perancangan Korporat

9. En. Mohamed Yusuf bin Sulaiman
Jabatan Khidmat Pengurusan
10. Pn. Marlina binti Mohamad
Jabatan Pelesenan
11. En. Khairul Azmi bin Abd. Rahman
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
12. Pn. Zuraina binti Said
Jabatan Perancang Bandar
13. En. Muhamad Noor Isman bin Ismail
Bahagian COB
14. Pn. Norhayati binti Ahmad
Jabatan Perancangan Korporat (PRO)
15. Pn. Mastura binti Ishak
Bahagian Ukur Bahan
16. Pn. Norlela binti Kamsi - Urusetia
Bahagian Urusetia
17. Pn. Noryani binti Roslan - Urusetia
Bahagian Urusetia

1. BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan

2. UCAPAN Pengerusi

Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Timbalan Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 9/2013.

Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

2.1. Tuan Pengerusi bagi pihak semua kakitangan MPAJ dan Ahli Majlis merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Yang DiPertua MPAJ, Y.Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob atas perkhidmatan beliau selama tujuh tahun di MPAJ iaitu dari 16 September 2006 hingga 1 September 2013. Sepanjang perkhidmatan beliau di MPAJ, banyak perkara telah dilaksanakan dan membawa MPAJ ke satu tahap yang dibanggakan dalam Negeri Selangor. Tuan Pengerusi mengucapkan Selamat Maju Jaya dan dapat memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang di Majlis Perbandaran Klang.

2.2. Majlis Perbandaran Ampang Jaya akan menerima kunjungan lawatan Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) pada 10 Oktober 2013 (Khamis) jam 2.30 petang. Sebagai makluman, Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang ini

mengadakan lawatan ke agensi-agensi yang terlibat bermula pada 17 September 2013 – 11 Oktober 2013. APPC disertai oleh 40 jabatan/agensi kerajaan di Negeri Selangor. Tuan Pengerusi berharap MPAJ dapat mengekalkan kecemerlangan yang telah dicapai.

- 2.3. Pasukan Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan akan berkunjung ke MPAJ pada 28 – 29 Oktober 2013 dari jam 9.00 pagi – 4.30 petang. Inspektorat ini bertujuan untuk membantu meningkat dan memantapkan tahap keselamatan perlindungan dari aspek keselamatan fizikal, keselamatan dokumen, keselamatan peribadi dan keselamatan ICT. Ia juga dilaksanakan bagi mengiktiraf tadbir urus keselamatan perlindungan yang terbaik di peringkat kerajaan.

Dimaklumkan bahawa program ini akan dilaksanakan ke atas 24 Kementerian, 34 Jabatan Persekutuan, 13 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan 52 Pihak Berkuasa Tempatan. Inspektorat ini akan dilaksanakan bermula Julai 2013 hingga Disember 2013.

Tuan Pengerusi mengharapkan kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat bukan sekadar bersedia, malah telah mematuhi peraturan dalam melaksanakan urusan ini.

- 2.4. Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Selangor ke 26 telah diadakan pada 25-27 September 2013 yang lalu. Dua (2) tajuk daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah terpilih untuk dipertandingkan di mana setiap satu (1) tajuk mewakili Kategori Teknikal dan Kategori Pengurusan.

2.5. Konvensyen Persekitaran Berkualiti (5S) Peringkat Kebangsaan akan diadakan di Gambang Resort City, Pahang pada 1-3 Oktober 2013. MPAJ telah berjaya melayakkan diri ke peringkat kebangsaan ini untuk Konvensyen ini. Majlis turut terpilih untuk bertanding dalam satu (1) tajuk KIK dalam konvensyen ini iaitu 'e-Data CF'.

2.6. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pemilik-pemilik premis perniagaan boleh mula memperbaharui lesen perniagaan mereka bermula 1 Oktober 2013. Pemilik disarankan untuk merancang masa pembayaran dan memanfaatkan masa yang diberi untuk mengelakkan tindakan / denda yang akan dikenakan sekiranya lewat memperbaharui lesen perniagaan.

Bagi pemilik premis yang gagal memperbaharui lesen sehingga lesen tamat pada 31 Disember 2013, denda sebanyak RM 250.00 dikenakan dari 1 Januari hingga 31 Mac. Selepas tarikh tersebut denda meningkat sebanyak RM700.00 seperti yang telah dipersetujui.

2.7. Penilaian kawasan Zon Bersih Lama di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor akan diadakan sepanjang Bulan Oktober 2013. Penilaian kawasan Zon Bersih Lama di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) iaitu di Pekan Ampang akan dilaksanakan pada 3 Oktober 2013 (Rabu) jam 8.00 pagi.

- 2.8. Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan agar padang UKRC diambilalih dan diuruskan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Berikutan itu, satu (1) notis makluman telah dikeluarkan pada 27 September 2013 untuk memberitahu pengambilalihan ini akan berkuatkuasa pada 1 Oktober 2013.

Padang ini akan dikenali sebagai Padang Bola Sepak MPAJ, Kuala Ampang dan sebarang tempahan penggunaan padang ini perlulah melalui Jabatan Belia & Masyarakat, MPAJ ditalian 03-42968012.

- 2.9. Dimaklumkan bahawa Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ telah bermula pada 22 September 2013 dan akan berakhir pada 6 Oktober 2013. Sebanyak 7 sukan daripada 12 sukan telah dipertandingkan dalam tempoh ini. Besarlah harapan Majlis agar pihak penduduk turut sama melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti Majlis.

- 2.10. Akhir sekali Tuan Pengerusi mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Adha / Hari Raya Korban kepada semua muslimin dan muslimat yang dijatuh pada 15 Oktober 2013.

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 8/2013

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 8/2013 bertarikh 29 September 2013 disahkan tanpa pindaan. Minit mesyuarat dicadangkan disahkan oleh Tuan Razali bin Ramly dan disokong oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan Tuan Abdul Latif bin Shaari.

4. PERKARA BERBANGKIT

Tiada

5. PERTIMBANGAN LAPORAN**5.1. LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 9/2013 bertarikh 30 September 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 9/2013 yang telah diadakan pada 10 September 2013 dengan tambahan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal dan Tuan Jafrien bin Muhammad.

5.1.1. Perkara 2.11 di muka surat 22

Mesyuarat dibangkitkan dengan adanya aktiviti perniagaan lain di tempat letak kereta di Blok M 14 dan M15 Pandan Jaya setelah kawasan tersebut dibersihkan.

Tuan Hj. Meor Rithaun b. Mohamed Said mencadangkan Majlis memasang notis dilarang berniaga di tapak tempat letak kereta tersebut bagi mengelakkan sebarang aktiviti perniagaan dijalankan.

Tuan Pengerusi mengarahkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas sebarang perniagaan di atas tapak tersebut.

5.1.2. Perkara 2.12 di muka surat 22

Tuan Wong Khai Pun meminta Majlis mendapatkan pelan daripada pemilik rumah No. 2, Jalan Perdana 6/9, Pandan Perdana (En. Lim Koo) tanpa mengambil kira perbicaraan di mahkamah.

MAKLUMAN

5.2. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 9/2013 bertarikh 30 September 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 9/2013 yang telah diadakan pada 18 September 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Jafrien bin Muhammad dan disokong oleh Tuan Abdul Latif bin Shaari.

MAKLUMAN

5.3. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 9/2013 bertarikh 30 September 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.

SULIT

9/2013 yang telah diadakan pada 24 September 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal.

MAKLUMAN

5.4. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 9/2013 bertarikh 29 Ogos 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 9/2013 yang telah diadakan pada 25 September 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Puan Sian Keng Eng dan disokong oleh Tuan Abdul Aziz bin Ahmad.

MAKLUMAN

5.5. LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 9/2013 bertarikh 30 September 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 9/2013 yang telah diadakan pada 25 September 2013 dengan tambahan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Tuan Abdul Aziz bin Ahmad.

5.5.1. KERTAS CADANGAN SYARAT-SYARAT PERATURAN DAN KADAR HARGA SEWAAN PENGGUNAAN PADANG MPAJ KUALA AMPANG

Mesyuarat Penuh Majlis meluluskan cadangan harga sewaan dan syarat penggunaan Padang MPAJ Kuala Ampang seperti di **Lampiran 1**.

MAKLUMAN

5.6. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 9/2013 bertarikh 30 September 2013 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 17/2013 dan bil. 18/2013 bertarikh 11 September 2013 dan 20 September 2013.

MAKLUMAN

6. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN RAZALI BIN RAMLY

Tuan Razali bin Ramly mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 9/2013.

Dalam ucapan penangguhan beliau menyampaikan perkara berikut:

- 6.1. Merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan YDP MPAJ, Dato' Mohammad bin Yacob atas jasa, dedikasi serta kepimpinan beliau ketika menerajui MPAJ. Bakti serta pengorbanan beliau dikenang warga MPAJ dan semoga beliau akan terus cemerlang di Majlis Perbandaran Klang.

- 6.2. Beliau bagi pihak semua Ahli Majlis mengucapkan tahniah atas perantikan Timbalan Yang DiPertua memangku tugas Yang DiPertua MPAJ. Beliau turut menyatakan sokongan dan dokongan semua Ahli Malis serta menghulorkan kerjasama yang tidak berbelah bagi, menawarkan tenaga, fikiran dan masa untuk seiring sebagai satu pasukan dengan perpatah berat sama dipikul dan ringan sama dijinjing.
- 6.3. Beliau juga menyampaikan rasa terkilan di mana difahamkan surat perantikan memangku tugas YDP yang diterima berbentuk `open ended` yang bermaksud tidak menyatakan tempoh memangku jawatan tersebut dan tidak faham kenapa Kerajaan Negeri sukar untuk melantik seorang Yang DiPertua di MPAJ.
- 6.4. Sehubungan dengan itu, melalui perbincangan Ahli Majlis dalam Mesyuarat Pre Council telah mengusulkan pernyataan berbunyi:
- i) Menyedari perlunya struktur kepimpinan yang stabil untuk kesinambungan pelan tindakan serta pelaksanaan dasar-dasar Majlis;
 - ii) Perlunya seseorang melaksanakan tugas-tugas Yang DiPertua dengan tegas dan tuntas;
 - iii) Mengambil kira pengalaman kerja, pengetahuan kawasan, perhubungan dengan masyarakat setempat serta perkhidmatan Setiausaha merangkap Timbalan Yang DiPertua sekian lama

Maka ingin dicadangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk melantik Timbalan Yang DiPertua selaku Yang DiPertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan serta merta.

6.5. Beliau menyatakan kewajaran dan rasional keputusan ini dibuat berdasarkan alasan berikut :-

- i) Perlantikan dan arahan kepada Timbalan Yang DiPertua oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk memangku tugas YDP adalah manifestasi perakuan kelayakan atau 'implied recognition' kepada Timbalan Yang DiPertua yang berbentuk 'vote of confident' untuk melaksanakan tugas dan berperanan sebagai YDP MPAJ;
- ii) Masalah 'vaccum' kepimpinan yang tertanggung akan selesai dan kita maju ke hadapan tanpa kekangan;
- iii) Pihak Berkuasa Negeri juga boleh 'move forward' untuk laksanakan manifesto yang dijanjikan kepada rakyat khususnya di MPAJ; dan
- iv) Sebaliknya jika orang lain dilantik sebagai YDP baru MPAJ, maka akan berlaku 'period of acclimatization' iaitu waktu menyesuaikan diri dan menyatakan perkara ini tidak timbul jika Timbalan YDP yang menduduki jawatan tersebut.

6.6. Beliau berharap Pihak Berkuasa Negeri dapat mempertimbangkan cadangan Ahli Majlis demi kelangsungan dan kesinambungan pentadbiran MPAJ dan yang paling utama ialah meletakkan calon yang tepat di tempatnya.

6.7. Beliau akhiri ucapan dengan dua rangkap pantun :-

Kalau hendak menebang jati
Biar tertib tumbang jangan
Kalau hendak mencari ganti
Biar lebih kurang jangan

Kalau padi katakan padi
Tidak kami tertampi-tampi
Kalau jadi pastikan jadi
Tidak kami ternanti-nanti

7. PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan tersebut dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.05 tengahari.

Disediakan oleh:-

Urusetia
Bahagian Urusetia
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh

.....dan disokong oleh

(HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN)
Pengerusi Mesyuarat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

*Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPM 9 2013 – 30.9.2013.*

LAMPIRAN 1**SYARAT-SYARAT, PERATURAN DAN KADAR HARGA SEWAAN PENGGUNAAN
PADANG MPAJ KUALA AMPANG****SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Permohonan hendaklah melalui Jabatan Belia dan Masyarakat, MPAJ dengan menggunakan Borang Tempahan Padang dan diisi dengan lengkap.
2. Pemohon perlu mendapatkan kebenaran Pengarah/Pegawai Tadbir Jab. Belia dan Masyarakat.
3. Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya **SEBULAN** sebelum tarikh penggunaan. Bagi permohonan yang lewat bergantung kepada kekosongan jadual.
4. Perlu menjelaskan bayaran tempahan selepas mendapat kelulusan dari Pihak Majlis.
5. Sila bawa resit bayaran semasa menggunakan kemudahan.

PERATURAN PENGGUNAAN

1. Masa penggunaan adalah dari 7.00 pagi hingga 7.00 malam setiap hari.
2. Pengguna bertanggungjawab menjaga kebersihan kemudahan semasa dan selepas penggunaan.
3. Sebarang kerosakan semasa penggunaan kemudahan hendaklah ditanggung oleh pemohon.
4. Pengguna **DILARANG** menggunakan padang ketika hari hujan bagi mengelakan kerosakan padang.
5. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab keatas segala kemalangan/kecederaan yang berlaku semasa aktiviti dijalankan.

6. Segala bentuk minuman keras/makanan haram disisi agama Islam adalah **TIDAK DIBENARKAN** dibawa masuk kedalam kawasan kemudahan.
7. Pengguna hendaklah menyusun atau meletakkan peralatan yang digunakan ke tempat asal dengan teratur dan kemas selepas penggunaan.
8. Segala pemasangan khemah atau peralatan yang berstruktur hendaklah mendapat kebenaran dari pihak Majlis terlebih dahulu.
9. Pengguna dilarang menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan di dalam kawasan kemudahan.
10. Padang hanya digunakan untuk tujuan permainan/sukan bola sepak sahaja.
11. Sebarang peraturan-peraturan yang ditetapkan adalah tertakluk kepada pindaan MPAJ. Yang DiPertua Majlis atau wakilnya berhak **MEMBATALKAN KEBENARAN** yang telah diberi jika terdapat program rasmi yang melibatkan Pihak MPAJ. Segala bayaran yang telah dibuat akan dikembalikan sepenuhnya tanpa sebarang **FAEDAH** atau **GANTIRUGI** dengan syarat mengemukakan resit asal.

KADAR HARGA SEWAAN

| KEMUDAHAN | ISNIN – AHAD | MASA |
|-------------|--------------|--------------------------------|
| Padang Bola | RM200 | 2 jam/satu sesi |
| Padang Bola | RM1200 | Sehari (7.00 pagi- 7.00 malam) |

**4.1.
MAKLUMAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT (JKAPK)
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BIL.3/2013**

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL 10/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**MAKLUMAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT
DAN PENGURUSAN KORPORAT (JKAPK)
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 3/2013**

BAHAGIAN AUDIT DALAM

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan memaklumkan kepada Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 10/2013 berhubung minit mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil. 3/2013 yang telah diadakan pada 23 Oktober 2013.

2.0 LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) hendaklah diminitkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis setelah mendapat persetujuan Yang Di Pertua Majlis selaras dengan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil. 5/2010.

3.0 AGENDA PERBINCANGAN

3.1 UCAPAN Pengerusi

3.1.1 Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dengan harapan agar Allah S.W.T memberikan pertolongan dan minda yang terbuka agar segala perancangan Jawatankuasa dapat dirumuskan dengan sebaik mungkin.

3.1.2 Tuan Pengerusi mengucapkan tahniah bagi pihak Ahli JKAPK di atas kejayaan MPAJ mendapat mendapat pengiktirafan tertinggi 3 Bintang bagi Quality Environment (QE) dan mendapat 2 Bintang bagi Innovative Creative Circle (ICC) pada Konvensyen Kebangsaan Quality Environment (QE) dan Inovative Creative Circle (ICC) di Gambang, Pahang pada 1-3 Oktober 2013.

3.1.3 Pengurusan MPAJ adalah diharapkan agar dapat membuat persediaan yang sebaiknya dalam menerima kunjungan auditan dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor pada 12 November 2013 untuk sesi Auditan Keselamatan Pekerjaan (OSHA 1994) dan dari Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan turut akan dijalankan pada 19-20 November 2013. MPAJ hendaklah memastikan agar penjelasan serta maklumat yang akan disampaikan adalah tepat dan betul seterusnya melancarkan proses auditan pada hari yang telah dijadualkan tersebut.

3.2 PENGURUSAN ADUAN AWAM

Jabatan Perancangan Korporat (PC) memaklumkan taklimat berkaitan Sistem Aduan Majlis yang membolehkan Ahli Majlis untuk memantau aduan mengikut zon masing-masing secara langsung melalui emel telah di laksanakan selepas Mesyuarat Penuh Bil. 7 /2013.

Tindakan:

Makluman

3.3 LAPORAN AUDIT YANG DIBENTANG DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA) BIL. 3/2013

Ahli JKAPK mengambil maklum ke atas laporan audit dalam yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat JPKA Bil. 3/2013. Bahagian Audit Dalam (AD) diminta membuat tindakan susulan ke atas penemuan yang telah dibangkitkan.

Tindakan

Bahagian Audit Dalam

3.4 PEMBENTANGAN LAPORAN PRESTASI KERJA KONTRAKTOR PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL (PPSP) DAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM (PPA) OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN (PBK)

Dicadangkan satu mesyuarat tindakan susulan dijalankan bersama Ahli JKAPK dan Pengarah Jabatan PBK MPAJ bagi membincangkan cadangan-cadangan penambahbaikan prestasi kerja kontraktor PPSP dan PPA yang telah dipersetujui dalam pembentangan pada mesyuarat JKAPK Bil. 2/2013.

Tindakan:

Bahagian Audit Dalam /
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan
Kesihatan

3.5 PEMBENTANGAN LAPORAN PRESTASI PENGURUSAN HASIL DAN PEROLEHAN OLEH JABATAN PERBENDAHARAAN

Ahli JKAPK mengambil maklum ke atas pembentangan laporan prestasi pengurusan hasil dan perolehan sehingga bulan September 2013 oleh Jabatan Perbendaharaan. Pihak jabatan diminta meneruskan pemantauan dan pengurusan kewangan Majlis agar menepati keperluan peraturan kewangan semasa yang telah ditetapkan.

Tindakan:

Jabatan Perbendaharaan

3.6 HAL-HAL LAIN

3.6.1 Mesyuarat yang dianggotai oleh Jabatan Undang-undang (UU), Perbendaharaan (W) dan Bahagian Teknologi Maklumat (ICT) perlu diadakan bagi membincangkan prestasi pengurusan CCTV di kawasan pentadbiran MPAJ dan dibentangkan dalam mesyuarat JKAPK Bil. 4/2013.

Tindakan:

Bahagian Audit Dalam

3.6.2 Laporan mengenai tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja haram/pendatang haram di pasar malam dan pasar pagi yang menjejaskan pendapatan penjaja

tempatan di dalam turut diminta untuk dibentangkan mesyuarat JKAPK Bil. 4/2013.

Tindakan:

Jabatan Perbandaran dan Kesihatan

- 3.6.3 Pelan tindakan / prosedur kerja standard (SOP) Majlis bagi menghadapi situasi bencana seperti Tanah Runtuh diminta untuk dibentangkan untuk makluman Ahli JKAPK dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan:

Jabatan Perancangan Korporat

- 3.6.4 Jabatan Kejuruteraan diminta untuk mengkaji kos efektif pelaksanaan penyelenggaraan lampu jalan menggunakan sistem kontrak panel dalam meningkatkan tahap kecekapan MPAJ dalam menangani aduan awam berhubung perkara tersebut.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis diminta mengambil maklum mengenai perkara-perkara yang telah dibincangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil. 3/2013 seperti di para 3.0 selaras dengan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil. 5/2010.

Disediakan Oleh:

(MOHD FAZRIN B.RAHMAN)
Juruaudit
Bahagian Audit Dalam
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

24 Oktober 2013

**5.1.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN TAKSIRAN BIL.10/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.10/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 21 OKTOBER 2013

MASA : 2.30 PETANG – 5.00 PETANG

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain (TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Abdul Latif Bin Shaari | - | '' |
| 4. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | '' |
| 5. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | '' |
| 6. | Tn. Fong Teck Keong | - | '' |
| 7. | Pn. Sian Keng Eng | - | '' |
| 8. | Tn. Chua Yew Choong | - | '' |
| 9. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | '' |
| 10. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | '' |
| 11. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | '' |
| 12. | Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad | - | '' |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Wong Khai Pun | - | Ahli Majlis |
|----|-------------------|---|-------------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.10/2013**

LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.10/2013 telah diadakan pada 21 Oktober 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2013**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – September 2013 ialah sebanyak RM92.90juta dan tunggakan cukai sebanyak RM12.53juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 334,239 bil bagi tempoh penggal kedua (2) dalam tahun 2013.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 30 September 2013 ialah sebanyak RM75.80juta. Pencapaian kutipan semasa

cukai taksiran adalah RM66.68juta; 71.78% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM9.12juta; 69.65%.

2.1.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 30 September 2013 dan 30 September 2012.

| Perbandingan kutipan cukai taksiran | | | |
|-------------------------------------|------------------------|------------------------|---|
| Perkara | 01/01/13 – 30/09/13 | 01/01/12 – 30/09/12 | Ulasan |
| Kutipan cukai semasa | RM66.68juta | RM63.88juta | Peningkatan kutipan cukai semasa RM2.80juta; 4.19% |
| Kutipan tunggakan cukai | RM9.12juta | RM9.07juta | Penurunan kutipan tunggakan cukai RM0.05juta; 0.52% |
| Jumlah | RM75.80juta | RM72.95juta | Peningkatan kutipan keseluruhan RM2.85juta; 3.75% |

2.1.4. Laporan Tunggakan Cukai Taksiran 1 Januari 2013 sehingga 30 September 2013 dan senarai 50 pemaju serta 100 individu Tunggakan Cukai Taksiran adalah seperti di **Lampiran 1**.

2.1.5. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 30 September 2013 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

| Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK | | | |
|--|----------------------------|-------------------|-----------------------------------|
| Jenis cukai taksiran | Sasaran kutipan arahan SUK | Pencapaian Majlis | Kekurangan/ Lebihan sasaran |
| Cukai semasa | RM83.61juta | RM66.68juta | Kekurangan sasaran RM18.32juta |
| Tunggakan cukai | RM8.77juta | RM9.12juta | Lebihan sasaran RM0.35juta |

2.1.6. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu setiap minggu bermula 18 November 2006 yang lalu.
- c) Pembukaan kaunter di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.

- d) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan pembayaran secara eBanking melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
- e) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.
- f) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas pelaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.
- g) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.
- h) Menyelaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke **Convergent Technologies Operating System (CTOS)**.

2.1.7. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 30 September 2013.**

2.2. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2013

2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi bajet 2013 sehingga 30 September 2013.

2.2.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2013 adalah sebanyak RM118juta dengan perbelanjaan RM71.58juta atau 60.66% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan dengan peruntukan berjumlah RM1juta bagi tahun 2013.

2.2.3. Laporan Prestasi Perbelanjaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dari 1 Januari hingga 30 September 2013 seperti di **Lampiran 2**.

2.2.4. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis sehingga 30 September 2013 berjumlah RM23.51juta dengan perbelanjaan RM19.05juta atau 80.92%. Laporan Perincian Perbelanjaan daripada Peruntukan Khas Tahun 2011 - 2013 bagi bulan 1 Januari 2011 hingga 30 September 2013 seperti di **Lampiran 3**.

2.2.5. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2013 sehingga 30 September 2013.**

2.3. LAPORAN PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 DARI 1 JANUARI 2013 HINGGA 30 SEPTEMBER 2013

2.3.1. Mesyuarat dimaklumkan penyata pendapatan dan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2013 hingga 30 September 2013.

2.3.2. Pendapatan bagi hasil cukai adalah sebanyak RM75.80juta dan pendapatan bagi hasil bukan cukai adalah sebanyak RM13.73juta. Jumlah pendapatan bagi hasil cukai dan hasil bukan cukai Majlis sehingga 30 September 2013 berjumlah RM89.53juta. Perbelanjaan Majlis sehingga 30 September 2013 berjumlah RM84.65juta. Lebihan pendapatan Majlis sehingga 30 September 2013 berjumlah RM4.88juta.

2.3.3. Laporan simpanan tetap sehingga 30 September 2013 adalah sebanyak RM66juta dan telah ditetapkan sebagai komitmen perbelanjaan Majlis.

2.3.4. Perincian laporan pendapatan, perbelanjaan dan simpanan tetap adalah seperti di **Lampiran 4**.

2.3.5. Majlis masih kekurangan aliran wang tunai sebanyak RM11.6120juta untuk perbelanjaan September hingga Disember 2013 termasuk AKB Januari 2014.

(Baki peruntukan vot Majlis tanpa emolumen - simpanan tetap baki peruntukan perbelanjaan Majlis)=(RM47.42juta-RM8.81juta)-RM27juta=RM11.61juta.

2.3.6. Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2013 hingga 30 September 2013.

2.4. KERTAS KERJA CADANGAN BAGI MENJELASKAN BAYARAN BIL TERTUNGGAK DI AMPANG LOOK OUT POINT (ALOP), MUKIM AMPANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.

2.4.1. Mesyuarat dimaklumkan keputusan Mesyuarat mengenai isu Ampang Look Out Point (ALOP) pada 15 Ogos 2013 di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Shah Alam untuk mendapatkan kelulusan berkaitan cadangan menjelaskan bayaran bil tertunggak di Ampang Look Out Point (ALOP), Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

2.4.2. Lokasi pusat pelancongan Ampang Look Out Point ini terletak di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang dan bersempadanan dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Keputusan Mesyuarat MTES pada 11 November 2003, Pusat Pelancongan tersebut telah diserahkan kepada Majlis Perbandaran Kajang di mana Majlis Perbandaran Kajang akan melantik Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi menguruskan pengendaliannya.

2.4.3. Semenjak tahun 2003 sehingga kini, beberapa agensi yang terlibat dengan pengurusan pengendalian Pusat Pelancongan di Look Out Point antaranya Majlis

Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Tourism Selangor dan Jabatan Perhutanan.

2.4.4. Isu berkaitan dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang dibincangkan dalam mesyuarat ALOP adalah isu bayaran tertunggak bil elektrik dan bil air.

2.4.5. Pihak jabatan mendapati penama bil elektrik masih di atas penama Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan masih belum ditukar nama kepada penama agensi terakhir yang menguruskan pengendalian tempat berkenaan.

2.4.6. Pihak Majlis mengambil maklum dan bersetuju untuk menjelaskan bayaran tertunggak bagi bil elektrik dan bil air dengan syarat pihak Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) akan menyediakan surat kelulusan khas untuk membayar semula amaun tersebut kepada pihak Majlis.

2.4.7. Pada 28 Ogos 2013, pihak UPEN telah mengeluarkan surat kelulusan khas untuk menyalurkan peruntukan kepada pihak Majlis setelah proses pembayaran selesai dilaksanakan oleh pihak Majlis.

2.4.8. Hasil semakan dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) didapati bil elektrik tertunggak semasa sehingga bulan September 2013 bagi ketiga-tiga nombor akaun bekalan adalah seperti berikut :-

- 2.4.8.1 Nombor akaun 0123 00639993 07 di Look Out Point De' Puncak Serambi, Jalan Ampang, Hulu Langat berjumlah **RM35, 902.80**.
- 2.4.8.2 Nombor akaun 0123 00616631 02 di Rumah Pam, Pusat Pelancongan Look Out Point, Jalan Ampang Tasek, Hulu Langat berjumlah **RM115.40**.
- 2.4.8.3 Nombor akaun 0123 00672874 04 di Pusat Pelancongan Look Out Point, Jalan Ampang, Hulu Langat berjumlah **RM656.55**.
- 2.4.9. Pembayaran bil air tertunggak yang berjumlah RM12,753.60 kepada pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS). Jumlah sebenar adalah tertakluk kepada bil yang dibuat pada kali terakhir urusan pembayaran penuh kepada pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS).
- 2.4.10. Setelah selesai pembayaran tunggakan bil tersebut, pihak Majlis akan membuat penutupan akaun ke atas bil-bil tersebut dan memohon pihak UPEN serta pihak Tourism Selangor Sdn. Bhd. membuat pertukaran penama bagi akaun bil elektrik dan bil air.
- 2.4.11. Mesyuarat **bersetuju untuk membuat pembayaran tunggakan bil elektrik dan bil air di Ampang Look Out Point (ALOP), Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan dengan menggunakan**

peruntukan jabatan. Pihak Majlis akan memohon pihak UPEN menyalurkan peruntukan bagi pembayaran balik bil-bil tertunggak tersebut.

2.5. CADANGAN KERJA-KERJA KECEMASAN PENYELENGGARAAN HAKISAN TANAH PADA PERMUKAAN CERUN DI JALAN MEGA 13, TAMAN MEGA JAYA, AMPANG

2.5.1. Mesyuarat dikemukakan berhubung kerja-kerja kecemasan yang telah dilaksanakan untuk makluman dan pengesahan mesyuarat bagi kerja-kerja tawaran yang melebihi RM 20,000.00.

2.5.2. Satu kejadian hakisan tanah telah berlaku pada 13 Oktober 2013 bersebelahan rumah No. 55 (lorong tepi) Jalan Mega 13, Taman Mega Jaya, Ampang. Hakisan terjadi akibat terdapat aliran air bawah tanah yang menyebabkan kegagalan struktur cerun. Punca hakisan belum dapat dikenal pasti memandangkan terdapat 2 aliran paip bawah tanah iaitu di bawah tanggungjawab pihak Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Berhad (SYABAS).

2.5.3. Kesan daripada kejadian tersebut, longkang pada bahagian bawah cerun (road side drain) telah tertimbus dengan tanah dan tembok longkang telah tumbang.

2.5.4. Terdapat hakisan tanah pada cerun potongan yang berukuran 4m(P) x 5m(L) dan terdapat beberapa batang pokok yang telah tumbang. Punca hakisan tanah dan pokok tumbang disebabkan terdapat aliran air daripada bawah tanah yang mengalir ke permukaan cerun sehingga menyebabkan keadaan cerun gagal dan mengakibatkan pokok tumbang. Cerun yang mengalami hakisan tanah seperti ini boleh mengganggu keselamatan penduduk di sekitar Jalan Mega 13 dan Jalan Mega 15. Manakala tahap risiko di kawasan hakisan tanah ini adalah tinggi.

2.5.5. Pihak jabatan telah mengambil tindakan segera di bawah peruntukan Seksyen 30, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bagi kerja-kerja pembaikan yang sedang dilaksanakan dan kerja-kerja tambahan yang perlu dilaksanakan :

| TAJUK KERJA | SKOP KERJA & KOS (RM) | NAMA SYARIKAT | STATUS KERJA (%) |
|---|--|---------------------------------|------------------|
| CADANGAN KERJA-KERJA KECEMASAN PENYELENGGARAAN HAKISAN TANAH PADA PERMUKAAN CERUN DI JALAN MEGA 13, TAMAN MEGA JAYA, AMPANG. No. Fail: MPAJ.KEJ.C.720-1/142/13 | - Kerja Awalan - Kerja pembersihan kawasan hakisan termasuk tembok penahan - Kerja pembaikan longkang & tembok longkang. | Syarikat Perniagaan Laqasi Maju | 30% |

| | | | |
|--|---|--|--|
| | - Kerja menyelenggara permukaan cerun. <u>Kos</u> 74,895.00 | | |
|--|---|--|--|

2.5.6. Mesyuarat **bersetuju dan mengesahkan** kerja-kerja penyelenggaraan hakisan tanah pada permukaan cerun di Jalan Mega 13, Taman Mega Jaya, Ampang, Selangor Darul Ehsan oleh Syarikat Perniagaan Laqasi Maju dengan kos sebanyak RM74,895.00. Kerja-kerja pembaikan akan diserahkan kepada pihak SYABAS.

2.6. PULANG BALIK CUKAI TAKSIRAN (REMISI) KE ATAS BANGUNAN KOSONG SEPANJANG PENGGAL PERTAMA CUKAI TAHUN 2013 (JANUARI-JUN 2013)

2.6.1. Mesyuarat dimaklumkan Pulangan Balik Cukai Taksiran (Remisi) Ke Atas Bangunan Kosong Sepanjang Penggal Kedua Cukai Tahun 2011 (Januari-Jun 2013).

2.6.2. Sepanjang penggal pertama cukai Januari - Jun 2013, pihak Jabatan telah menerima dan memproses sebanyak 138 permohonan yang layak diberikan pemulangan balik Cukai Taksiran.

2.6.3. Hasil dari pengesahan REMISI yang perlu dikembalikan adalah sebanyak RM110,349.78, perkiraan ini adalah mengambilkira bilangan hari yang layak dipertimbangkan seperti di **Lampiran 5**.

2.6.4. Pemakluman kekosongan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan :

2.6.4.1 Pemilik ada usaha untuk mendapatkan penyewa,

2.6.4.2 Pemilik menunjukkan bil elektrik dan air,

2.6.4.3 Keadaan bangunan yang sesuai untuk didiami, serta:

2.6.4.4 Telah menjelaskan Cukai Taksiran.

2.6.5. Mesyuarat **mengambil maklum dan bersetuju dengan jumlah REMISI sebanyak RM110,349.70 dan diselaraskan semula dalam transaksi setiap akaun yang terlibat.**

2.7. KERTAS MAKLUMAN BERKENAAN HAD SEMPADAN PENYELENGGARAAN (LMR) DAN TUNTUTAN GANTI RUGI OLEH PIHAK MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA KEPADA PIHAK KONSESI LEBUHRAYA SUNGAI BESI (BESRAYA EXTENSION) DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.7.1. Mesyuarat dikemukakan berkenaan had sempadan penyelenggaraan (LMR) dan tuntutan ganti rugi oleh pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya kepada pihak konsesi Lebuhraya Sungai Besi (Besraya Extension) di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.7.2. Pihak konsesi Besraya sedang melaksanakan kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Sungai Besi (Besraya Extension)

yang melibatkan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.7.3. Terdapat 2 jajaran / sambungan lebuh raya melibatkan kawasan MPAJ iaitu Pandan Link dan MRR2 Link. Jumlah panjang jajaran lebuh raya yang melibatkan kawasan MPAJ adalah sepanjang 5.9 km iaitu Jajaran Pandan Link melibatkan kawasan Cheras Indah dan Pandan Indah sepanjang 3.3km manakala MRR2 Link melibatkan kawasan Pandan Jaya sepanjang 2.6 km.

2.7.4. Terdapat beberapa isu telah dibangkitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.9/2013 berhubung tuntutan gantirugi ke atas pihak konsesi Besraya yang melibatkan infrastruktur dan kemudahan awam milik MPAJ.

2.7.5. Pihak jabatan telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama jabatan dalaman melibatkan Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Pelesenan, Jabatan Belia dan Masyarakat dan Jabatan Penguatkuasa pada 4 Oktober 2013 bagi menyelaraskan dan mendapatkan maklumbalas berhubung status semasa tuntutan gantirugi ke atas pihak konsesi Besraya.

2.7.6. Susulan dari perbincangan itu juga, satu mesyuarat telah diadakan pada 17 Oktober 2013 melibatkan pihak konsesi Besraya, Jawatankuasa Taskforce Billboard, Ahli Majlis dan jabatan dalaman MPAJ bagi membincangkan isu tuntutan gantirugi serta had

sempadan penyelenggaraan (LMR) setelah lebuhraya berkenaan siap sepenuhnya.

2.7.7. Isu-isu yang perlu diselaraskan dengan pihak Konsesi Besraya melibatkan perkara-perkara berikut :

- i) Had Sempadan Penyelenggaraan (LMR)
- ii) Gantirugi Papan Iklan/Billboard
- iii) Gantirugi Penebangan Pokok
- iv) Gantirugi Tempat Letak Kereta

2.7.8. Pihak konsesi Besraya telah mengemukakan had sempadan penyelenggaraan (LMR) agar semua jajaran lebuhraya bertingkat adalah di bawah penyelenggaraan pihak konsesi kecuali bagi jajaran bertingkat di persimpangan antara Pandan Indah dan Pandan Mewah menghala ke Kg Ampang Campuran. Manakala jalan yang berada di bawah struktur jejambat akan diserahkan kepada pihak MPAJ termasuk jajaran longkang di jalan berkenaan.

2.7.9. Bagi jajaran leburaya di Pandan Indah pula, jajaran yang tidak mempunyai struktur jejambat akan diserahkan juga kepada pihak MPAJ bermula dari jajaran berhampiran Masjid Al-Azim Pandan Indah sehingga jajaran terakhir lebuhraya di Kg Ampang Campuran.

2.7.10. Pihak Jabatan Pelesenan telah menyelaraskan tindakan pengalihan papan iklan ke luar kawasan rezab Lebuhraya Sungai Besi (Besraya Extension). Pihak

konsesi Besraya telah memaklumkan kepada Jabatan Pelesenan mengenai pengalihan papan iklan/billboard yang tidak berlesen pada 18 Mei 2012. Pengalihan ini bertujuan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembinaan struktur longkang dan pelebaran jalan oleh pihak konsesi Besraya.

2.7.11. Semakan semula Jabatan Pelesenan mendapati tuntutan gantirugi telah dibuat dan ianya melibatkan 11 unit papan iklan dan 8 unit tapak dengan jumlah tuntutan berjumlah RM150,123.00 setahun. Jumlah tuntutan yang akan dibuat adalah berjumlah RM300,246.00 berdasarkan tempoh dua tahun iaitu tahun 2012 dan 2013.

2.7.12. Bagi tuntutan gantirugi penebangan pokok, pihak Jabatan Belia dan Masyarakat telah membuat penilaian di tapak pada 29 Julai 2013 dan mengenakan tuntutan gantirugi sebanyak RM136,300.00 bagi jajaran MRR2 Link (Pandan Jaya) kepada pihak konsesi Besraya dengan kaedah pembekalan pokok. Manakala tuntutan gantirugi bagi jajaran di Pandan Link (Pandan Indah) adalah sebanyak RM713,500.00. Walau bagaimanapun, pihak konsesi Besraya masih belum mengemukakan bayaran kepada pihak Majlis bagi gantirugi terhadap penebangan pokok yang telah dilaksanakan tanpa kelulusan.

2.7.13. Bagi tuntutan gantirugi pengalihan mesin bayaran tempat letak kereta sebanyak 49 unit tempat letak kereta akan ditanggung oleh pihak konsesi Besraya. Pihak konsesi Besraya telah mengemukakan bayaran tuntutan gantirugi sebanyak RM33,203.74 kepada pihak Majlis sebagai kos terhadap penggunaan tempat letak kereta di Jalan Pandan 1, Pandan Jaya yang melibatkan sebanyak 49 unit tempat letak kereta.

2.7.14. Pihak konsesi Besraya juga telah mengemukakan bayaran gantirugi bagi penggunaan tempat letak kereta sebanyak 15 unit di Jalan Pandan Indah 4/34 dengan jumlah bayaran RM 6,117.50 dan gantirugi penggunaan tempat letak kereta di Jalan Pandan Indah 1/23A sebanyak RM 11,830.00.

2.7.15. Berikut merupakan ringkasan jumlah tuntutan gantirugi kepada pihak konsesi Besraya :

| BIL | PERKARA | KOS TUNTUTAN (RM) | STATUS |
|---------------------------|---------------------------------|----------------------|-----------------------------|
| 1. | Penurunan Papan Iklan/Billboard | 300,246.00 | Perbincangan |
| 2. | Penebangan Pokok | 849,800.00 | Tiada Maklumbalas |
| 3. | Tempat Letak Kereta | 51,151.24 | Telah dijelaskan pembayaran |
| JUMLAH TUNTUTAN GANTIRUGI | | RM 1,201,197.24 | |

2.7.16. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum syor** seperti berikut :

- a) keseluruhan jajaran yang berada dalam rezab (R.O.W) Lebuhraya Sungai Besi (Besraya Extension)

di Pandan Indah ini di selenggara oleh pihak konsesi.

- b) tuntutan gantirugi ini dibuat kepada pihak konsesi Besraya dengan jumlah keseluruhan tuntutan sebanyak RM 1,201,197.24.
- c) mesyuarat penyelarasan berkala diadakan setiap bulan bagi memantau perkembangan tuntutan gantirugi serta tahap pelaksanaan kerja-kerja pembinaan lebuhraya di tapak.
- d) pemeriksaan akhir di tapak dilaksanakan bersama jabatan-jabatan MPAJ yang terlibat dan pihak konsesi Besraya setelah kerja-kerja pembinaan lebuhraya siap sepenuhnya di tapak bagi memastikan semua isu yang melibatkan MPAJ dapat diselesaikan sepenuhnya.

2.8. LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA TASKFORCE KHAS BILLBOARD DAN MENARA TELEKOMUNIKASI BIL.6/2013 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.8.1. Mesyuarat dikemukakan laporan Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.6/2013 untuk memaklumkan perkembangan perkara yang telah dibincangkan dan cadangan serta syor yang telah dikemukakan seperti di **Lampiran 6**.

2.8.2. Mesyuarat **mengambil maklum dan meluluskan syor yang dibentangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa**

Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi
Bil.6/2013 seperti berikut :

2.8.2.1. Menggunakan slogan 'Ampang Jaya Menuju
Bandar Bersih, Selesa dan Hijau'.

2.8.2.2.13 lokasi sedia ada dibuat tawaran terbuka
bermula pada 1 November 2013.

2.8.2.3. Jabatan Belia dan Masyarakat perlu
menyediakan cadangan pelan landskap yang
standard.

2.8.2.4. Jabatan Undang-Undang perlu mengkaji semula
perjanjian dengan Tetuan Acube Media dengan
cadangan menaikkan kadar sewa dan hak
Majlis ke atas slot 60 saat dan membenarkan
pihak Majlis menyewakan slot tersebut.

2.8.2.5. Mempamerkan gambar-gambar YDP dan
pengarah-pengarah pada billboard selaras
dengan arahan YB Dato' Teng.

2.8.2.6. Tuan Razali Bin Ramly mencadangkan supaya
gambar-gambar YDP dan pengarah-pengarah
dipamerkan pada billboard di setiap DUN.

2.8.2.7. Tuntutan kepada Besraya sebanyak RM15,123.00
setahun untuk tempoh 2 tahun.

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-**3.1 BAYARAN SYARIKAT SUASA EFEKTIF SDN. BHD.**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Syarikat Suasa Efektif Sdn. Bhd. telah membuat pembayaran tunggakan sebanyak RM222,876.42. Syarikat Suasa Efektif Sdn. Bhd. hanya ada bil semasa iaitu sebanyak RM106,129.44 sahaja.

Makluman

3.2. ISU TANAH YAP AH LOY DI PEKAN AMPANG

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) telah memanjangkan perkara ini ke Unit Hakmilik Hilang/Rosak/Hancur pada 2 September 2013. Proses membatalkan hakmilik lama,ewartakan di Percetakan Nasional Berhad dan mengeluarkan hakmilik baru mengambil masa 3 bulan dan dijangka selesai pada November 2013. Pihak Majlis akan dimaklumkan dengan kadar segera selepas hakmilik baru dikeluarkan.

Tindakan :

Jabatan Undang-Undang

3.3. STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, tarikh mula iklan tender adalah pada 14 Oktober 2013 manakala taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada 23 Oktober 2013. Tarikh tutup tender adalah pada 4 November 2013. Pelaksanaan kerja dijangka pada 1 Disember 2013.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.4. SENARAI DAN JUMLAH GERAI B.O.T MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan, 25 penjaja yang tiada berlesen, 5 daripadanya telah mengemukakan permohonan dan dalam tindakan jabatan. Pemantauan akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa di semua BOT Majlis.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.5. STATUS PEMUTIHAN GERAI HARAM

Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Pemutihan Bangunan akan diadakan pada 24 Oktober 2013. Pada mesyuarat yang lepas memutuskan bahawa isu pemutihan gerai haram di bincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

Makluman

3.6. GARISPANDUAN BAGI PROJEK PENSWASTAAN

Mesyuarat dimaklumkan, Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2008 telah membuat ketetapan untuk tidak menjual secara terus/ menjalankan projek secara usahasama ke atas mana-mana tanah milik Kerajaan Negeri kepada syarikat/individu melainkan melalui sistem tender terbuka.

Sekiranya terdapat mana-mana tanah di kawasan yang bersesuaian untuk dibangunkan pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dibantu oleh PBT diminta

meneliti nilai tambah mengambilkira aspek persekitaran, nilai hartanah, pulangan kepada kerajaan dan juga keperluan masyarakat setempat.

Makluman

4.0 HAL-HAL LAIN

TN. RAZALI BIN RAMLY

4.1. LOT PARKING DI KAWASAN-KAWASAN BARU

Beliau mohon Majlis melantik syarikat baru untuk lot parking bagi kawasan-kawasan baru selain dari Syarikat Suasa Efektif Sdn. Bhd. Kawasan-kawasan baru ini juga dapat menjana pendapatan Majlis.

Tindakan :
Jabatan Perbendaharaan

TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR

4.2. ADUAN TENTANG BIL CUKAI TAKSIRAN

Beliau telah menerima aduan daripada penduduk di Zon 5 berkaitan bil tunggakan cukai taksiran atas kelewatan membayar bagi penggal Jul-Dis 2013. Penduduk memaklumkan mereka tidak menerima bil asal dan mereka mohon dikecualikan denda. Mohon aduan ini diambil tindakan oleh jabatan berkaitan.

Tindakan :
Jabatan Perbendaharaan

TN. ABDUL AZIZ BIN AHMAD**4.3. MAKLUMAN PENGOPERASIAN CCTV DI KAWASAN
PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

Beliau mohon makluman berkaitan pengoperasian CCTV di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Tuan Pengerusi memaklumkan kertas kerja akan dibentangkan pada mesyuarat akan datang.

**Tindakan :
Jabatan Perancangan Korporat**

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
24Oktober2013

5.2.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN BIL.10/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL. 10/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 22 OKTOBER 2013

MASA : 9.30 PAGI – 12.05 TENGAHARI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | |
|---|---|-------------|
| 1. Tn. Abd. Hamid Bin Hussain (Timbalan Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. Tn. Abdul Jalil Bin Hasan | - | Ahli Majlis |
| 3. Tn. Abd. Latif bin Shaari | - | " |
| 4. Tn. Jafrien bin Muhammad | - | " |
| 5. Tn. Ali Bin Ismail | - | " |
| 6. Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 7. Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 8. Tn. Mohamad Bin Samad | - | " |
| 9. Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 10. Tn. Abdul Aziz bin Ahmad | - | " |
| 11. Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 12. Tn. Ho Ah Nghoh | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | |
|--------------------------|---|-------------|
| 1. Tn. Hamsah Bin Djabir | - | Ahli Majlis |
|--------------------------|---|-------------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.10/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN
KEMASYARAKATAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar Dan Kemasyarakatan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 10/2013 telah diadakan pada 22 Oktober 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. KERTAS CADANGAN PENAMAAN SEMULA TANAH PERKUBURAN
ISLAM BUKIT PERMAI 2**

2.1.1. Mesyuarat dikemukakan dengan cadangan penamaan semula bagi Tanah Perkuburan Islam di Bukit Permai 2 yang mana ianya dicadangkan oleh Ahli Majlis Zon 23.

2.1.2. Pada tahun 2007, semua Pihak berkuasa Tempatan telah dipertanggung jawabkan untuk mengurus hal-hal

Tanah perkuburan Islam di kawasan masing-masing yang mana sebelum ini ditadbir oleh pihak Masjid.

2.1.3 Tanah Perkuburan Islam Bukit Permai 2 ini terletak di kawasan Bukit Permai 2 dan berada di kawasan JKP Zon 23 telah dibuka pada Mei 2012. Sehingga kini hampir 620 orang Islam telah dikebumikan di kawasan Tanah Perkuburan berkenaan.

2.1.4. JKP Zon 23 telah mengemukakan 3 cadangan nama untuk penamaan semula Tanah Perkuburan dan perkara ini telah dipanjangkan kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor untuk pertimbangan. Majlis telah menerima maklumbalas dari Jabatan Mufti Negeri Selangor dan berpendapat cadangan nama Pusara Permai Ampang lebih sesuai dan mudah dikenalpasti tempatnya.

2.1.5. Mesyuarat bersetuju dan menerima dengan nama **Pusara Permai Ampang** sebagai nama baru bagi Tanah Perkuburan Islam Bukit Permai 2.

2.2. KERTAS MAKLUMAN KEPUTUSAN PENUH PERTANDINGAN SUKAN JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) 2013

2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan dengan keputusan penuh Pertandingan Sukan JKP MPAJ 2013 yang diadakan selama 3 minggu berturut-turut pada setiap hari Ahad bermula 22 September hingga 6 Oktober 2013.

2.2.2. Sebanyak 12 kategori sukan dipertandingkan dan 3 daripadanya adalah acara baru iaitu futsal, bowling dan tarik tali dan penyertaan amatlah mengalakkan.

2.2.3. Juara keseluruhan Sukan JKP 2013 disandang oleh JKP Zon 9, Naib Juara JKP Zon 13 dan tempat ketiga JKP Zon 17. Juara keseluruhan telah memenangi Piala Pusingan dan wang tunai sebanyak RM2000.00, Naib Juara RM1500.00 dan Ketiga RM1000.00. Laporan penuh keputusan Pertandingan Sukan JKP MPAJ 2013 seperti di **Lampiran 1**.

2.2.4. Mesyuarat menerima dan mengambil maklum laporan keputusan Pertandingan Sukan JKP MPAJ 2013.

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

3.1 ASPEK KESIHATAN

3.1.1 PROGRAM COMBI DAN LAPORAN DENGGI DI SEKITAR AMPANG JAYA

Mesyuarat dimaklumkan bagi kes denggi sehingga minggu Epid ke 43 sehingga 26 Oktober 2013, dilaporkan 1281 kes denggi di mana 1273 kes demam denggi dan 8 kes demam denggi berdarah.

Terdapat 19 lokasi wabak terkawal iaitu di Taman Penggiran Ukay, Taman Ukay Bistari, Taman Keramat AU 2A dan Flat AU 2A, Kuala Ampang, Puteri Condo

Taman Dato Ahmad Razali, Taman Dagang Jaya, Taman Kosas Jalan 1/1, Flat 610 Pandan Indah, Rejana Escourt Dagang Jaya, Taman Melur 19 – 39, , Lembah Jaya Selatan, Flat Angsana Hilir, Taman Seri Bayu, Taman Kesuma, Mesra Prima, Taman Tasik Tambahan 4/8 – 4/7A, Jalan Jujur Taman Bakti, Sri Pinang Villa (Kg Pandan), Lorong Bersih Kg Pandan, Taman Cempaka Jalan 23 – 31, Jalan 8 -14A, Jalan 2 – 7, Flat Taman Dagang dan Jalan 1/1 – 11 Taman Dagang.

Sementara itu, 8 lokasi wabak tidak terkawal dikenalpasti iaitu Taman Rasmi Jaya, Taman Bukit Indah Fasa 2 dan 3, Appartment Residensi Bestaria, Kelab Ukay, Pandan Pertama Kg Pandan, Taman Nirwana 1 – 17, City Garden (Palm Villa) dan Sri Pinang Nirwana.

Mesyuarat turut dimaklumkan tiada kes kematian dicatat. Mesyuarat meminta agar penduduk Ampang Jaya lebih berwaspada dan mengadakan gotong-royong bersama penduduk bagi menjalankan salah satu aktiviti mencegah wabak denggi membiak.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.2 KEMPEN TANGKAP TIKUS

Mesyuarat dimaklumkan Jabatan telah menjalankan aktiviti kawalan tikus pada bulan September 2013 di lokasi seperti berikut :

- i) 2/9/2013 - Jln 2/2 Pandan Cahaya
(11ekor)
- ii) 5/9/2013 - Jln Permata 15, Tmn Permata
(7 ekor)

- Persiaran Pandan 1, Pandan Jaya
(15 ekor)
- iii) 6/9/2013 - Jln Dagang 2/7, Taman Dagang
(13 ekor)
- iv) 10/9/2013 - Jln 3/4 , Kg Tasik Tambahan (7ekor)
- v) 11/9/2013 - Jln Pandan 4/6, Pandan Indah
(9 ekor)
- vi) 18/9/2013 - Jln Perdana 6/9, Pandan Perdana
(21 ekor)
- Tiara Duta Taman Putra Sulaiman
(32 ekor)

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.3. PEMERIKSAAN KEBERSIHAN KE ATAS RESTORAN

Mesyuarat dimaklumkan sehingga September 2013, sebanyak 734 premis diperiksa di mana 208 premis adalah gred A, 342 premis gred B dan manakala gred C 184 premis seperti di **Lampiran 2**. Sebanyak 87 kompaun telah dikeluarkan. Penutupan premis tak suci akan diteruskan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.4. SEMBURAN NYAMUK DI FLAT TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan bahawa semburan di kawasan ini telah dilaksanakan pada 4 September 2013, Sehingga kini tiada kes baru dilaporkan di situ.

Makluman

SULIT

3.2. ASPEK ALAM SEKITAR

3.2.1. KEMPEN TONG SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan sehingga bulan September 2013 sebanyak 3,582 notis penyediaan tong sampah kepada pemilik premis telah dikeluarkan yang meliputi Jalan 1 dan 3, Taman Industri Pandan Indah dan Jalan 6/6 Pandan Komersial Pandan Indah. Sebanyak 11 kompaun telah dikeluarkan pada bulan September 2013 meliputi keseluruhannya ialah 150 kompaun.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.2. KAWASAN LAPANG DI ANTARA JALAN BUNGA TANJUNG 9 DAN BUNGA TANJUNG 8A DAN 8B (TANAH PEMAJU METROPLEX)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pemohon telah memohon lesen di Jabatan Pelesenan bagi operasi aktiviti tempat letak kereta terbuka di tapak. Jabatan Perancang Bandar diminta menyemak dengan teliti pelan layout di tapak supaya laluan masuk tidak menggunakan tempat letak kereta Majlis.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

3.2.3. KAWASAN LAPANG (DITAPAK BEKAS RUMAH CONTOH PEMAJU METROPLEX) DI TAMAN KOSAS

Mesyuarat dimaklumkan bahawa proses sebutharga untuk Projek Taman Dusun Bandar telah dibuat pada 21 Oktober 2013.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.2.4. LAIN-LAIN TAPAK KAWASAN LAPANG (PEMAJU METROPLEX) DI DALAM PENTADBIRAN MPAJ

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Perancang Bandar telah mengeluarkan surat arahan kepada Pemaju Metroplex supaya membersihkan dan menyelenggara semua tapak kawasan lapang milik mereka.

Makluman

3.2.5. PEMBERSIHAN KAWASAN DI KAWASAN PEMAJU TAMAN MESTIKA

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan dan arahan pemasangan 'hoarding' telah dikeluarkan kepada pemilik NAZA TTDI SB.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.6. LONGKANG TERSUMBAT MENYEBABKAN BERLAKU BANJIR

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan batu dalam culvert di persimpangan Jalan AU2A dan Jalan Enggang Timur telah siap dilaksanakan pada 7 Oktober 2013.

Makluman

3.2.7. KERJA-KERJA PEMBERSIHAN MENGIKUT JADUAL

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan longkang monsun di sepanjang Taman Puncak Bukit Utama sehingga Taman Bukit Mulia dijalankan mengikut jadual kerja.

Makluman

3.2.8. RUMAH KOSONG TERBIAR DAN DIPENUHI SEMAK SAMUN

Notis pembersihan ke atas rumah kosong telah diberikan kepada pemilik rumah di Taman Kelab Ukay, Taman Bukit Utama, Taman Bukit Jaya dan Taman Bukit Antarabangsa. Jika tiada tindakan pembersihan, Majlis akan membersihkan mengikut mengikut pelan tindakan aduan bulanan.

Makluman

3.2.9. PUNGUTAN SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan hasil semakan, didapati kerja-kerja kutipan sampah dilaksanakan mengikut jadual di Taman Ukay Bestari, Apartment Bestaria dan Flat Mulia Dahlia.

Makluman

3.2.10.PRESTASI KONTRAKTOR DI ZON 19

Mesyuarat dimaklumkan teguran telah diberikan kepada Syarikat Kontraktor di Zon 19 supaya membuat kerja-kerja pembersihan dengan sempurna dan pemantauan kepada kontraktor tersebut akan diteruskan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.11. SAMPAH BERTABURAN

Kerja-kerja pembersihan padang permainan di Jalan 3/4 Pandan Indah telah dilaksanakan pada 4 dan 5 Oktober 2013.

Makluman

3.2.12.KUTIPAN SAMPAH TIDAK MENGIKUT JADUAL

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Majlis akan memastikan kontraktor sampah menjalankan tugas mengutip sampah mengikut jadual iaitu 3 hari dalam seminggu di Jalan 31, Taman Putra.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.13.LONGKANG TERSUMBAT

Kerja-kerja pembersihan longkang dan gotong royong telah diadakan pada 6 Oktober 2013 di Pasar Pagi Taman Muda.

Makluman

3.2.14.TANAH TERBIAR (TAPAK KELAB RIVERDALE) DIJADIKAN TEMPAT BUANGAN SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan kawasan lapang di Jalan Mulia 1/1 (tapak Kelab Riverdale) telah diwartakan sebagai kawasan lapang. Tindakan pembersihan akan dijalankan mengikut pelan tindakan bulan November 2013.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.15.LONGKANG TERSUMBAT

Kerja-kerja pembersihan longkang di Jalan Besar Ampang, Pekan Ampang masih dilaksanakan oleh kontraktor kawasan secara berperingkat bermula dari 20 September 2013.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.16.SIKAP KONTRAKTOR PPSP ZON 5

Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan PPSP 5 telah stabil mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Makluman

3.2.17.PEMBUANGAN SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan 3 kompaun telah dikeluarkan kepada Pasaraya Bazaar Wholesale di Bukit Permai pada 25 September 2013.

Makluman

3.3. ASPEK KEMASYARAKATAN

3.3.1. GELANGGANG SEPAK TAKRAW DI TASEK TAMBAHAN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak jabatan masih belum menerima surat penyerahan tapak daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat. Walau bagaimanapun kerja-kerja penyelenggaraan telah siap dilaksanakan. Longkang akan dibuat setelah penyerah tapak diterima.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.2. PERMOHONAN TUKAR GUNA GELANGGANG BOLA KERANJANG KEPADA FUTSAL DI JALAN KOSAS 2/6

Mesyuarat dimaklumkan permohonan tukar guna gelanggang bola keranjang kepada futsal di Jalan Kosas 2/6 masih dalam tindakan kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.3. POKOK BESAR

Kerja-kerja mencantas dan menebang pokok di hadapan rumah No. 3 Jalan Bunga Melati 3 telah dilaksanakan pada bulan September 2013.

Makluman

3.3.4. PADANG FUTSAL

Mesyuarat dimaklumkan jabatan masih menunggu keputusan oleh Ahli Majlis bagi lokasi yang sesuai untuk cadangan sebuah padang futsal dibina di Taman Kencana dan lawatan tapak bersama Ahli Majlis untuk kenalpasti tapak yang sesuai.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.5 NAIK TARAF PADANG

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja penyelenggaraan Padang Awam di Jalan Cahaya 18, Taman Mewah Ampang telah siap dilaksanakan.

Makluman

3.3.6. NAIK TARAF PADANG AWAM DI JALAN PERSIARAN 7 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan masih menunggu maklum balas daripada pihak PTD Hulu Langat.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.7 TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK/ GELANGGANG SKATE BOARD

Mesyuarat dimaklumkan bahawa bahawa kerja-kerja untuk mengadakan gelanggang skate board di Dataran Anak Muda, Ampang Jaya sedang dalam tindakan jabatan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.8. TUNGGUL POKOK

Mesyuarat dimaklumkan tunggul-tunggul pokok di Jalan Mulia 2/5 telah dibersihkan dan sebanyak 6-7 tunggul di Jalan Mulia 1/1 pula telah dipungut dan dibersihkan.

Makluman

3.3.9. GARISAN GELANGGANG BOLA KERANJANG DI PADANG PERBANDARAN

Mesyuarat dimaklumkan, Jabatan akan memohon semula peruntukan dari Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja membuat semula garisan gelanggang bola keranjang di Padang Perbandaran.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.10. GELANGGANG FUTSAL

Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan pembinaan gelanggang futsal di Taman Maju Jaya Fasa 3 dalam tindakan Jabatan untuk membina gelanggang padang futsal rumput sahaja.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.11.BAIK PULIH DEWAN

Pembaikan Dewan di kawasan permainan Fasa 3 Taman Kosas akan dilaksanakan.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
*(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa
Infrastruktur dan Kemudahan Awam)*

3.3.12. TAMAN PERMAINAN DI KG TENGAH

Mesyuarat dimaklumkan lokasi yang dipohon merupakan rezab TNB. Kesesuaian dan keselamatan masa hadapan dijangkakan kawasan ini kurang sesuai untuk aktiviti riadah.

Mesyuarat meminta Jabatan Perancang Bandar untuk menyemak semula tapak bagi memenuhi keperluan taman permainan di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

3.3.13.CANTAS POKOK

Mesyuarat dimaklumkan bahawa sebahagian pokok di sekitar Flat Taman Dato Ahmad Razali yang didapati merimbun dan mati, telah dicantas dan selebihnya dalam perhatian dan tindakan jabatan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.14. PENYELENGGARAN POKOK

Pokok-pokok hiasan di tepi jalan dan kawasan taman permainan yang perlu dibaja adalah dalam perhatian dan tindakan pihak jabatan, di lokasi seperti berikut:

- a) Jalan Bukit Antara bangsa dari Impian Selatan
- b) Taman Bukit Mulia
- c) Taman Bukit Utama
- d) Taman Bukit Jaya

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.15. POKOK MATI

Pokok yang telah mati di Taman Permainan/Padang Jalan Teratai 2/7, Taman Bukit Teratai Ampang, sedang dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.16. PADANG FUTSAL TAMAN TUN ABDUL RAZAK

Mesyuarat dimaklumkan pihak jabatan akan mengadakan padang futsal rumput sahaja di kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.17.CANTAS POKOK-POKOK DI SIMPANG MASUK KE RUMAH PANGSA TAMAN CAHAYA INDAH

Kerja-kerja mencantas pokok-pokok di simpang masuk ke Rumah Pangsa Taman Cahaya Indah sedang dalam tindakan kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.4. LAIN-LAIN ASPEK

3.4.1. PAPAN TANDA LARANGAN BERNIAGA DI KAWASAN PERMAI COURT 1, TAMAN DATO' AHMAD RAZALI

Mesyuarat dimaklumkan bahawa papan tanda tersebut telah dipasang pada 3 Oktober 2013.

Makluman

3.4.2. BILIK KHAS UNTUK AHLI MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan bahawa sebuah bilik khas kemudahan Ahli Majlis telah disediakan bersebelahan bilik VIP aras 5, Menara MPAJ.

Makluman

3.4.3. PENYEMBELIHAN AYAM DI PASAR PAGI TAMAN MUDA

Pemeriksaan ke lokasi telah dilakukan oleh pihak jabatan pada 13 September 2013 di mana 3 kompaun telah dikeluarkan ke atas kesalahan membuang cecair kotoran (darah ayam dan berkaitan di dalam longkang awam). Pemantauan akan diteruskan ke atas pasar malam dan pasar pagi. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Majlis dalam usaha mencari tempat yang sesuai bagi pusat penyembelihan ayam di kawasan pentadbiran Majlis.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.4.4. GERAI-GERAI HARAM

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak jabatan telah melakukan lawatan tapak pada 7 Oktober 2013, hasil perbincangan bersama pemilik gerai, pemilik gerai tersebut berjanji akan menanggalkan struktur gerainya pada pertengahan bulan ini. Jabatan akan memantau secara berterusan pertumbuhan gerai-gerai di Mutiara Court, Taman Bukit Permai dan sub-station TNB, Bukit Permai.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.4.5. ISU DI PANGSAPURI BUKIT SEGAR A1

Mesyuarat dimaklumkan AGM bagi Pangsapuri Bukit Segar A1 akan diadakan pada bulan November 2013.

Makluman

3.4.6. GERAI HARAM DI RESIDENSI APARTMENT BISTARIA

Mesyuarat dimaklumkan tindakan sitaan telah dilakukan pada 19 September 2013, pihak jabatan akan membuat pemantauan dari masa ke semasa.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.4.7. STATUS BANGUNAN TNB DI APARTMENT BISTARIA

Mesyuarat dimaklumkan bahawa lawatan tapak pemaju bersama TNB telah dibuat pada 17 September 2013. Pihak pemaju dalam proses mematuhi ulasan TNB dan penyerahan PPU akan dibuat setelah ulasan TNB dipatuhi.

Makluman

3.4.8. VAN ROSAK

Pemantauan yang dijalankan jabatan pada 7 Oktober 2013, mendapati van buruk di Taman Muda tersebut telah dialihkan.

Makluman

SULIT

4. HAL-HAL LAIN

4.1. ASPEK KESIHATAN

TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR

4.1.1. SEMBURAN NYAMUK DI TAMAN KELAB UKAY

Beliau memohon dilaksanakan semburan nyamuk di kawasan Taman Kelab Ukay 1 dan Kelab Ukay 2 kerana disyaki berlaku demam denggi di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.1.2. PENILAIAN KEBERSIHAN TANDAS MASJID

Dicadangkan Jabatan membuat lawatan ke tandas di Masjid Bukit Antarabangsa iaitu Surau Addin dan Surau Bukit Mulia untuk penilaian tahap kebersihan dan dilekatkan pelekat kebersihan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.2 ASPEK ALAM SEKITAR**TUAN ABDUL LATIF BIN SHAARI****4.2.1. PEMANTAUAN KUTIPAN SAMPAH**

Mohon agar dipantau kutipan sampah di sekitar Jalan 3/1, Taman Mula Jaya yang dilaporkan tidak mengikut jadual.

Tindakan:**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan****TUAN LIM FONG LEN****4.2.2. PEMANTAUAN KUTIPAN SAMPAH**

Mohon agar dipantau kutipan sampah di sekitar Jalan Bunga Tanjung Taman Muda yang dilaporkan tidak mengikut jadual.

Tindakan:**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan****TUAN HJ.ABDUL JALIL BIN HASAN****4.2.3.TAHAP KEBERSIHAN MEMBIMBANGKAN**

Tahap kebersihan di Lorong Bunga Matahari 1B Taman Maju Jaya Fasa 3, semakin teruk, menyebabkan kemungkinan akan menjadikan tempat pembiakan nyamuk, lipas dan tikus.

Tindakan:**SULIT**

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.3. ASPEK KEMASYARAKATAN

TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR

4.3.1. TUNGGUL POKOK

Terdapat beberapa tunggul pokok di Jalan Wangsa 1 yang perlu diambil tindakan.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

5.3.2. MENCADANG 2 LOKASI PADANG CERGAS

Di Zon 5 Bukit Antarabangsa terdapat 2 lokasi yang dicadangkan Padang Cergas iaitu:

- a) Tanah lapang bersebelahan Kondo Impian Selatan. Ketika ini gazebo dan alat permainan kanak-kanak telah ada perlu dibaik pulih dan membuat penambahan komponen peralatan.
- b) Taman Permainan di Taman Bukit Jaya.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

4.3.3. CANTAS POKOK

Beliau memohon supaya dicantas pokok-pokok di kawasan berikut:-

- a) Bersebelahan Kondo Impian Selatan di Bukit Antarabangsa terdapat pokok yang telah condong ke arah kondo.
- b) Pokok di hadapan rumah no 14 Jalan Mulia 1/4, Bukit Antarabangsa.
- c) Pokok Majlis masuk ke arah rumah no 2, Jalan BU 2/4, Taman Bukit Utama.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

4.3.4. Dewan Taman Bukit Mulia

Terdapat beberapa bahagian di Dewan Taman Bukit Mulia yang perlu dibaiki .

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

TUAN HJ.ABDUL JALIL BIN HASAN

4.3.5. SAMPAH POKOK

Dahan pokok yang telah dicantas tidak diangkat dan terbiar lama di Jalan Pandan Indah 5/11A, Pandan Indah.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

4.4. LAIN-LAIN ASPEK

LIM FONG LEN

5.4.1. BINAAN HARAM

Mohon semak dan merobohkan binaan haram seperti bumbung dan binaan lain di lorong belakang Jalan Bunga Tanjung 8, Jalan Bunga Tanjung 8B dan Jalan Bunga Tanjung 10 kerana laluan tersebut menghalang laluan kecemasan. Laluan tersebut juga terdapat tikus, lipas dan jalan yang rosak.

Tindakan:

**Jabatan Bangunan dan Senibina
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan
Jabatan Kejuruteraan**

TUAN ALI BIN ISMAIL

5.4.2. PEMBENTANGAN LAPORAN KERJA KONTRAKTOR PPSP & PPA

Mohon agar mesyuarat ini membentangkan laporan kerja setiap bulan bagi pembersihan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam diseluruh kawasan pentadbiran MPAJ dengan memberikan fakta;

- a) kontraktor.
- b) prestasi kontraktor.

- c) aduan yang diterima mengikut zon bagi setiap kontraktor.
- d) tindakan yang telah diambil termasuk NTC dan lain-lain.
- e) tindakan Majlis kearah meminimakan aduan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

5.3.
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN
BINAAN TANPA IZIN BIL.10/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.10/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 22 OKTOBER 2013

MASA : 2.30 PETANG – 5.00 PETANG

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain (TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Jafrien Bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 4. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 5. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 6. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 7. | Tn. Chua Yew Choong | - | " |
| 8. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |
| 9. | Tn. Hj Ali Bin Ismail | - | " |
| 10. | Tn. Haji A Yazid Bin Alias | - | " |
| 11. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |
| 12. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah - Ahli Majlis

TURUT HADIR

1. Tn. Razali Bin Ramly - Ahli Majlis

SULIT

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.10/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.10/2013 telah diadakan pada 22 Oktober 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1. KERTAS CADANGAN UNTUK PENYEWAKAN SEMULA BAGI MENETAPKAN KADAR BAYARAN KOMPAUN UNTUK KESALAHAN-KESALAHAN DIBAWAH SEKSYEN 70(11), SEKSYEN 70(12) DAN SEKSYEN 70(13), AKTA JALAN PARIT DAN BANGUNAN (AKTA 133)

2.1.1. Mesyuarat dikemukakan cadangan berkenaan kaedah terbaik bagi menetapkan kadar bayaran kompaun yang patut dikenakan ke atas pesalah-pesalah di bawah Seksyen 70(11), Seksyen 70(12) dan

Seksyen 70(13), Akta Jalan Parit dan bangunan (Akta 133).

2.1.2. Satu kertas kerja tentang menetapkan kadar bayaran kompaun atas kesalahan diatas telah dibincangkan dan diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 02/2009 dan juga telah diluluskan di dalam Mesyuarat Penuh pada 26 Februari 2009.

2.1.3. Mesyuarat penuh tersebut **bersetuju** dengan keputusan di bawah:

A) **Seksyen 70(11)** – kesalahan membuat perubahan kepada mana-mana bahagian bangunan tanpa pelan kelulusan.

Mesyuarat bersetuju kadar peratus binaan dijadikan asas di dalam menentukan kadar kompaun yang dikenakan semasa mengemukakan pelan. Untuk binaan yang melebihi anjakan/'setback' tindakan meroboh juga boleh dikenakan.

B) **Seksyen 70(12)** – kesalahan menyalahguna bangunan kediaman.

Perlu pembentangan lanjut di dalam menentukan kadar kompaun di dalam mesyuarat yang akan datang. Pihak jabatan perlu menyediakan cadangan kadar rayuan dan tindakan berdasarkan kepada saiz kesalahan.

C) **Seksyen 70(13)** - kesalahan melencong.

Mesyuarat bersetuju kadar peratus binaan dijadikan asas di dalam menentukan kadar kompaun. Tindakan meroboh juga boleh dikenakan dan orang yang mengemukakan pelan (Akitik/ Pelukis Pelan) juga boleh dikenakan tindakan.

2.1.4. Pihak Majlis masih mendapat rungutan daripada orang ramai yang dikompaun di atas kesalahan dibawah Seksyen 70(11), 70(12) dan 70(13), Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta133). Mereka merasakan nilai kompaun yang dikenakan masih lagi tinggi.

2.1.5. Pihak jabatan mengemukakan kadar yang telah diluluskan dan cadangan kadar bayaran baru kompaun seperti berikut:

Untuk kesalahan dibawah Seksyen 70(11) – Membuat perubahan kepada mana-mana bahagian bangunan tanpa kelulusan, dan Seksyen 70(13) – Melencong daripada pelan kelulusan.

2.1.6. Terdapat 2 kategori di dalam kesalahan untuk seksyen 70(11) dan seksyen 70(13)

1. Kesalahan yang dilakukan tetapi masih di dalam 'setback'/anjakan bangunan
2. Kesalahan yang dilakukan melanggar 'setback'/anjakan bangunan

Kadar Rayuan Kompaun asal yang telah diluluskan:

| | Seksyen | Kesalahan | Kadar Rayuan Sedia Ada | Cadangan Kadar Rayuan Dan Tindakan |
|---|---------------------------------------|---|--------------------------------------|--|
| 1 | Seksyen 70(11) dan 70(13) kesalahan 1 | Perubahan di dalam 'setback' / anjakan bangunan | RM12,500 Pengurangan 30% (RM8750) | 1. Peratus binaan x kadar rayuan RM12,500 (RM8750) dan 2. Kemukakan Pelan |
| 2 | Seksyen 70(11) dan 70(13) Kesalahan 2 | Perubahan yang melanggar 'setback' / anjakan bangunan | RM12,500 Pengurangan 30% (RM8750) | 1. Peratus binaan x kadar rayuan RM12,500 (RM8750) dan 2. Kemukakan Pelan dan meroboh bahagian yang melanggar 'setback' / anjakan bangunan atau 3. Kemukakan pelan dan memohon permit. |

Kadar Rayuan Kompaun (Cadangan Baru)

| Bil | Seksyen | Kesalahan | Cadangan Baru Kadar Kompaun |
|-----|---------------------------|---|---|
| 1 | Seksyen 70(11) dan 70(13) | Perubahan di dalam 'setback' / anjakan bangunan | <p>1. Kemukakan pelan dan dikenakan denda sebanyak 10x gandaan . Cth: Jika proses plan = RM130.00 x 10 = RM1300.00</p> <p>2. Kompaun yang dikenakan adalah sebanyak RM1300.00 iaitu sama dengan denda pelan yang</p> |

| | | | |
|---|---------------------------------------|---|---|
| | | | <p>dikenakan.</p> <p>3. Jika pesalah enggan mengemukakan pelan, maka Kompaun yang dikenakan adalah sebanyak RM8750.00 (minima) dan RM12,500 (maksima) Rujuk pengurangan asal 30%.</p> <p>4. Berhadapan tindakan mahkamah bagi kes yang tidak mahu mengemukakan pelan dan tidak membayar kompaun.</p> |
| | Seksyen 70(11), dan Seksyen 79(1) | Perubahan hanya di dalam bangunan / premis sahaja. | <p>1. Perlu mengambil permit ubahsuai dalaman dan dikenakan denda sebanyak 10x gandaan . Cth: Jika bayaran permit = RM50.00 x 10 = RM500.00</p> <p>2. Kompaun yang disyorkan adalah dari separuh bayaran denda permit yang dikenakan hingga sama dengan denda tersebut iaitu dari RM250.00 hingga RM500.00 .</p> <p>3. Jika pesalah enggan mengemukakan pelan, maka Kompaun yang dikenakan adalah sebanyak RM8750.00 (minima) dan RM12,500 (maksima) Rujuk pengurangan asal 30%.</p> <p>4. Berhadapan tindakan mahkamah bagi kes yang tidak mahu mengemukakan pelan dan tidak membayar kompaun.</p> |
| 2 | Seksyen 70(11) dan 70(13) kesalahan 2 | Perubahan yang melanggar 'setback' / anjakan bangunan | <p>1. Kemukakan pelan dan dikenakan denda sebanyak 10x gandaan . Cth: Jika proses plan = RM130.00 x 10 = RM1300.00</p> |

| | | | |
|----|----------------|---------------------------------------|---|
| | | | <p>2. Kompaun yang dikenakan adalah sebanyak RM1300.00 iaitu sama dengan denda pelan yang dikenakan.</p> <p>3. Jika pesalah enggan mengemukakan pelan, maka Kompaun yang dikenakan adalah sebanyak RM8750.00 (minima) dan RM12,500 (maksima) Rujuk pengurangan asal 30%.</p> <p>4. Perlu merobohkan bangunan yang melanggar 'setback' jika ada aduan atau bermasalah atau perlu mengemukakan pelan untuk diluluskan secara permit tahunan/status bangunan sementara.</p> <p>5. Berhadapan tindakan mahkamah bagi kes yang tidak mahu mengemukakan pelan dan tidak membayar kompaun.</p> |
| 3. | Seksyen 70(12) | Menyalah guna bangunan rumah kediaman | <p>Kadar kompaun dikenakan berdasarkan kepada denda 10 kali bayaran proses pelan yang dikenakan ke atas bangunan atau kawasan yang disalah gunakan.</p> <p>Kaedah ini hanyalah untuk menyelesaikan kadar bayaran kompaun sahaja.</p> |

2.1.7. Mesyuarat mengambil maklum kertas cadangan untuk penyemakan semula bagi menetapkan kadar bayaran kompaun untuk kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 70 (11), seksyen 70(12) dan seksyen 70(13), Akta Jalan Parit Dan Bangunan (Akta 133). Jabatan Bangunan dan Senibina perlu memperhalusi lagi

dengan pandangan daripada wakil Pejabat Tanah Daerah khususnya kesalahan di bawah Seksyen 70(12) dan mendapatkan pandangan daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri.

3. **MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-**

3.1 **PEMBINAAN RESTORAN TANPA KEBENARAN DI ATAS TANAH REZAB JPS DI LORONG AWAN 14, KUALA AMPANG, MUKIM HULU KELANG**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Majlis telah menjalankan operasi bersama pihak polis serta Pejabat Tanah Gombak diadakan pada 22 Oktober 2013. Pengusaha telah memohon rayuan kepada Pejabat Tanah Gombak supaya menangguhkan tindakan kerana beliau bersetuju untuk merobohkan struktur yang masuk ke rezab sungai dalam masa 2 minggu dan akan mengemukakan rayuan kepada Pejabat Tanah Gombak untuk mendapatkan TOL bagi bangunan yang melibatkan tanah kerajaan.

Tindakan:

PTD Gombak / Jabatan Penguatkuasa

3.2 **BANGUNAN DIBINA BERSEBELAHAN KOLAM IKAN DI TAMAN BUKIT MULIA**

Mesyuarat dimaklumkan, masih tiada sebarang tindakan diambil dan aktiviti masih lagi beroperasi di tapak.

Tindakan:

PTD Gombak

3.3 BINAAN RUMAH TANPA KEBENARAN MAJLIS DI JALAN A KG PANDAN (NO.68, JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN BERHADAPAN KLINIK KESIHATAN DAN PERGIGIAN)

Mesyuarat dimaklumkan, tempoh pemilik mengemukakan pelan kepada Majlis telah tamat pada 9 September 2013 dan masih belum menerima sebarang maklumbalas dari pemilik rumah. Pihak jabatan akan menulis surat peringatan terakhir kepada pemilik rumah untuk mengambil tindakan dalam tempoh 14 hari. Sekiranya pemilik masih gagal, tindakan undang-undang akan diambil.

Tindakan:

Jabatan Bangunan & Senibina

3.4 BINAAN TANPA KEBENARAN DI BAWAH REZAB TALIAN RENTIS TNB DARI KG PANDAN KE KG TASEK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan banciaan telah dijalankan bermula pada 11 September 2013 hingga 13 September 2013 dan 21 Oktober 2013. Pihak TNB bersama MPAJ dan Penguatkuasa Pejabat Tanah Hulu Langat akan menjalankan banciaan seterusnya dan dijangka selesai pada penghujung tahun ini.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

3.5 AKTIVITI PERNIAGAAN DI KG PANDAN DALAM DAN GERAI HARAM DI JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan akan mengadakan perbincangan lanjut bersama YB Tuan Iskandar bin Abdul Samad bagi penyelesaian isu ini.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.6 TAPAK KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT MENJUAL KERETA TERPAKAI DI LORONG JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah memohon Jabatan Penguatkuasa untuk membuat pemantauan lanjut dan menyerahkan laporan bagi membolehkan tindakan seterusnya diambil.

Tindakan:

Jabatan Undang-Undang/Jabatan Penguatkuasa

3.7 GERAI HARAM (BANANA CAFE) DI AMPANG WATER FRONT

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Prolintas akan membuat pembentangan kertas kerja berkaitan pembaharuan semula Sek.4 Kanun Tanah Negara bagi kawasan yang terlibat untuk pengambilan balik tanah bagi kawasan berkenaan di Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam pada bulan November 2013.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

3.8 TAMBAKAN TANAH HARAM DI CERUN JALAN WANGSA 5A

Mesyuarat dimaklumkan, masih lagi terdapat dokumen dan pindaan perlu dibuat sebelum Izin Pendakwaan (IP) dirujuk semula kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Tindakan:

Jabatan Undang-Undang

3.9. STATUS GERAI STATIK DI SEBELAH DEWAN PERMATA

Maklumat dari Ahli Majlis Tn. Haji A Yazid memaklumkan YB ADUN Hulu Klang akan mengadakan perbincangan bersama Ahli-Ahli Majlis Zon 1, Zon 3 dan Zon 4 untuk menyelesaikan isu ini. Keputusan perbincangan akan diperolehi dalam masa 2 minggu. Sementara Ahli Majlis Zon 2, bertegas supaya gerai tersebut dirobuhkan.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.10 PEMBINAAN DI CERUN DI LOT 153, LORONG 8, KG TASIK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan, pemilik rumah masih belum kemukakan pelan dan melantik jurutera bertauliah.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

3.11 MASALAH TEMPAT LETAK KERETA DI BLOK M14 DAN M 15 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, pemilik gerai buah-buahan telah berpindah ke Taman Cempaka dan peniaga makanan/minuman di pindahkan ke gerai UPEN di Pandan Jaya.

Makluman

3.12 PEMBINAAN RUMAH TANPA MENGIKUT PELAN KELULUSAN DARIPADA PIHAK MAJLIS DI RUMAH NO.2, JALAN PERDANA 6/9, PANDAN PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, tarikh perbicaraan Lim Koo pada 14 November 2013 di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Surat telah dihantar kepada Lim Koo supaya mengemukakan pelan tanpa menunggu keputusan mahkamah.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

3.13 STATUS STOR DI TANAH KOSONG BERSEBELAHAN TOKONG HINDU DI JALAN 9/10 PANDAN PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, notis untuk struktur 'hoarding' telah dikeluarkan pada 8 Oktober 2013 dan tamat dalam masa 14 hari. Tindakan perobohan akan diambil pada 24 Oktober 2013. Notis salah guna bangunan akan dikeluarkan untuk tempoh 30 hari. Sekiranya pemilik tidak mematuhi arahan notis tersebut, tindakan akan diambil.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

3.14 KAJIAN DAN CADANGAN PEMULIHAN GERAI/TAPAK GERAI PLB DI TASEK TAMBAHAN 1

Pembentangan kertas kerja dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.10/2013.

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan)

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.15 BINAAN TIANG DAN BANGUNAN BARU DI BLOK B, BLOK C DAN DI WAKAF SUMBANGAN YB ISKANDAR

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan perobohan telah dilaksanakan.

Makluman

3.16 GERAI TOMYAM DAN GERAI BURGER DI BAHU JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, Jabatan Bangunan telah mengeluarkan notis pada 7 Oktober 2013 dalam tempoh 14 hari. Sehingga kini struktur masih ada lagi ditapak. Jabatan Bangunan akan mengeluarkan semula notis dalam tempoh 14 hari. Jika pemilik masih gagal tindakan akan diambil bersama-sama Jabatan Bangunan dan Pejabat Tanah Hulu Langat.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/

Jabatan Bangunan dan Senibina

3.17 SEMAKAN STATUS PERMOHONAN MENGECAT SEMULA BANGUNAN DI PANGSAPURI ANGGERIK

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Bahagian COB telah menghubungi pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah berkaitan permohonan berkenaan. Tetapi peruntukan untuk tahun 2013 telah habis digunakan. Permohonan akan dipertimbangkan untuk peruntukan tahun 2014.

Makluman

3.18 KEDAI SAP SAM YEW DI HUJUNG JALAN BUNGA TANJUNG 8 (PASAR PAGI) MELETAK KERUSI DAN MEJA DI TEMPAT LETAK KERETA

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan akan dilaksanakan dari masa ke semasa terutama pada hari Ahad dan tindakan terakhir pada 18 Oktober 2013 pada restoran yang meletakkan kerusi dan meja di tempat letak kereta.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

3.19 GERAJ DURIAN DI JALAN MAWAR

Mesyuarat bersetuju permit sementara buah-buahan bermusim dikeluarkan pada penjaja tersebut di lokasi dengan pemantauan yang ketat.

Makluman

3.20. ISU PENEROKAAN DAN PENAMBAKKAN KAWASAN LAPANG DI JALAN 2/1 DAN 2/1B TASEK TAMBAHAN

Mesyuarat dimaklumkan, Jabatan Bangunan dan Senibina bersama Jabatan Penguatkuasa diminta untuk mengeluarkan notis perobohan di kawasan tersebut.

Tindakan :

**Jabatan Bangunan dan Senibina
Jabatan Penguatkuasa**

3.21 STATUS BINAAN DI ATAS LOT-LOT PERSENDIRIAN DI JALAN MERDEKA (KAWASAN PERUMAHAN BARU DI SEBELAH SEK.MEN. BANDAR BARU AMPANG)

Mesyuarat dimaklumkan, notis telah dikeluarkan pada Lot 532, Lot 531 dan 533 (belakang lot 536). Notis tidak dipatuhi dan dalam tindakan sebutan di mahkamah. Tindakan penguatkuasaan juga akan diambil ke atas pendatang asing tanpa izin bersama pihak Jabatan Imigresen.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina/Jabatan Penguatkuasa

3.22 GERAJ MAKAN DI TEMPAT LETAK KERETA RUMAH PANGSA TAMAN NIRWANA

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan sitaan telah dilaksanakan pada 8 Oktober 2013.

Makluman

3.23 SEMAKAN UBAHSUAIAN TANPA KEBENARAN DI TAMAN KELAB UKAY, TAMAN BUKIT UTAMA DAN TAMAN PUNCAK UTAMA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan telah mengeluarkan notis kepada pemilik rumah yang tidak mempunyai kelulusan ubahsuai.

Makluman

3.24 VAN BURUK DI PASAR PAGI, TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan, pemantauan yang dibuat pada 7 Oktober 2013 mendapati van tersebut telah dialihkan.

Makluman

3.25 'AWNING EXTENSION' DITURUNKAN DI JALAN BUNGA TANJUNG 8,9 DAN 10, TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan, operasi meroboh pada 12 September 2013 telah dibatalkan kerana semua pemilik awning telah mematuhi arahan-arahan notis yang dikeluarkan dengan membuka sendiri struktur awning tersebut.

Makluman

3.26 RUMAH NO. 2, JALAN 9, TAMAN PUTRA DIJADIKAN STOR

Mesyuarat dimaklumkan, Jabatan Bangunan dan Jabatan Penguatkuasa telah membuat tindakan penguatkuasaan pada pemilik rumah tersebut tetapi tidak mendapat kerjasama dari pemilik rumah. Tindakan mahkamah akan diambil kepada pemilik rumah tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Bangunan & Senibina**

3.27 STATUS TERKINI TAPAK TOL RESTORAN MILLENIUM, TAMAN NIRWANA FASA 1

Wakil Pejabat Tanah Hulu Langat memaklumkan permohonan TOL dibekukan sehingga mendapat keputusan dari Kerajaan Negeri.

Makluman

3.28 SEMAKAN TAPAK DI SEBELAH TAMAN PUNCAK BUKIT UTAMA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan telah mnengeluarkan notis pada 11 September 2013. Pemilik telah mematuhi arahan dan mengosongkan tapak tersebut.

Makluman

3.29 STATUS STRUKTUR TELEKOMUNIKASI DI SEBAHAGIAN JALAN WAWASAN 3, BANDAR BARU AMPANG

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan akan mengadakan perbincangan semula bersama pihak Maxis berkenaan perpindahan struktur pemancar TNB ke tapak dewan JKP zon berhampiran.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

3.30 RUMAH IBADAT DI TEPI JALAN PERDANA 6/3, PANDAN PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, tokong tersebut telah dialihkan.

Makluman

3.31. 5 KELUARGA MYANMAR DI KAWASAN BINAAN TANPA IZIN DI BAWAH RINTISAN TNB DI PANDAN JAYA UTARA

Mesyuarat dimaklumkan, hasil semakan jabatan mendapati 7 keluarga Myanmar telah menyewa daripada pemilik asal rumah setinggan tersebut. Mesyuarat mohon kerjasama Jabatan Penguatkuasa Majlis, Pejabat Tanah Hulu Langat dan TNB untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penempatan setinggan tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar/

Jabatan Penguatkuasa

3.32. SEMAKAN SALAH GUNA BANGUNAN DI SELURUH KAWASAN MPAJ

Mesyuarat dimaklumkan, notis telah dikeluarkan kepada 3 pemilik rumah tepi tersebut. Tempoh notis akan tamat pada 10 November 2013 dan tindakan akan diambil setelah tempoh notis tamat.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

3.33. KABIN HARAM DI KG BUKIT SUNGAI SEPUTEH

Mesyuarat dimaklumkan, notis telah tamat dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan pada 24 Oktober 2013. Jabatan Penguatkuasa akan mendapatkan kenderaan yang sesuai untuk memindahkan kabin ke stor MPAJ.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

3.34. PENYERAHAN DEWAN DI KG SUNGAI SEPUTEH

Mesyuarat dimaklumkan, dewan tersebut telah diserahkan kepada Ahli Majlis kawasan.

Makluman

3.35. AKTIVITI KILANG HARAM DI JALAN TERATAI 1/9B, TAMAN BUKIT TERATAI

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah mengeluarkan notis pada 30 September 2013. Pemilik diberi tempoh 21 hari untuk meruntuhkan bengkel-bengkel tersebut.

Makluman dari Tn. Mohamad bin Samat, 4 orang penyewa telah menandatangani surat perjanjian untuk berpindah pada 2 November 2013. Mesyuarat juga mohon kerjasama Pejabat Tanah Hulu Langat untuk mengambil tindakan bersama pihak Majlis.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa / Pejabat Tanah Hulu Langat

3.36. KEPERLUAN TEMPAT LETAK KERETA DAN LANDSKAP DI KAWASAN MEDAN IKS, JALAN TERATAI 1/16, TAMAN BUKIT TERATAI

Mesyuarat dimaklumkan, status tapak merujuk kepada zoning RT MPAJ 2020 ialah perniagaan dan perkhidmatan. Tapak tersebut juga melibatkan rezab parit. Kawasan ini terlibat dalam Jawatankuasa Taskforce Pemutihan Bangunan. Mesyuarat penyelarasan akan diadakan bersama agensi luar seperti Pejabat Tanah Hulu Langat, Jabatan Penguatkuasa dan Jabatan Bangunan dan Senibina.

Tn. Mohamad bin Samat juga mohon peniaga di situ untuk berpindah dan jika peniaga tersebut enggan berpindah mohon tindakan penguatkuasaan diambil.

Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar

4.0 HAL-HAL LAIN

TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS

4.1. PENJAJA DI SEPANJANG JALAN TAMAN CEMPAKA BERDEKATAN PETRONAS DAN 7-ELEVEN

Beliau mohon penjaja disepanjang jalan Taman Cempaka berdekatan petronas dan 7-eleven dipindahkan ke sebelah jalan menuju ke Taman Dagang. Ini disebabkan terdapat penanaman pokok baru di kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.2. STRUKTUR BILLBOARD DI DEWAN JALAN KEMAJUAN KG PANDAN (DEWAN AHMAD JANTAN)

Beliau telah memanjangkan surat kepada ADUN kawasan untuk menggunakan billboard tersebut bagi tujuan hebahan berkenaan MPAJ.

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran)

Tindakan :
Jabatan Pelesenan

TUAN LIM FONG LEN**4.3. LONGKANG ROSAK DI LORONG ANTARA JALAN BUNGA TANJUNG 8, 8B,9 DAN 10 TAMAN MUDA**

Longkang dan jalan tar telah rosak di lorong antara Jalan Bunga Tanjung 8, 8B, 9 dan 10 Taman Muda. Mohon pembaikan dan pembersihan di kawasan tersebut kerana telah menjadi tempat pembiakan tikus.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan /
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

4.4. MOHON DIALOG PROLINTAS BAGI PENDUDUK TAMAN PUTRA

Beliau mohon pihak Majlis mengadakan dialog prolintas bagi penduduk Taman Putra.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

4.5. MOHON SEMAKAN BOT TAMAN MUDA

Beliau mohon semakan lesen/permit dan tempoh beroperasi BOT Taman Muda serta senarai nama penyewa.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan)

TUAN HAJI A YAZID BIN ALIAS

4.6. NAMA PEMBELI DI FLAT SUNGAI SERING TELAH DIPOTONG OLEH PEMAJU SCENIC MARINA

Beliau menerima aduan daripada penduduk berkaitan nama telah dipotong oleh pemaju sebagai pemilik rumah bagi unit No. 15, Blok A-Tingkat 6 di Flat Sungai Sering. Pengadu telah membayar cukai pintu dan elektrik telah dipasang. Mohon Jabatan Perancang Bandar membuat semakan atas nama Jamaatul Lauyah binti Abd Rahman dan Ikhwan bin Saadon.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

4.7. RUMAH SAMPAH DI KG KEMENSAH MENGGANGGU PENGGUNA JALAN RAYA

Beliau mohon tindakan ke atas rumah sampah tersebut kerana ia mengganggu pandangan pengguna jalan raya di Kg Kemensah (setinggalan).

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
25OKTOBER2013

5.4
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.10/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN
KEMUDAHAN AWAM
BIL.10/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 21 OKTOBER 2013
MASA : 9.30 PAGI – 1.05 PETANG
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain (Timbalan Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Hamsah Bin Djabir | - | " |
| 4. | Tn. Abd. Latif Bin Shaari | - | " |
| 5. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 6. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 7. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 8. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 9. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 10. | Tn. Haji Ali Bin Ismail | - | " |
| 11. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | " |
| 12. | Tn. Haji A Yazid Bin Alias | - | " |
| 13. | Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad | - | " |

- | | | | |
|-----|-------------------------------|---|-------------|
| 14. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | Ahli Majlis |
| 15. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |

SULIT

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 10/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 10/2013 telah diadakan pada 21 Oktober 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 KERTAS KERJA PERMOHONAN PERMIT UNTUK MENJALANKAN
KERJA-KERJA PENGOREKAN JALAN BAGI PENANAMAN
GENTIAN OPTIK OLEH ASIAN BROADCASTING NETWORK (M)
SDN.BHD.**

2.1.1 Asian Broadcasting Network (ABN) telah mengemukakan permohonan permit korekan jalan meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 1430 meter meliputi Jalan Melur 1, Jalan Melur 15, Jalan Teratai 1/1, Jalan 7/1, Jalan 7/2, Jalan Taman Putra, Jalan Bukit Mewah 5A, Jalan Mewah 1, Jalan Mewah 2/2, Jalan Mewah 4, Jalan Pandan Mewah 1, Jalan Tasik

Tambahan 2, Jalan Taman Saga, Jalan Saga 1 & Jalan Saga 8, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan melalui surat no ruj.ABN/PER/MPAJ/2013/0003 bertarikh 20hb Ogos 2013.

2.1.2 Kerja-kerja pengorekan jalan ini melibatkan jalan utama dan jalan kawasan perumahan yang melibatkan jajaran yang panjang.

2.1.3 Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan Wang Cagaran sebanyak RM 142,642.50 sama ada dalam bentuk bank draf atau jaminan bank kepada pihak majlis serta yuran proses sebanyak RM 715.00 sebelum sebarang kelulusan boleh dikeluarkan.

2.1.4 Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-

a) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat am berkaitan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

b) Pemohon perlu melaksanakan kerja pembaikan pada bekas korekan jalan dengan serta merta setelah kerja-kerja pengorekan jalan siap sepenuhnya dan sentiasa memantau bekas korekan jalan agar pembaikan segera boleh

dilaksanakan sekiranya terdapat kerosakan pada bekas korekan yang telah diturap.

- c) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan akhir dengan penurapan keseluruhan lebar jalan sepanjang kawasan yang terlibat dengan kerja pengorekan jalan serta mengecat semula semua tanda jalan.
- d) Kerja-kerja penanaman rumput dan membaiki semula bahu jalan hendaklah dilaksanakan sekiranya pengorekan jalan dibuat pada bahu jalan.
- e) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja penurapan akhir di tapak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Pihak Jabatan akan mengeluarkan surat arahan penurapan akhir kepada pihak pemohon supaya melaksanakan kerja penurapan akhir.
- f) Sekiranya pihak pemohon gagal mengemukakan maklumbalas dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penurapan akhir, maka pihak jabatan mengesyorkan agar pemotongan wang cagaran dibuat dan pelaksanaan pembaikan akhir akan dilaksanakan oleh pihak jabatan melalui proses lantikan kontraktor.

2.1.5 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan permit untuk menjalankan kerja-kerja pengorekan jalan bagi penanaman gentian optik oleh Asian Broadcasting Network (M) Sdn.Bhd. dengan mengambilkira syarat-syarat dan syor yang ditetapkan oleh pihak jabatan.

2.2 KERTAS KERJA PERMOHONAN PEMBINAAN PERANGKAP SAMPAH ATAU *GROSS POLLUTANT TRAP (GPT)* BAGI KERJA-KERJA KAWALAN KUANTITI DAN KUALITI AIR SUNGAI/SISTEM SALIRAN PROJEK *RIVER OF LIFE (ROL)* INISIATIF 7-SUNGAI KLANG (PAKEJ 4) DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA.

2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan Permohonan Pembinaan Perangkap Sampah Atau **Gross Pollutant Trap (Gpt)** Bagi Kerja-Kerja Kawalan Kuantiti Dan Kualiti Air Sungai/Sistem Saliran Projek **River Of Life (Rol)** Inisiatif 7-Sungai Klang (Pakej 4) di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

2.2.2 Berdasarkan kepada aduan dan semakan pada 18hb Julai 2013, pihak jabatan mendapati terdapat permasalahan air bertakung pada struktur longkang di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya disebabkan oleh pembinaan perangkap sampah/**Gross Pollutant Trap (GPT)** yang dibina oleh pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia (JPS) yang boleh membawa kepada permasalahan banjir.

- 2.2.3 Susulan dari itu, pihak jabatan telah mengeluarkan arahan berhenti kerja kepada pihak kontraktor Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) iaitu Tetuan Carta Indah Sdn Bhd atas kesalahan melaksanakan pembinaan perangkap sampah tanpa mendapat kelulusan dari pihak majlis melalui notis no siri 1925 bertarikh 18hb Julai 2013
- 2.2.4 Pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran telah mengemukakan permohonan rasmi bagi kelulusan pembinaan perangkap sampah melalui surat no ruj. (72)d/m.JPS MSC 012/1/18 Jld 10 bertarikh 22hb Julai 2013.
- 2.2.5 Susulan dari permohonan yang diterima, pihak jabatan telah mengadakan mesyuarat penyelarasan berhubung cadangan berkenaan bersama pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Perkhidmatan Bandar Dan Kesihatan pada 23hb Ogos 2013.
- 2.2.6 Berdasarkan mesyuarat berkenaan, pihak jabatan telah mengeluarkan ulasan kepada pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) melalui surat no ruj. MPAJ.KEJ.KB.720-01-15/12 bertarikh 2hb September 2013. Pihak jabatan juga telah mengeluarkan memo memohon maklumbalas jabatan dalaman berhubung syarat-syarat atau ulasan yang perlu dipatuhi oleh pemohon berkaitan cadangan berkenaan.

2.2.7 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan Permohonan Pembinaan Perangkap Sampah Atau **Gross Pollutant Trap (Gpt)** Bagi Kerja-Kerja Kawalan Kuantiti Dan Kualiti Air Sungai/Sistem Saliran Projek **River Of Life (Rol)** Inisiatif 7-Sungai Klang (Pakej 4) di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan mengambil kira syor jabatan dan ulasan jabatan teknikal dalaman.

3. **MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPERTI BERIKUT :**

3.1. **KAJIAN PENYELESAIAN TRAFIK DI JALAN DAGANG DAN SUSUR MASUK BALAI POLIS AMPANG**

Kerja-kerja pemasangan lampu isyarat di Jalan Dagang dan susur masuk ke Balai Polis Ampang akan dilaksanakan oleh JKR Ibu Pejabat (Bahagian Elektrik) pada akhir tahun 2013.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.2. **KAJIAN ALIRAN TRAFIK**

Kerja-kerja menaiktaraf bagi mengatasi masalah aliran trafik di hadapan Masjid Bandar Baru Ampang dan Flat Sri Nilam telah siap dilaksanakan pada awal bulan Oktober 2013. Walau bagaimana pun terdapat beberapa isu lagi di tapak yang perlu dikemaskini seperti keperluan lampu isyarat dan sebagainya. Jabatan akan membuat pemantauan dari masa ke semasa.

Makluman

3.3. MENAIKTARAF JALAN SUSUR DI MRR2 (BERHAMPIRAN JALAN F KG PANDAN)

Kerja-kerja penambahbaikan di jalan susur di MRR2 (berhampiran Jalan F Kg Pandan) dalam proses penyediaan sebutharga dan kerja akan dilaksanakan pada akhir bulan Oktober 2013. Jabatan diminta menyemak semula di lokasi kerana terdapat bekas jalan dipotong yang menyebabkan risiko keselamatan terutama kepada penunggang motosikal.

**Tindakan :
JKR Ibu Pejabat**

3.4. PEMBUKAAN JALAN

Pihak jabatan telah menerima maklumbalas dari Jabatan Perhutanan Selangor bahawa pembukaan jalan dari markas tentera ke Jalan Cheras Hartamas (berhadapan pangsapuri Kempas) adalah bersifat sementara dan jalan tersebut akan ditutup selepas kerja-kerja siap sepenuhnya. Pemantauan susulan akan dilaksanakan oleh pihak jabatan dari masa ke semasa. Makluman juga telah dibuat kepada pihak MPkj.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.5. PELEBARAN JALAN

Pihak pemaju akan melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di persimpangan keluar Jalan Cheras Hartamas dan Jalan DBKL. Kerja-kerja dijangka akan dilaksanakan pada November 2013

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.6. KEJADIAN BANJIR DI JALAN F TAMAN MELAWATI

Berkenaan isu pembinaan perangkap sampah di 'monsun drain' berhampiran di Jalan F Taman Melawati sehingga menyebabkan banjir kilat, pihak jabatan telah mengeluarkan surat ulasan kepada pihak JPS pada 2 September 2013. Maklumbalas telah diterima dari Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan berkenaan ulasan lokasi pembinaan GPT di mana kertas kerja bagi permohonan kelulusan pembinaan GPT akan dibentangkan pada mesyuarat.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.7. KEJADIAN BANJIR KILAT

Sebut harga bagi menaiktaraf 'culvert' untuk mengatasi masalah banjir kilat di sekitar Jalan 1D, Kg. Lembah Jaya Selatan akan diiklankan pada bulan November 2013. Kerja-kerja dijangka akan mula dilaksanakan pada Bulan Disember 2013 menggunakan peruntukkan 2014.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.8. MOHON PEMBINAAN 'RAILING'

Berdasarkan semakan ditapak iaitu di Jalan Pandan Ilmu, Pandan Indah ruang pejalan kaki mempunyai kelebaran lebih 3m. Di antara jalan dan ruang pejalan kaki dipisahkan oleh 'kerb' setinggi 300mm. Oleh yang demikian keperluan untuk pemasangan railing tidak mendesak dan tiada keperluan pemasangan 'railing' buat masa kini.

Makluman

3.9. PENYELENGGARAAN SUNGAI KONGSI 8

Pihak JPS memaklumkan jabatan dalam proses penyediaan tender bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Kongsi 8 di Taman TAR. Tender bagi kerja-kerja tersebut telah ditutup pada 25 Julai 2013. Anggaran kos bagi kerja-kerja tersebut adalah sebanyak RM 4 juta. Lantikan kontraktor dijangka pada bulan September 2013. Jabatan Kejuruteraan diminta menyemak semula keadaan semasa ditapak memandangkan kos penyelenggaraan yang agak tinggi.

**Tindakan:
JPS Gombak**

3.10. PENYELENGGARAAN LONGKANG DI LORONG-LORONG KG PANDAN DALAM

Jabatan memaklumkan kerja-kerja pembersihan longkang di sekitar Kg. Pandan Dalam di laksanakan oleh kontraktor kawasan mengikut jadual iaitu 15 hari untuk satu pusingan. Notis juga telah dikeluarkan kepada pemilik premis yang membina 'slab' dan meletakkan halangan di atas longkang sehingga menyukarkan kerja-kerja pembersihan.

Makluman

3.11. PEMBAIKAN BAHU JALAN DAN LONGKANG

Kerja-kerja pembinaan 'kerb' bahu jalan di tepi Pangsapuri Cengal yang terhakis adalah akibat aliran 'run off' yang tinggi telah dilaksanakan pada awal Oktober 2013.

Makluman

3.12. HAKISAN TANAH

Pihak jabatan memaklumkan kerja-kerja pembaikan tebing akibat hakisan tanah di Riana Ukay dan Kg Sering Ukay telah dilaksanakan oleh pihak JPS namun pihak jabatan belum mendapat makluman berkenaan status keutuhan tebing tersebut. Semakan jabatan ke lokasi mendapati kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan oleh pihak JPS kurang sempurna. Oleh yang demikian jabatan tidak dapat melaksanakan kerja-kerja turapan semula di jalan berkenaan kerana khuatir kekukuhan tebing tersebut. Jabatan telah meminta pihak JPS mengeluarkan surat pengesahan berkenaan status kekukuhan tebing tersebut. Perkara ini akan dibincangkan semula di dalam Mesyuarat Pembangunan Negeri bersama pihak JPS.

**Tindakan:
JPS Gombak**

3.13. TEBING RUNTUH

Sebutharga bagi kerja pembaikan tebing runtuh (monsun drain) di Jalan Enggang 13 akan diiklankan pada bulan November 2013. Kerja-kerja akan mula dilaksanakan pada bulan Disember 2014 menggunakan peruntukkan 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.14. LAMPU JALAN

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan di Jalan Ampang telah dilaksanakan.

Jabatan diminta untuk menyemak semula dengan pihak JKR berhubung kerja-kerja pemasangan lampu jalan di Jalan Langat dari Tasek Tambahan ke Menara Tinjau kerana

kawasan tersebut gelap. Dalam mesyuarat yang lepas, pihak JKR memaklumkan kos untuk menyediakan lampu jalan mencecah RM 3 juta.

Tindakan :
JKR Hulu Langat
Jabatan Kejuruteraan

3.15. MOHON TUKAR TIANG LAMPU

Kerja-kerja penggantian tiang lampu lama (tiang kayu) kepada tiang konkrit di Kg. Cheras Baru dalam tindakan pihak TNB.

Tindakan :
TNB / Jabatan Kejuruteraan

3.16. LORONG TEPI RUMAH YANG BERPAGAR

Operasi perobohan struktur haram yang dibina di lorong tepi antara rumah No. 21 dan 23 Jalan Melur 11, Taman Melur yang diadakan pada 18 September 2013 telah dibatalkan kerana pemilik telah menghubungi jabatan dan memaklumkan akan melaksanakan sendiri perobohan tersebut. Lawatan susulan yang dibuat terdapat lagi struktur yang masih belum dirobuhkan. Operasi perobohan akan dilaksanakan oleh jabatan pada 29 Oktober 2013.

Tindakan :
Jabatan Bangunan dan Senibina

3.17. PENYELENGGARAAN KAWASAN LAPANG

Pihak TNB memaklumkan akan merujuk kepada bahagian berkenaan berhubung tindakan pembersihan bagi kawasan lapang di bawah kabel TNB di sekitar Lorong Enggang 15 dan Jalan Enggang Timur 1 yang ditumbuhi semak samun dan belukar.

Tindakan:
TNB

3.18. PENYELENGGARAAN DI PENCAWANG ELEKTRIK TNB

Pihak TNB memaklumkan akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pencawang-pencawang elektik TNB di sekitar Taman Keramat terutama di AU 1B, AU 1A, AU 3/1 Keramat Permai yang telah dipenuhi rumput dalam waktu terdekat.

**Tindakan :
TNB**

3.19. SEMAK SAMUN BERSEBELAH SEKOLAH RENDAH PANDAN INDAH

Jabatan memaklumkan kerja-kerja pembersihan tanah yang bersemak samun bersebelahan Sekolah Rendah Pandan Indah telah dilaksanakan pada 7 Julai 2013 oleh pihak Majlis. Kerja-Kerja pembersihan akan dilaksanakan semula dalam tempoh 4 bulan akan datang iaitu pada bulan November 2013. Jabatan juga telah menghantar surat kepada Pejabat Pelajaran Daerah untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.20. PENYELENGGARAN KAWASAN DI HADAPAN HOTEL FLAMINGO

Jabatan memaklumkan mesyuarat berkenaan isu persempadanan kawasan berhadapan Hotel Flamingo yang tidak diselenggara dengan baik bersama jabatan luar yang berkaitan akan diadakan semula pada waktu terdekat dan dipengerusikan oleh Tn Razali Ramly selaku Ahli Majlis kawasan. Kerja-kerja pembersihan kawasan dilaksanakan oleh kontraktor majlis buat sementara waktu sehingga isu persempadanan ini selesai.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.21. RUMAH SAMPAH BERBAU BUSUK DI FLAT PANDAN UTAMA

Pihak jabatan dimaklumkan cadangan rekabentuk rumah sampah untuk pembinaan rumah sampah baru di Flat Pandan Utama telah siap. Jabatan Bangunan dan Senibina diminta untuk mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama pihak yang berkaitan dan juga pihak pemaju Sriwijaya untuk kerja-kerja pembinaan rumah sampah tersebut.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina

3.22. ISU LORONG BELAKANG DI AMPANG POINT

Berhubung isu premis yang mempunyai struktur 'awning' dan struktur yang terletak di rezab parit dan jalan (yang menghalang laluan) di lorong belakang Ampang Point, pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada 6 buah premis di bawah Akta 72 (1) (Meroboh) pada 29 Ogos 2013 dan 21 Ogos 2013. Semakan dibuat mendapati struktur tersebut telah dibuka oleh pemilik premis.

Makluman

3.23. PERMOHONAN MENGADAKAN PUSAT JAGAN KANAK-KANAK

Pihak jabatan telah menghantar permohonan bagi mengadakan tempat pusat jagaan kanak-kanak di Taman Cheras Hartamas kepada pihak Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk mewartakan tapak tersebut sebagai rezab tadika. Jabatan sentiasa menghubungi pihak yang terlibat untuk mendapatkan maklumbalas berhubung status permohonan dari masa ke semasa.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta /
PTD Hulu Langat

3.24. SETINGGAN DI KG MUHIBBAH

Pihak PTD Hulu Langat memaklumkan bahawa operasi perobohan setinggan di Jalan Sri Idaman, Kg. Muhibbah di mana terdapat 4 buah setinggan yang didiami oleh warga asing (Indonesia) di atas tanah kerajaan terpaksa ditangguhkan kerana masalah kekangan anggota penguatkuasa di peringkat jabatan untuk melaksanakan operasi tersebut. Hal ini berikutan pihak PTD Hulu Langat sedang menumpukan operasi di sekitar kawasan MPKj. Pengerusi memohon supaya pihak PTD Hulu Langat dapat menyelaras semula isu ini dan mencadangkan operasi bersepadu ini dibuat secara bergilir di antara pihak MPKj dan MPAJ memandangkan isu setinggan ini sudah terlalu lama dan minta diselesaikan segera.

Tindakan :
**PTD Hulu Langat/
Jabatan Perancang Bandar**

3.25. PEMBINAAN TANGKI AIR

Berhubung isu tangki air di Taman Pandan Utama, Kg Pandan Fasa 1 dan 2 dan ke atas 3 buah rumah di tapak tangki air di Jalan E, Kg Pandan Dalam, jabatan telah memaklumkan sekali lagi kepada pihak YB Tuan Iskandar bin Abd Samad pada 05 September 2013. Jabatan masih menunggu tarikh untuk mengadakan sesi perbincangan bersama pihak YB Tuan Iskandar bin Abd Samad dan juga pemaju.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina

3.26. AIR MASUK KE DALAM DEWAN TERUTAMA MUSIM HUJAN DI DEWAN MPAJ KG CHERAS BARU

Kerja-kerja meratakan dan pembinaan longkang di sekeliling kawasan dewan MPAJ Kg. Cheras Baru akan dilaksanakan oleh jabatan dalam waktu terdekat.

**Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

3.27. KAWASAN TERNAKAN DI LERENG JALAN

Pihak PTD Hulu Langat sedang membuat penyelarasan bersama Jabatan Perhutanan berkenaan isu kawasan lereng jalan di Jalan Hulu Langat yang dijadikan kawasan ternakan haiwan seperti rusa, kambing, ayam dan sebagainya kerana terdapat pertindihan sempadan kawasan. Pengerusi memohon supaya semakan dibuat samada kawasan tersebut telah diberikan TOL.

**Tindakan :
PTD Hulu Langat**

3.28. ISU PEMBINAAN SEKOLAH KEBANGSAAN UKAY PERDANA

Berhubung isu pembinaan Sekolah Kebangsaan Ukay Perdana, pihak Kementerian Pendidikan telah menghantar permohonan untuk menukarkan tapak sekolah tersebut yang masih berstatus tanah kerajaan. Pejabat Tanah dan Daerah Gombak masih dalam proses pemberimilikan. Jabatan turut memaklumkan semua ulasan teknikal yang berkaitan telah selesai.

**Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar**

3.29. PENUBUHAN JAWATANKUASA KHAS (TASK FORCE) BANJIR

Mesyuarat Jabatan berkaitan banjir telah dijalankan dan telah dikenalpasti kawasan-kawasan yang sering berlaku banjir kilat, di antaranya,

- i) Kg. A. Campuran
- ii) Flat Al-Riduwan
- iii) Taman Kencana.

Kajian terperinci masih dijalankan bagi menyelesaikan masalah di tapak.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.30. PENYELENGGARAAN PADANG

Kerja-kerja penyelenggaraan padang di Taman Dagang Fasa 1 dalam tindakan oleh pihak jabatan.

Makluman

3.31. 'CULVERT' TERSUMBAT

Semakan pihak jabatan mendapati longkang sering tersumbat di Jalan A (Jalan Besar Kg. Pandan) bersebelahan jalan keluar dari Jalan H (Taman hadapan masjid) adalah disebabkan gerai PLB yang telah menutupi longkang. Longkang sering tersumbat berkemungkinan keadaan di bawah longkang telah pecah. Jabatan diminta untuk menghantar surat kepada pihak JKR untuk melaksanakan tindakan segera.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat/
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.32 PERMOHONAN LAMPU ISYARAT

Jabatan memaklumkan terdapat keperluan penyediaan lampu isyarat di persimpangan Jalan Kerja Air Lama dan Jalan 4K Ampang Jaya. Jabatan sedang menyediakan cadangan rekabentuk dan spesifikasi untuk penyediaan lampu isyarat tersebut. Kerja-kerja akan disenaraikan dalam perancangan kerja jabatan 2014.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.33 MOHON PEMBINAAN DEWAN DAN GELANGGANG FUTSAL

Permohonan penduduk supaya dibina sebuah dewan dan gelanggang futsal di tapak tanah kosong di Taman Ampang Saujana yang terletak di hujung bersebelahan kandang kambing telah dipersetujui. Walau bagaimanapun, jabatan sedang memohon peruntukkan dari pihak UPEN untuk pembinaan tersebut yang dijangka akan dilaksanakan pada 2014.

**Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.34 MOHON PEMBINAAN LALUAN SIAR KAKI

Berhubung isu pembinaan laluan siar kaki di sepanjang Jalan Teratai 1 /2, Taman Bukit Teratai Ampang, semakan jabatan mendapati ianya adalah rezab JKR. Pihak jabatan juga mendapati tiada keperluan pembinaan laluan siar kaki di kawasan tersebut.

Makluman

3.35 KEMUDAHAN PEJABAT POS DI PANDAN PERDANA

Jabatan telah mengeluarkan surat kepada Pejabat Pos Besar pada 22 Julai 2013 berhubung keperluan Pejabat Pos di

Pandan Perdana namun tiada sebarang maklumbalas diterima. Surat susulan juga telah dihantar pada 17 Oktober 2013.

Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar

3.36 PENIAGA DI MEDAN SELERA SRI TANJUNG

Jabatan memaklumkan tong sampah telah dibekalkan kepada peniaga-peniaga di medan selera Sri Tanjung, Ampang Jaya.

Makluman

3.37 PEMBINAAN BUMBUNG DI GELANGGANG BOLA KERANJANG

Berkenaan pembinaan bumbung gelanggang bola keranjang di Kuala Ampang, pihak ICU telah mengemukakan pelan dan sijil siap kerja pada 19 September 2013. Jabatan akan menghubungi semula pihak ICU kerana tiang bola keranjang dan garisan gelanggang belum dibuat/dipasang semula.

Tindakan :
Jabatan Bangunan dan Senibina

3.38 BENDERA PARTI

Jabatan telah menjalankan operasi menurunkan bendera parti di seluruh jalan-jalan utama. Operasi penurunan bendera sedang dilaksanakan di jalan-jalan di kawasan taman. Pihak jabatan akan meneruskan operasi penurunan bendera ini dan memantau dari masa ke semasa.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

3.39 PERMOHONAN BONGGOL

Berhubung permohonan pembinaan bonggol berhadapan Apartment Sri Melor Ukay Perdana, jabatan memaklumkan berdasarkan garis panduan pembinaan bonggol majlis, tiada bonggol dibenarkan untuk dibina di jalan yang mempunyai rizab 66 kaki.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja menyediakan 'speedbreaker' di kawasan tersebut akan dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan November 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.40 PERMOHONAN TOL

Permohonan pembinaan pondok pengawal dan boom gate oleh Persatuan Penduduk Taman Sering Ukay, Ukay Perdana telah diluluskan pada 19 Julai 2013 dalam Mesyuarat J/K OSC Bil.14/2013. Pihak Persatuan Penduduk sedang menunggu maklumbalas dari Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

**Tindakan:
PTD Gombak**

3.41 MOHON LINTASAN BELANG DAN 'SPEED BREAKER'

Kerja-kerja menyediakan lintasan belang 'zebra crossing' dan 'speedbreaker' di persimpangan Jalan 1 (lampu isyarat) dan lampu isyarat persimpangan Jalan Tasek Tambahan 1 dengan Jalan Tasek Tambahan untuk keperluan kanak-kanak sekolah melintas jalan akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2013.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.42 LAMPU LINTASAN KESELAMATAN

Pihak Jabatan sedang dalam proses menyediakan spesifikasi dan rekabentuk untuk kerja-kerja penyediaan lampu lintasan keselamatan di hadapan Sekolah Agama Lembah Jaya. Kerja-kerja dijangka akan dilaksanakan pada 2014.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.43 'ROLLER SHUTTER' TERTUTUP

Jabatan memaklumkan 'roller shutter' rumah sampah yang berkunci di hadapan kedai Bukit Segar telah dibuka. Mohon Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan untuk memastikan kutipan dilaksanakan mengikut jadual.

Makluman

3.44 PERMOHONAN PEMBUKAAN JALAN KE TAMAN BUKIT SEGAR

Jabatan memaklumkan bagi cadangan pembukaan jalan di antara Vista Mas dan Danau Mas serta jalan ke Taman Bukit Segar Jaya 1 adalah disokong namun tertakluk kepada ulasan pihak DBKL.

Bagi permohonan pembukaan jalan di antara Pangsapuri Kempas dan Pangsapuri Cengal maklumbalas tidak menyokong dari pihak Jabatan Perancang Bandar melalui memo bertarikh 10 Oktober 2013. Pihak DBKL juga telah mengemukakan maklumbalas bahawa jalan berkenaan tidak boleh disambungkan kerana ianya adalah lot persendirian (lot 39723).

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.45 PERMOHONAN PADANG

Berkenaan permohonan padang ceria untuk penduduk di Zon 24 berhampiran tasik di hadapan Danau Mas atau di tepi surau, Pangsapuri Bukit Segar A1, Jalan Cheras Hartamas jabatan memaklumkan Program Padang Cergas akan dilaksanakan mengikut DUN. Lokasi telah dikenalpasti dan pelaksanaan akan dibuat secara berperingkat dalam tempoh 5 tahun bergantung kepada peruntukkan jabatan.

Makluman

3.46 SEMAKAN KAWASAN LAPANG

Kerja-kerja pembaikan longkang di kawasan lapang di Bukit Segar Jaya 2 yang menyebabkan tanah di kawasan tersebut sentiasa basah dan lembap telah dilaksanakan.

Makluman

3.47 PEMBAIKAN LONGKANG

Kerja-kerja pembersihan longkang di Bukit Segar Jaya 2 terutamanya longkang di tepi tapak permainan kanak-kanak yang telah pecah telah dilaksanakan. Kerja-kerja pembaikan longkang juga telah dilaksanakan.

Makluman

3.48 KEPERLUAN KEMUDAHAN DEWAN

Keperluan sebuah dewan orang ramai di Zon 24 untuk kegunaan penduduk akan disenaraikan dalam bajet pembangunan tahun 2014.

**Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

3.49 PEMBINAAN TANDAS HARAM

Pihak jabatan memaklumkan notis telah dikeluarkan pada 20 Ogos 2013 terhadap peniaga yang membina struktur (sangkar besi) tanpa kebenaran di pasar pagi Taman Maju Jaya. Jabatan telah mengarahkan peniaga untuk menanggalkan struktur (sangkar besi) tersebut. Semakan jabatan pada 11 Oktober 2013 mendapati kontraktor sedang mengukur dan dalam proses untuk pemasangan (sangkar besi) gril besi. Mesyuarat bersetuju untuk meneruskan dengan tindakan penguatkuasaan dengan merobohkan struktur tersebut kerana peniaga engkar dengan notis yang telah dikeluarkan.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.50 PENDAWAIAN ELEKTRIK HARAM

Bahagian COB telah mengambil tindakan dengan menghubungi pihak yang membuat penyambungan elektrik tanpa kebenaran untuk kegunaan gerai-gerai haram di sekitar kawasan lapang Flat Taman Dagang Fasa 2A namun tiada jawapan. Laporan juga telah dibuat kepada pihak TNB dan Suruhanjaya Tenaga untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan :
Bahagian COB

3.51 PELEBARAN JALAN

Mesyuarat bersama jabatan teknikal dan agensi terlibat diadakan pada 17 Oktober 2013 bagi membincangkan proses untuk merobohkan 18 unit struktur gerai di Jalan Bunga Melati 8, Taman Seraya. Notis telah dikeluarkan pada 8 Oktober 2013. Kerja-kerja pelebaran jalan tersebut akan

dilaksanakan setelah kerja perobohan dan pemindahan gerai selesai dilaksanakan.

Tindakan :
**Jabatan Kejuruteraan/
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.52 MENAIKTARAF LONGKANG

Jabatan memaklumkan sebutharga bagi kerja-kerja menaiktaraf longkang di Jalan 12 Ampang Jaya akan diiklankan pada bulan November 2013 menggunakan peruntukkan jabatan.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.53 TEBING RUNTUH

Jabatan memaklumkan kerja-kerja pembaikan tebing runtuh di sungai Kg Melayu di Jalan Pinang, Kg. Melayu Ampang di bawah tanggungjawab pihak JPS. Surat makluman telah dihantar kepada pihak JPS untuk tindakan.

Makluman

3.54 STATUS TANAH UKRC

Jabatan memaklumkan status padang UKRC Kuala Ampang telah diambilalih oleh pihak majlis berkuatkuasa 1 Oktober 2013 dan dikenali sebagai ' Padang MPAJ Kuala Ampang'. Kadar sewaan untuk satu sesi penggunaan adalah sebanyak RM 200.00 dan dibenarkan untuk permainan bola sepak sahaja. Mesyuarat mencadangkan supaya padang ditutup 2 kali seminggu selepas satu sesi penggunaan untuk memastikan padang tidak mengalami kerosakan yang teruk.

Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.55 PROSEDUR PEMBINAAN DI ATAS TANAH MILIK KERAJAAN YANG DISELIA OLEH MAJLIS

Jabatan memaklumkan berdasarkan pekeliling Kerajaan Negeri hanya projek daripada JKR (tanpa melalui perunding) sahaja yang hendak dibangunkan tidak memerlukan kelulusan Kebenaran Merancang. Selain daripada itu perlu melalui proses Kelulusan Kebenaran Merancang.

Makluman

3.56 PAPAN TANDA TUNJUK ARAH

Kerja-kerja pemasangan papan tanda tunjuk arah ke Taman Melur akan dilaksanakan dan dijangka siap pada hujung Oktober 2013. Mesyuarat juga memohon supaya papan tanda yang rosak dan dikotori oleh stiker haram supaya dapat dibersihkan.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.57 KAJIAN TRAFIK DI SEKITAR AMPANG POINT

Jabatan sedang melaksanakan kajian berhubung isu trafik lalu lintas di sekitar kawasan Ampang Point yang sering berlaku kesesakan. Pembentangan kajian akan dibuat dalam mesyuarat akan datang.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.58 PEMASANGAN 'INTERLOCKING' DI AMPANG POINT

Kerja-kerja pemasangan 'interlocking' di antara pembahagi jalan di kawasan Ampang Point akan dilaksanakan pada akhir Oktober 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.59 MENAIKTARAF JERJI BESI PERANGKAP AIR HUJAN

Kerja-kerja menaiktaraf jeriji besi perangkap air hujan di Jalan Saga 5 (persimpangan antara jalan Saga 1 dan Jalan Melur 11 serta Melur 15 telah dilaksanakan.

Makluman

3.60 MENAIKTARAF DAN PEMBERSIHAN JEJANTAS DI PANDAN INDAH

Kerja-kerja pembaikan jejantas di Pandan Indah akan dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan November 2013.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.61 PERMOHONAN LAMPU LIMPAH

Pihak jabatan akan mengadakan penyelarasan bersama Jabatan Kejuruteraan berhubung isu permohonan penduduk supaya dipasang lampu limpah di Dewan Taman Bukit Indah.

**Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

3.62 PERMOHONAN TAMBAHAN LAMPU LIMPAH

Kerja-kerja pemasangan lampu jalan tambahan di kawasan Taman Botani Taman Bukit Indah sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada Bulan Oktober 2013.

Makluman

3.63 PERMOHONAN BONGGOL

Hasil semakan jabatan didapati tiada keperluan pembinaan bonggol di Jalan 12 Taman Muda. Ianya lebih kepada sikap penduduk dan pemandu. Walau bagaimanapun pihak jabatan akan menyemak semula perkara ini dan sekiranya

keperluan mendesak kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan.

Makluman

3.64 LONGKANG RUNTUH

Kerja-kerja pembaikan longkang runtuh diantara pasar pagi dan pasar pagi ekspos di Taman Muda dalam pelaksanaan jabatan dan dijangka siap pada 29 Oktober 2013.

Makluman

3.65 LONGKANG RUNTUH

Kerja-kerja pembaikan longkang runtuh di Jalan Bunga Tanjung 8 Taman Muda telah dilaksanakan.

Makluman

3.66 PERMOHONAN PENUTUP LONGKANG

Kerja-kerja pembaikan penutup longkang di kawasan perniagaan Pandan Perdana Jalan 4/1,4/3,4/5 dan 4/8 dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap hujung Oktober 2013.

Makluman

3.67 KREN PANJANG DILETAKKAN DI BAHU JALAN

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis pada 17 September 2013 terhadap kren panjang yang diletakkan di atas rumput di bahu jalan di Jalan 5/7 Pandan Perdana (belakang tennis court). Pemilik dikehendaki mengalihkan kren tersebut dalam tempoh 3 hari dari tarikh notis. Jabatan juga telah mengemukakan aduan kepada pihak SPAD pada 18 Oktober 2013 untuk tindakan bersama.

**Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa**

3.68 TEBING LONGKANG PECAH

Kerja-kerja pembaikan ke atas tebing longkang pecah dan rosak di Lembah Maju jalan 1/21/4,1/6,1/8,1/5 dan 1/7 sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada 29 Oktober 2013.

Makluman

3.69 PEMBAIKAN TIANG GOL

Kerja-kerja pembaikan tiang gol yang telah tumbang di padang awam Jalan Indah 11 Cheras Indah sedang dilaksanakan oleh jabatan dan dijangka selesai pada Bulan Oktober 2013.

**Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.70 BINAAN STRUKTUR HARAM

Jabatan diminta untuk mengeluarkan notis kepada pemilik yang membuat binaan struktur haram di hujung Jalan 9/10 Pandan Perdana (belakang kuil hindu). Tindakan penguatkuasaan akan diambil sekiranya pemilik gagal mematuhi arahan notis.

**Tindakan :
Jabatan Bangunan dan senibina**

3.71 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Berkenaan isu lampu jalan di sepanjang jalan hadapan Cheras Hartamas fasa 1 tidak menyala dan jalan tersebut juga tidak disapu pihak jabatan telah memanjangkan perkara tersebut kepada pihak MPKj untuk tindakan.

Makluman

3.72 LONGKANG TERSUMBAT

Kerja-kerja pembersihan ke atas longkang di seluruh kawasan Taman Ampang Utama yang tersumbat telah dilaksanakan.

Makluman

3.73 PEMBERSIHAN SEMAK SAMUN

Pihak jabatan telah mengeluarkan surat kepada Jabatan Perhutanan supaya menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan belakang Cheras Hartamas fasa 1 (bersebelahan pejabat JKP) yang bersemak samun dan lalang yang tumbuh tinggi.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.74 PEMBAIKAN 'INTERLOCKING PAVEMENT'

Kerja-kerja pembaikan 'interlocking pavement' yang pecah di jalan bulatan hadapan Danau Mas dan Vista Mas, Cheras Hartamas telah dilaksanakan.

Makluman

3.75 PEMASANGAN TIANG LAMPU DI TASEK PERMAI

Kerja-kerja pemasangan struktur tiang lampu di Lot 1200 Kg Tasek Permai telah siap dan penyelarasan bersama pihak TNB untuk bekalan elektrik disalurkan telah dilaksanakan.

Makluman

3.76 'STOP WORK ORDER' KEPADA PEMAJU THE MARKS

Notis telah dikeluarkan kepada pihak pemaju The Marks pada 30 Julai 2013 yang telah menghantar tanah, batu bata ke Taman Bukit Segar. Arahan telah dikeluarkan dan tindakan kompaun telah dikenakan kepada pemaju tersebut. Jabatan Bangunan dan Senibina diminta untuk

mengeluarkan 'stop work order' kepada pemaju tersebut. Jabatan Kejuruteraan, Perancang Bandar, Undang-undang dan Penguatkuasa diminta mengadakan penyelarasan untuk tindakan bersama bagi menyelesaikan isu ini.

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina/ Jabatan

Kejuruteraan

Jabatan Perancang Bandar/Jabatan Undang-undang

Jabatan Penguatkuasa

3.77 MOHON LAMPU JALAN

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan di tapak letak kenderaan dan seluruh kawasan Flat Taman Dagang telah dilaksanakan. Kerja-kerja tambahan lampu jalan akan dilaksanakan secara berperingkat.

Makluman

3.78 GERAI HARAM DIDIRIKAN DI ATAS TEMPAT LETAK KENDERAAN

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis terhadap peniaga yang mendirikan gerai di tempat letak kereta Flat Taman Nirwana pada 9 September 2013. Tempoh notis adalah selama 7 hari. Tindakan sitaan telah dibuat sebanyak 2 kali iaitu pada 9 September 2013 dan 10 Oktober 2013. Keadaan di tapak telah dibersihkan sepenuhnya dari struktur gerai. Mesyuarat bersetuju untuk menolak rayuan pemohon untuk terus berniaga di situ.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.79 MOHON LAMPU DI TAMAN MESTIKA

Semakan jabatan mendapati pemasangan lampu di kawasan flat Taman Mestika adalah di bawah tanggungjawab pihak JMB. Walau bagaimana pun pihak JMB tidak dapat melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kerana tidak mempunyai dana. Jabatan telah mengeluarkan surat kepada pihak KLIH (Liquidator) yang menguruskan kawasan bersama di Flat Mestika untuk membaiki segala kerosakan seperti lampu dan sebagainya. Jabatan memaklumkan pihak liquidator masih berminat untuk menguruskan harta benda di kawasan ini.

**Tindakan :
Bahagian COB**

3.80 ISU PEMBINAAN STRUKTUR BANGUNAN DI KUALA AMPANG

Pihak JPS Gombak akan menjalankan operasi merobohkan binaan bangunan di tanah rezab JPS di Kuala Ampang (belakang sekolah) pada 30 September 2013.

Makluman

3.81 ADUAN KEDAI HARAM

Pihak jabatan tidak akan mempertimbangkan permohonan lesen berniaga sementara oleh pemilik kedai haram yang beroperasi di no. 1 Lorong Luas K1 Kg. Pandan Dalam. Tindakan penguatkuasaan akan diambil.

**Tindakan:
Jabatan Pelesenan**

3.82 PERMOHONAN LAMPU LIMPAH

Kerja-kerja pemasangan lampu limbah di tapak permainan kanak-kanak di Padang Taman Dagang Fasa 3 serta di tapak

permainan kanak-kanak di Flat Pandan Utama akan dilaksanakan pada pertengahan Bulan Oktober 2013.

Makluman

3.83 PAPAN TANDA JALAN ROSAK

Kerja-kerja pemasangan papan tanda jalan serta papan tanda lorong di Taman Dagang fasa 1 akan dilaksanakan dan dijangka siap pada pertengahan bulan Oktober 2013.

Makluman

3.84 TRELER PANJANG DILETAKKAN DI BAHU JALAN

Sebuah lori treler panjang diletakkan di bahu jalan di Jalan Cheras Hartamas (berhampiran Pangsapuri Bukit segar dan bus stop) pada waktu malam hingga ke pagi. Treler panjang ini telah merosakkan bahu jalan tersebut. Pihak jabatan telah mengemukakan aduan kepada pihak SPAD pada 18 Oktober 2013 untuk tindakan bersama.

**Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa**

3.85 PENUTUP BESI LONGKANG MELINTANGI JALAN

Kerja-kerja pembaikan penutup besi longkang yang melintang jalan di hadapan Pangsapuri Kempas dan di hadapan The Marks Jalan Cheras Hartamas akan dilaksanakan pada bulan November 2013.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.86 TUNGGUL POKOK TIDAK DIANGKAT

Tunggul pokok yang telah ditebang di hadapan rumah no. 1 Jalan 7/3 Pandan Perdana telah dibersihkan.

Makluman

3.87 PERMOHONAN PEMBAIKAN BAHU JALAN

Semakan jabatan mendapati keadaan bahu jalan di Jalan 10/8 Pandan Perdana bersebelahan dengan Apartment Pandan Terrace dan Old Town Cafe One Shamelin yang dimaklumkan telah hampir setaraf dengan jalan raya didapati masih berada di dalam keadaan baik dan tiada keperluan pembaikan buat masa ini.

Makluman

3.88 PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Kerja-kerja pembersihan sampah haram di 2 lokasi iaitu di kawasan lapang tepi loji kumbahan serta kawasan lapang hadapan Restoran Tim Fatt di Jalan 5/7 Pandan Perdana telah dilaksanakan. Pemantauan berterusan oleh jabatan akan dilaksanakan.

Makluman

3.89 MOHON PENEANGAN POKOK

Kerja-kerja peneangan pokok dan pembersihan sepenuhnya pokok liar dan tinggi bersebelahan Pejabat Ahli Majlis di Jalan Mega 7, Taman Mega Jaya Ampang dalam tindakan penyelenggaraan oleh jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.90 LONGKANG PECAH DAN TERSUMBAT

Kerja-kerja pembaikan longkang pecah di Jalan Saga 5, Taman Saga Ampang sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada hujung Oktober 2013.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.91 ALIRAN AIR LONGKANG TERSEKAT

Samakan jabatan berkenaan isu aliran air longkang tersekat di Jalan Melur 43 dan 45 Taman Melur Ampang memerlukan kerja-kerja pembersihan.

Tindakan:
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan/
Jabatan Kejuruteraan**

3.92 LONGKANG PERLU DIBAIKI

Kerja-kerja pembaikan longkang di Jalan Teratai 1 /2 (hadapan substation TNB) Taman Bukit Teratai Ampang akan dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan November 2013.

Makluman

3.93 MOHON PEMBERSIHAN POKOK MEMANJAT

Kerja-kerja pembersihan pokok-pokok memanjat yang sedang menutup permukaan tembok nama Pandang Perbandaran MPAJ Pandan Indah telah dilaksanakan.

Makluman

3.94 PENUTUP BESI LONGKANG HILANG

Kerja-kerja penggantian penutup besi longkang di sekitar Flat Desa Lembah Permai yang hilang akan dilaksanakan dan dijangka siap pada hujung bulan Oktober 2013.

Makluman

3.95 LONGKANG ROSAK DAN PECAH

Kerja-kerja pembaikan longkang rosak dan pecah di belakang rumah Jalan Dagang 3A Taman Dagang Jaya akan dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan November 2013.

Makluman

3.96 LONGKANG PERLU DIBAIKI

Kerja-kerja pembaikan longkang pecah di Jalan Indah 9, Kg. Ampang Indah akan dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan November 2013.

Makluman

3.97 LONGKANG ROSAK

Kerja-kerja pembaikan longkang rosak di tepi lampu isyarat Jalan Dagang 17, Taman Dagang Jaya (Depan Pasti ILMU Taman Dagang Jaya) akan dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan November 2013.

Makluman

3.98 MOHON PAPAN TANDA UNTUK KEDUDUKAN BAS RAPID KL

Penyelarasan telah dibuat bersama pihak syarikat Rapid KL di mana pemasangan papan tanda akan diletakkan mengikut lokasi pemberhentian bas. Jabatan akan membuat semakan spesifikasi pemasangan mengikut lokasi demi lokasi.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.99 MENAIKTARAF JEJANTAS DI TERMINAL LRT

Berkenaan cadangan mesyuarat agar jabatan membuat kajian bagi menambah aksesori sama ada membina lift atau escalator di jejantas terminal LRT Jalan Ampang untuk memberi keselesaan kepada pejalan kaki yang menggunakan jejantas tersebut, jabatan mendapati tiada keperluan untuk menyediakan kemudahan tersebut buat masa ini. Walau bagaimanapun jabatan akan memastikan kerja-kerja pembersihan dilaksanakan mengikut spesifikasi.

Tindakan:
**Jabatan Kejuruteraan/
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.100 PEMBAIKAN TANDA NAMA JALAN

Kerja-kerja pembaikan dan pemasangan tanda nama jalan di sekitar Taman Sri Ukay, Bukit Antarabangsa akan dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Oktober 2013.

Makluman

3.101 JALAN BERLUBANG

Kerja-kerja penampalan jalan berlubang di Jalan Merbau dan Jalan Kempas Ampang Jaya telah dilaksanakan pada 2 Oktober 2013.

Makluman

3.102 HAKISAN TANAH

Kerja-kerja pembaikan hakisan tanah di bawah konkrit longkang yang telah runtuh di persimpangan Jalan Bunga Tanjung 8b, Taman Muda akan dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan November 2013.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.103 JALAN BERLUBANG

Kerja-kerja penampalan jalan berlubang di lokasi-lokasi berikut telah dilaksanakan pada 14 Oktober 2013.

- i. Jalan Bunga Tanjung 7, Taman Muda (hadapan BHP Petrol)
- ii. Persimpangan Jalan Bunga Tanjung 13 dan Jalan Bunga Tanjung 19 Taman Muda
- iii. Jalan Bunga Tanjung 18, Taman Muda

Makluman

3.104 LONGKANG RUNTUH

Kerja-kerja pembaikan longkang runtuh di hadapan Dewan Orang Ramai Taman Muda, Jalan Bunga Mawar, Taman Muda akan dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan November 2013.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.105 LONGKANG TERSUMBAT

Isu longkang yang tersumbat di Jalan Bunga Tanjung 7, Taman Muda dalam tindakan jabatan. Terdapat binaan struktur di hadapan kedai-kedai di situ sehingga menyebabkan kerja-kerja pembersihan sukar dilaksanakan.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.106 JAMBATAN BERLUBANG BERHAMPIRAN MASJID AR-RIDHUAN

Beliau memaklumkan jambatan berhampiran Masjid Ar Ridhuan telah berlubang dan menyebabkan kerosakan pada 'interlocking' di kawasan tersebut. Mohon pihak JPS untuk menyemak perkara ini dan melaksanakan tindakan pembaikan.

**Tindakan:
JPS Gombak**

3.107 PEMBINAAN 'INTERLOCKING' KURANG SEMPURNA DAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

Kerja-kerja pembaikan 'interlocking' di Bulatan AU 3 Keramat yang kurang sempurna dan tidak mengikut spesifikasi sehingga membahayakan kepada penunggang motosikal dan pengguna lalu lintas yang lain dalam tindakan kontraktor. Jabatan telah mengarahkan pihak kontraktor untuk membuka dan memasang semula 'interlocking' tersebut.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.108 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan di sepanjang Jalan Mewah 18, Taman Ampang Mewah dan Jalan Wawasan 3, Bandar Baru Ampang yang tidak menyala telah dilaksanakan.

Makluman

3.109 KEPERLUAN LAMPU JALAN

Kerja-kerja pembaikan lampu Jalan di Hadapan Lot 316A Jalan 17, Kampung Baru Ampang akan dilaksanakan pada awal bulan November 2013.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.110 PENYELENGGARAAN CERUN

Pembersihan dan penyelenggaraan kawasan cerun sekitar Taman Saga, Taman Melur, Taman Bukit Teratai dan Taman Mega Jaya akan dilaksanakan secara berkala.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.111 LAMPU JALAN DAN JALAN ROSAK

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan dan jalan rosak di Jalan 3/1, Taman Mulia Jaya telah dilaksanakan.

Makluman

4. HAL-HAL LAIN**TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD. KAMIS****4.1 ADUAN POKOK BESAR**

Aduan terdapat 3 batang pokok besar di Jalan Cempaka 1, Taman Cempaka berhadapan rumah Penghulu Mukim Ampang 2. Mohon kerja-kerja penyelenggaraan.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

4.2 STATUS TOKONG DAN LAMAN (LANSKAP)

Beliau memohon penjelasan berkenaan status tokong dan laman (landskap) di Jalan Cempaka 15, Taman Cempaka di tepi bahu jalan dan hadapan bangunan (tapak letak kereta) dan terdapat pasu bunga besar.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina /
Jabatan Belia dan masyarakat**

4.3 SEMAK SAMUN

Semak samun dan pokok-pokok serta sampah sarap di hadapan pintu masuk Apartment Pinggiran Cempaka (sebelah IWK) mohon diselenggara dan dibersihkan.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

4.4 SEMAK SAMUN

Semak samun dan pokok-pokok di Padang permainan Taman Cempaka belakang Surau An Nur Taman Cempaka.

Penduduk juga memaklumkan terdapat ular di kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.5 PENYELENGGARAAN PADANG

Mohon kerja-kerja penyelenggaraan padang di Taman Dagang Fasa 3. (hadapan tapak pasar malam)

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

PUAN SIAN KENG ENG

4.6 PEMBERSIHAN KAWASAN

Beliau memohon status perkhidmatan pembersihan kawasan di Bukit Pandan Bistari (selepas Monte Bayu) samada kontraktor pembersihan di kawasan tersebut sudah dilantik atau sebaliknya.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.7 KERETA DILETAKKAN DI TEPI JALAN

Penghuni di Pangsapuri Bukit Bayu meletakkan kenderaan mereka di tepi jalan dan menyebabkan laluan menjadi sempit untuk kereta yang datang dari arah Taman Bukit Bistari. Laluan trafik juga tidak berjalan dengan lancar. Beliau mencadangkan supaya didirikan pembahagi jalan di laluan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Penguat kuasa

4.8 PAPAN TANDA HARAM

Banyak papan tanda haram di tepi jalan berhampiran Pangsapuri BayuMas Bukit Segar yang perlu dibersihkan.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

4.9 SISA BINAAN DITINGGALKAN

Di tapak dewan/tadika di Taman Bayu Mas terdapat sisa binaan yang ditinggalkan di tapak kosong ini. Mohon semak pihak yang bertanggungjawab untuk pembersihan sisa tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.10 SEMAK SAMUN DI LOT KOSONG

Terdapat banyak lot kosong yang telah dipenuhi semak samun lalang dan rumput yang perlu dibersihkan di Taman Bayu Mas. Aduan diterima dari penduduk kawasan yang tinggal berjiran di lot-lot kosong ini.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.11 TANAH JATUH DARI ATAS BUKIT

Beliau memaklumkan tanah di atas bukit sering jatuh ke kawasan Pangsapuri Cemara, Cheras Hartamas apabila musim hujan. Tanah tersebut dimaklumkan telah dibuang oleh pihak Pemaju The Marks.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

4.12 PENYELENGGARAN CERUN

Mohon Jabatan Kejuruteraan untuk menyemak berkenaan isu cerun di Pangsapuri Cemara, Cheras Hartamas yang perlu diselenggara memandangkan pihak JMB memaklumkan tidak mempunyai peruntukkan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.13 STRUKTUR GERAI YANG DITINGGALKAN

Sitaan gerai durian yang telah beroperasi secara haram telah dibuat, namun struktur gerai papan yang rosak tersebut telah ditinggalkan di hadapan Pangsapuri Meranti, Cheras Hartamas. Mohon semakan dan tindakan sewajarnya.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

4.14 KEMALANGAN DI SELEKOH JALAN BUKIT SEGAR JAYA

Selekoh jalan Bukit Segar Jaya sering berlaku kemalangan yang menyebabkan kereta terbalik. Mohon papan tanda 'kawasan kemalangan' atau 'speedbreaker' di letakkan di lokasi tersebut.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.15 STRUKTUR GERAI HARAM DITINGGALKAN

2 buah gerai haram akan meninggalkan kanopi, kerusi dan tong gas pada setiap pagi di tepi jalan hadapan kedai Bukit Segar

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

4.16 GERAI HARAM

3 gerai haram telah beroperasi berhampiran Restoran Thoulat hadapan kedai Bukit Segar pada waktu malam.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.17 ADUAN RUMAH KOSONG

Terdapat rumah kosong di no 33A Jalan BS 2A, Taman Bukit Segar yang telah dipenuhi semak samun dan pokok di belakang rumah. Mohon dikeluarkan notis kepada pemilik premis untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.18 PAPAN TANDA JALAN ROSAK

Papan tanda jalan telah rosak dan jatuh di no 1, Jalan BS2A, Taman Bukit Segar. Mohon kerja-kerja pembaikan.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

TUAN ABDUL LATIF BIN SHAARI**4.19 PEMBUANGAN SAMPAH HARAM**

Pembuangan sampah haram di Jalan 1, Taman Tun Abdul Razak (TAR) belakang Kelab Darul Ehsan. Mohon tindakan segera diambil sebelum aktiviti pembuangan ini semakin bertambah.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.20 BANGSAL DI BAHU JALAN

Sebuah bangsal telah didirikan di bahu jalan di Jalan 12, Taman TAR. Mohon semakan dan tindakan penguatkuasaan.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina**

TUAN WONG KHAI PUN**4.21 MOHON TIANG LAMPU TAMBAHAN**

Mohon tiang lampu tambahan di pertengahan Jalan 1 /4 Pandan Perdana.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.22 PENUTUPAN JALAN TANPA KEBENARAN

Beliau memaklumkan Persatuan Penduduk di Jalan Perdana 2/10,2/14 & 2/18 Pandan Perdana menutup jalan tanpa kebenaran (haram) dengan meletakkan 'boom gate' dilaluan masuk ke kawasan tersebut. Mohon tindakan penguatkuasaan diambil.

**Tindakan:
Jabatan Penguat kuasa**

4.23 PENGUBAHSUAIAN TANPA KEBENARAN

Mohon tindakan penguatkuasaan diambil ke atas kerja-kerja pengubahsuaian dapur rumah tanpa kebenaran di No. 18, Jalan Indah 34, Cheras Indah.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina**

TUAN HAJI A. YAZID BIN ALIAS**4.24 JALAN BERLUBANG**

Jalan berlubang di simpang Sekolah Agama Taman Melawati dan Jalan Melawati 1 (seberang jalan International School) Taman Melawati.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.25 BATU HIASAN DI TEPI JALAN

Batu hiasan disimpang Taman Melawati dipasang oleh pihak Sime Darby. Hanya satu sahaja lampu di batu hiasan tersebut yang menyala dan lampu-lampu yang lain telah pecah. Mohon semak dan lupuskan sekiranya ianya tidak berfungsi.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.26 BESI DIJADIKAN TIANG TELEFON

Terdapat besi yang ditanam untuk mengikat tiang telefon yang telah putus di belakang rumah hujung Jalan A4, Taman Melawati dan mendatangkan bahaya kepada pengguna lorong. Mohon maklumkan kepada pihak Telekom untuk tindakan pembaikan.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.27 PAPAN TANDA

Terdapat beberapa isu berkaitan papan tanda seperti berikut:

- i) Mohon digantikan papan tanda berhenti di persimpangan Pasaraya Giant, Taman Permata yang telah hilang.
- ii) Mohon digantikan papan tanda berhenti di simpang masuk Jalan Negara ke Bank Rakyat, Taman Melawati yang telah hilang.
- iii) Mohon pembaikan papan tanda Zon Bersih di hadapan Kuwait Bank Taman Permata yang telah runtuh.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.28 PAPAN TANDA DILARANG MEMBUANG SAMPAH

Mohon papan tanda 'Dilarang Membuang Sampah' di Padang Jalan A4, Pandan Jaya dan kerja-kerja pembersihan sampah haram yang telah ditutupi lalang di kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.29 PENYELENGGARAAN LAMPU

Mohon kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan di kawasan pasar malam Taman Melawati.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.30 PENYELENGGARAAN POKOK

Mohon kerja-kerja penyelenggaraan pokok di Jalan Melawati 1 dari K Klub ke International School Ampang Jaya.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

TUAN MAT JUSOH BIN DOLLAH**4.31 JALAN ROSAK**

Jalan rosak di hadapan Flat Lembah Permai, Lembah Jaya Utara dan mohon dibaiki.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

TUAN HJ ABDUL JALIL BIN HASAN**4.32 PEMBERSIHAN LONGKANG**

Mohon kontraktor pembersihan membersihkan longkang-longkang di sekitar Flat Pandan Indah Jalan 3/3 yang tidak diselenggara dengan baik.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

TUAN LIM FONG LEN**4.33 PEROBOHAN BUS STOP**

Beliau memaklumkan pihak YB kawasan telah bersetuju supaya bus stop yang baru dibina di Jalan Bunga Mawar, Taman Mawar supaya dirobohkan untuk memberi laluan untuk kerja-kerja pelebaran jalan.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.34 PEMBAIKAN BAHU JALAN

Mohon kerja-kerja pembaikan bahu jalan di Jalan Bunga Mawar 4, Taman Mawar kerana telah berlaku hakisan di situ.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.35 JALAN BERLUBANG

Mohon pembaikan jalan berlubang di Jalan Bunga Tanjung 7, Taman Muda (hadapan stesen minyak BHP)

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.36 TANAH RUNTUH

Kejadian tanah runtuh di Jalan Mega 13, Taman Mega Jaya mohon kerja-kerja pembaikan cerun dengan segera.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

PUAN WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN**4.37 PERMOHONAN LAMPU JALAN**

Mohon pemasangan lampu jalan di Jalan Hijrah 6 Kg Sering Ukay kerana kawasan tersebut terlalu gelap. Jabatan memaklumkan pemasangan lampu jalan hanya boleh dibuat di kawasan yang mempunyai rezab jalan . Walau bagaimanapun pihak jabatan mencadangkan perbincangan bersama penduduk di kawasan tersebut diadakan untuk memasang sendiri lampu di lorong belakang kawasan premis masing-masing.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

TUAN RAZALI BIN RAMLY**4.38 STATUS IKS DI AU3 TAMAN KERAMAT**

Beliau memohon maklumbalas berkenaan status IKS di AU3 Taman Keramat yang telah terlibat dalam projek ROL. Beliau memaklumkan pihak JPS telah mengeluarkan surat untuk memindahkan IKS tersebut. Jabatan memaklumkan satu mesyuarat yang dikendalikan oleh Pejabat Tanah dan Daerah bersama agensi terlibat telah diadakan untuk membincangkan pemindahan tersebut dan beberapa lokasi pemindahan telah dikenalpasti. Pembentangan laporan akan dibuat ke peringkat EXCO dalam waktu terdekat. Kos pemindahan tersebut adalah di bawah peruntukkan Projek ROL. Mesyuarat mencadangkan supaya pembinaan tapak pemindahan dibuat terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pemindahan dilaksanakan.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.39 KOREKAN OLEH TNB DI MASJID KHAIRIAH AU3

Beliau memaklumkan kerja-kerja korekan jalan yang dilaksanakan oleh pihak TNB telah merosakkan jalan. Pihak TNB juga tidak membersihkan dan mengemaskan semula sisa-sisa korekan setelah kerja selesai di sesuatu lokasi.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

4.40 MASALAH PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI TEPI JALAN

Beliau memohon penjelasan berkenaan status kompaun yang dikeluarkan terhadap kesalahan pembuangan sampah di kawasan yang tidak dibenarkan. Jabatan memaklumkan

pelaku yang telah dikenakan kompaun juga diminta untuk membersihkan sampah sarap tersebut. Sekiranya mereka gagal mematuhi arahan tindakan undang-undang akan diambil. Beliau mencadangkan supaya penggunaan Mobil CCTV untuk memantau aktiviti pembuangan sampah haram ini dikuatkuasakan. Lokasi terbaru pembuangan sampah haram ini di Taman TAR berhampiran kawasan rekreasi Pengerusi meminta pihak Jabatan Perancangan Korporat untuk mengkaji cadangan penggunaan Mobil CCTV ini.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan /
Jabatan Perancangan Korporat

4.41 PENIAGA HARAM DI AU3 KERAMAT

Beliau memaklumkan terdapat peniaga haram di AU3 Keramat Jalan 3/1 (hadapan Blok 10 Taman Keramat). Mohon tindakan penguatkuasaan segera diambil.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan/
Jabatan Penguatkuasa

TUAN HAMSAH BIN DJABIR

4.42 STATUS PENYELENGGARAAN CERUN DI JALAN 4M AMPANG JAYA

Jabatan memaklumkan status penyelenggaraan cerun di Jalan 4M Ampang Jaya dalam tindakan pihak kontraktor.

Makluman

4.43 PEMBAIKAN JALAN DI JALAN BESAR AMPANG

Beliau memohon status pembaikan jalan besar Ampang menghala ke LRT Ampang samada telah selesai dan pihak yang bertanggungjawab terhadap kerja pembaikan tersebut.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

5. PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
23Oktober2013

5.5
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.10/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.10/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 24 OKTOBER 2013
MASA : 9.30 PAGI – 11.55 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain (TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Hamsah Bin Djabir | - | " |
| 4. | Tn. Jafrien Bin Muhammad | - | " |
| 5. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 6. | Tn. Chua Yew Choong | - | " |
| 7. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |
| 8. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
- Ulasan Polis : Disokong pada 9 Oktober 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 25 Julai 2013
- Ulasan BPL :
- Catatan : Tiada.
- Kompaun :
- Syor : Tolak kerana tidak mematuhi Garis Panduan Pengawalan Perniagaan dan Reka Bentuk Pusat Siber dan Kafe Siber Negeri Selangor : Jumlah komputer dipremis **32 unit** (kurang dari 40 unit)
- Keputusan : Tangguh
Semakan semula premis /senarai permohonan oleh Ahli Majlis.

39) LSW SOLUTION 6-23402 (KS)

- Nama pemohon : Lai Sow Wah
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : 337 Jalan Tasek Permai, Kg Tasek Permai
- Kawasan : Lembah Jaya
- Lokasi : Rumah Kedai
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 8 Oktober 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 11 Oktober 2012
- Ulasan BPL :
- Catatan : Telah menghadiri taklimat Garis Panduan Pusat Siber/Kafe Siber pada 15 Mei 2013
- Kompaun : Mempunyai **6 kompaun yang tertunggak**
2004026829E,
2004027915E,2004030522E
2004051055E, 2004051066E,
2004071768E
- Syor : Dikemukakan untuk pertimbangan mesyuarat jawatankuasa
- Keputusan : Tangguh
Semakan semula premis /senarai permohonan oleh Ahli Majlis.

40) CYP TECH SOLUTION 6-24225 (KS)

- Nama pemohon : Cheng Yen Peng
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : Lot 1211 F-G Jalan 11 Kg Baru
Ampang
- Kawasan : Bukit Antarabangsa
- Lokasi : Rumah Kedai
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 8 Oktober 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 25 Julai 2013
- Ulasan BPL :
- Catatan : Tiada.
- Kompaun :
- Syor : Tolak kerana tidak mematuhi Garis
Panduan Pengawalan Perniagaan
dan Reka Bentuk Pusat Siber dan
Kafe Siber Negeri Selangor : Jumlah
komputer dipremis **32 unit** (kurang
dari 40 unit)
- Keputusan : Tangguh
Semakan semula premis /senarai
permohonan oleh Ahli Majlis.

41) TALK BOX INTERNET 6-23236(KS)

- Nama pemohon : Lai Chuan Loy
- Jawatan : Pemilik syarikat
- Alamat premis : A1-G-13, Jalan Mewah 4, Taman Pandan Mewah, 68000 Ampang, Selangor
- Kawasan : Pandan Mewah, Teratai
- Lokasi : Rumah Kedai
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 16 November 2012
- Ulasan Bomba : Disokong pada 11 Oktober 2012
- Ulasan BPL :
- Catatan : Telah menjelaskan kompaun yang (rujukan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Dan Pembangunan Usahawan Bil 9/2013 bertarikh 24 September 2013)
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garis panduan yang ditetapkan. Kelulusan adalah bagi lesen tahun 2013 dan 2014
- Keputusan : Tangguh
Semakan semula premis /senarai permohonan oleh Ahli Majlis.

42) TALK BOX INTERNET 6-23237(KS)

- Nama pemohon : Lai Chuan Loy
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No.16G, Blok F, Jalan Maju 3/3,
Taman Lembah Maju
- Kawasan : Lembah Maju, Cempaka
- Lokasi : Rumah Kedai
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 16 November 2012
- Ulasan Bomba : Disokong pada 11 Oktober 2012
- Ulasan BPL :
- Catatan : Telah menjelaskan kompaun yang
(rujukan keputusan Mesyuarat
Jawatankuasa Pelesenan dan
Pembangunan Usahawan Bil 9/2013
bertarikh 24 September 2013)
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan
garispanduan yang ditetapkan
Kelulusan adalah bagi lesen tahun
2013 dan 2014
- Keputusan : Tangguh
Semakan semula premis /senarai
permohonan oleh Ahli Majlis.

5.6
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA OSC
BIL.19/2013

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL. 19/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 9 HB OKT. 2013 (RABU)

MASA : 9.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
ARAS 16, MPAJ**

KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT

| BIL | HADIR | JABATAN / AGENSI |
|------------|--------------------------------------|--------------------------------------|
| 1. | Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain | Timbalan Yang DiPertua (Pengerusi) |
| 2. | Tn. Razali B. Ramly | Ahli Majlis MPAJ |
| 3. | Tn. Abdul Aziz B. Ahmad | Ahli Majlis MPAJ |
| 4. | Tn. Abdul Jalil B. Hassan | Ahli Majlis MPAJ |
| 5. | Pn. Sian Keng Eng | Ahli Majlis MPAJ |
| 6. | En. Mohd Zuwahir B. Wandu | Pej. Tanah & Daerah Gombak |
| 7. | En. Raja Azhar B. Raja Alias | Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat |
| 8. | Pn. Nurfaeza Saleha Bt Sahlan | JPBD Selangor |
| 9. | En. Tan Chai Oo | Jab. Mineral & Geosains Selangor |
| 10. | En. Mohd Rizal bin Ismail | Jab. Bomba & Penyelamat Selangor |
| 11. | P/DSP Tn.Hj.Abd.Rahman B.Hj.Hasnan | PDRM (Daerah Ampang) |
| 12. | Cik. Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi | Jab. Pengairan & Saliran Gombak |
| 13. | En. Azhar B. Ramli | Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat |
| 14. | Pn. Nor Liza Bt Yen | Jab. Alam Sekitar Selangor |
| 15. | En. Noor Syazwani Bt Noor Sazali | Indah Water Konsortium (IWK) |
| 16. | En. Mohd Fauzi B. Embong | POS Malaysia Berhad |
| 17. | Pn. Zuraina Bt. Said | Jab. Perancang Bandar MPAJ |
| 18. | En. Hasrolnizam B. Shaari | Jab. Kejuruteraan MPAJ |
| 19. | En. Yazid B. Sarkom | Jab. Bangunan & Senibina MPAJ |
| 20. | En. Johari B. Atli | Jab. Undang-Undang MPAJ |
| 21. | En. Khairulazmi B. Abd Rahman | Jab. Penilaian & Pengurusan Harta |
| 22. | Pn. Rohana Bt. Mohd Nor | Ketua Bahagian OSC |
| 23. | En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusof | Jab. Bangunan & Senibina MPAJ |
| 24. | En. Kamarulnizam B.A.Ghani | Jab. Perancang Bandar |
| 25. | Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad | Peg. Perhubungan Awam |
| 26. | Pn. Rahah Bt. Jalaludin | Urusetia OSC Pembangunan |
| 27. | En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim | Urusetia OSC Pembangunan |

28. Pn. Rozita Bt. Razali

Urusetia OSC Pembangunan

TURUT HADIR

- | | |
|---|-------------------------------|
| 1. En. M.Khairul Nizam B. M.Kamil | Jab. Kejuruteraan |
| 2. Tg. Norhani Bt Tg. Hamzah | Jab. Perancang Bandar |
| 3. Pn. Ruziana Bt Leemon | Jab. Bangunan & Senibina MPAJ |
| 4. Pn. Maslinda Bt. Mohd Yusuf | Jab. Perancang Bandar |
| 5. En. Bahari B. Sulieman | Jab. Perancang Bandar |
| 6. En. Syed Noornekman B. Syed Abdullah | Jab. Perancang Bandar |
| 7. Pn. Norizan Bt Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 8. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari | Jab. Perancang Bandar |
| 9. En. Ghazali B. Abd Wahab | Jab. Perbandaran & Kesihatan |
| 10. Pn. Noor Ismezah Bt. Ismail | Jab. Belia Masyarakat |
| 11. Pn. Marlina Bt. Mokhtar | Jab. Belia Masyarakat |
| 12. En. Arbaie B. Kadinan | Jab. Penguatkuasa |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | |
|--------------------------------------|--------------------|
| 1. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd | TIDAK HADIR |
| 2. Jab. Kerja Raya Gombak | TIDAK HADIR |
| 3. Jab. Kerja Raya Hulu Langat | TIDAK HADIR |
| 4. Jab. Pengairan & Saliran Selangor | TIDAK HADIR |
| 5. SYABAS | TIDAK HADIR |
| 6. TNB Distribution Sdn. Bhd. | TIDAK HADIR |
| 7. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) | TIDAK HADIR |
| 8. SKMM Wilayah Tengah | TIDAK HADIR |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.10/2013**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 19/2013 telah diadakan pada 9 Oktober 2013 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Satu (1) Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan ditolak.

2.1.2 Tiga (3) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

(LAMPIRAN 1)

2.2 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG

Enam (6) cadangan Permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan. Empat (4) permohonan telah ditolak, satu (1) telah ditangguhkan dan satu (1) telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 2)

2.3 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (RUMAH SESEBUAH)

Tiga (3) permohonan Kebenaran Merancang (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat .

(LAMPIRAN 3)

2.4 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar guna) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat .

(LAMPIRAN 4)

2.5 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (CAD. NAMA TAMAN & ALAMAT)

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Cad. Nama Taman & Alamat) telah dikemukakan dan telah diluluskan.

(LAMPIRAN 5)

2.6 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (PELBAGAI)

Empat (4) cadangan Kebenaran Merancang (Pelbagai) telah dikemukakan. Tiga (3) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditolak.

(LAMPIRAN 6)

2.7 KERTAS PEMAKLUMAN KEBENARAN MERANCANG.

Dua (2) pemakluman Kebenaran Merancang telah dikemukakan. Satu (1) permohonan telah dikemukakan untuk dibincangkan dan satu (1) permohonan telah dikemukakan untuk diterima dan digunapakai.

2.8 PERMOHONAN PELAN INFRASTRUKTUR JALAN DAN PERPARITAN

Satu (1) cadangan Pelan Infrastruktur Jalan Dan Perparitan telah dikemukakan dan ditangguhkan.

(LAMPIRAN 8)

2.9 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (RUMAH SESEBUAH)

Satu (1) cadangan Pelan Bangunan (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan dan ditangguhkan.

(LAMPIRAN 9)

2.10 HAL-HAL LAIN

2.10.1 Sebanyak 34 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 32 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalam telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 19/2013.

2.10.2 Sebanyak 3 Permohonan Pelan Landskap telah diproses dan telah diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 19/2013.

(LAMPIRAN 10)

2.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Satu (1) Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.1 (a) TETUAN K.K.AGARWAL SDN. BHD. (KEBENARAN MERANCANG)

| | | |
|--------------|---|--|
| Pemohon | : | Tetuan K.K Agarwal Sdn. Bhd. |
| Tajuk | : | Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Rumah Sesebuah 2 Tingkat Dan 1 Tingkat Besmen Dengan Kolam Renang Di Atas GRN 17467 Lot 1552, Jalan Merpati, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan |
| No. Fail PBT | : | MPAJ/PB.KP/3-33/2013 |
| No. Fail OSC | : | MPAJ.OSC.DEV.57.13 |
| Perunding | : | Neo Urban |
| ADUN | : | Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang) |
| Ulasan | : | <u>Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ</u> i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini telah ditangguhkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.15/2013 pada 16/8/2013 kerana pemohon perlu mengemukakan maklumat berkenaan cerun bagi tapak cadangan. ii) Walau bagaimanapun, pemohon masih gagal mengemukakan maklumat berkenaan cerun sehingga kini. |
| Keputusan | : | Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini ditutup berdasarkan perkara-perkara berikut: i) Tidak mematuhi ulasan kebenaran merancang iaitu: a) Meminda tajuk permohonan dengan memasukkan No. Hakmilik iaitu GRN 17467 Lot 1552. b) Meminda keluasan tapak di dalam pelan susunatur selaras dengan keluasan tapak di dalam suratan hakmilik tanah dan carian rasmi iaitu 875.1313 mp c) Menunjukkan lokasi on site detention dalam pelan susunatur. d) Mengemukakan pelan bangunan yang lengkap yang mengandungi pelan pandangan hadapan, pandangan sisi dan pandangan belakang untuk semakan ketinggian bangunan. |

- Ketinggian bangunan yang dibenarkan adalah tidak melebihi 40'.
- e) Mengemukakan surat kebenaran daripada K.K Agarwal Sdn Bhd (No. Perserahan 19447/2012) kerana terdapat kaveat persendirian atas tanah.
 - f) Mengemukakan aku janji kegunaan bangunan adalah untuk kediaman semata-mata.
- ii) Perlu mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan iaitu:
- a) Mengemukakan pelan akui (CP) dan pelan syit.
 - b) Mengemukakan pelan ukur halus yang disahkan oleh Pejabat Tanah dan Jurukur Berdaftar termasuk menunjukkan jajaran jalan dan parit yang bersambung ke jalan dan parit sediaada.
 - c) Mengemukakan laporan analisa kecerunan sediaada.
 - d) Mengemukakan laporan kestabilan rekabentuk struktur cerun yang dicadangkan.
 - e) Mengemukakan 2 salinan laporan penyiasatan tanah.
- iii) Perlu mematuhi ulasan Jabatan Bangunan dan Senibina iaitu ruang outdoor terrace pada bahagian tepi pelan lantai tingkat bawah tidak memasuki ruang anjakan 10'.
- iv) Mematuhi ulasan Jabatan Belia dan Masyarakat iaitu:
- a) Membekalkan sebanyak tiga (3) pokok kepada majlis iaitu pokok Mimusops Elengi (Bunga Tanjung) dengan ketinggian batang pokok 1200 mm dan diameter batang pokok 50 mm.
 - v) Mendapatkan ulasan dan sokongan Jabatan Pengairan dan Saliran Gombak.
 - vi) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.1.1 (b) TETUAN K.K.AGARWAL SDN. BHD.(PELAN KERJA TANAH)

Pemohon : **Tetuan KK Agarwal Sdn Bhd**
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02-289B
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.57.13
Tajuk : Cadangan Kerja Tanah Bagi Membina Sebuah Rumah Banglo 2 Tingkat Dan 1 Tingkat Besmen Dengan Kolam Renang Di Atas Lot 1552, Jalan Merpati, Mukim Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : HNZ Consult
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)
Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditolak** selaras dengan penolakan Permohonan Kebenaran Merancang.

Tindakan : Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.

2.1.1 (c) TETUAN K.K.AGARWAL SDN. BHD.(PELAN INFRASTRUKTUR)

Pemohon : **Tetuan KK Agarwal Sdn Bhd**
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02-289B
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.57.13
Tajuk : Cadangan Kerja Tanah Bagi Membina Sebuah Rumah Banglo 2 Tingkat Dan 1 Tingkat Besmen Dengan Kolam Renang Di Atas Lot 1552, Jalan Merpati, Mukim Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : HNZ Consult
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)
Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditolak** selaras dengan penolakan Permohonan Kebenaran Merancang.

Tindakan : Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.

2.1.1 (d) TETUAN K.K.AGARWAL SDN. BHD.(PELAN BANGUNAN)

Pemohon : **Tetuan K.K.Agarwal Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/1-31/13
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.57.13
Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Rumah Sesebuah 2 Tingkat Dan 1 Tingkat Besmen Dengan Kolam Renang Di Atas Lot 1552, Jalan Merpati, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : Rashid Kader Arkitek
ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib
(DUN Hulu Kelang)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.19/2013 bertarikh 09 Oktober 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditolak** selaras dengan penolakan Kebenaran Merancang, Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur.

Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.

Tiga (3) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.2 TETUAN SPACE ACE DYNASTY SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Space Ace Dynasty Sdn. Bhd.**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Membina Sebuah Kilang Sesebuah 1 1/2 Tingkat Di Atas Lot Pt 14383, No. 24, Jalan Kenchana, Taman Kenchana, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : NEO Urban
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-28 (2013)
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.64.13
- ADUN : Y.B. Tiew Way Keng
(DUN Teratai)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina mengesyorkan permohonan ini yang pernah ditangguhkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.16/2013 pada 26/8/2013 disyorkan untuk diluluskan dengan syarat mematuhi keperluan teknikal berkaitan.
 - ii) Pn. Zuraina juga memaklumkan terdapat rezab jalan 66 kaki yang menghubungkan tapak cadangan dengan jalan sedia ada iaitu Jalan Kencana 20. Oleh itu pemohon perlu membayar caruman bagi pembinaan yang menghubungkan tapak cadangan dengan jalan sedia ada iaitu Jalan Kencana 20 atau berkongsi jalan dengan menggunakan jalan sedia ada tersebut.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Perlu membayar caruman bagi pembinaan jalan yang menghubungkan tapak cadangan dengan jalan sedia ada iaitu Jalan Kencana 20 atau berkongsi jalan dengan menggunakan jalan sedia ada tersebut.
 - ii) Mengemukakan maklumat terperinci

- berkenaan pembinaan jalan keluar masuk ke tapak dari Jalan Kencana 20 dan membina jalan tersebut.
- iii) Meminda anjakan 'corner lot' (bersebelahan jalan) kepada 30 kaki.
 - iv) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan, MPAJ iaitu :
 - 1) Mengemukakan perincian bagi cadangan tembok penahan di sempadan pembangunan.
 - 2) Mengemukakan laporan kestabilan cerun(sedia ada).
 - 3) Menunjukkan 'discharge outlet' dari pembangunan ke sistem perparitan utama.
 - 4) Pihak pemohon hendaklah mendapatkan kelulusan dan sokongan dari pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berkenaan dengan 'discharge outlet' dari kawasan pembangunan ke Sungai Kelang/Sungai Ampang.
 - vii) Mematuhi ulasan JPS Hulu Langat iaitu menyediakan tangki setoran (On Site Detention) yang bersaiz 10.0m(L) x 4.5m(W) x 1.0m(D) seperti yang dinyatakan di dalam laporan pengurusan air ribut yang dikemukakan atau sebarang 'detention facilities' yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan Manual Salinan Mesra Alam.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.1.3 TETUAN FC CHOO & FAMILY SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Fc Choo & Family Sdn. Bhd.**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Kilang Sesebuah 1 ½ Tingkat Di Atas Lot PT 13088 (Plot 11), Jalan Kencana, Taman Kencana, Mukim Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
- Perunding : Juruasli Planning & Consultancy
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-31/2013
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.69.13

- ADUN : Y.B. Tiew Way Keng
(DUN Teratai)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina mengesyorkan permohonan ini yang pernah ditangguhkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.17/2013 pada 10/9/2013 kerana masih belum mematuhi keperluan teknikal berkaitan.
 - ii) Walau bagaimanapun, permohonan ini disyorkan untuk diluluskan dengan syarat mematuhi syarat-syarat keperluan teknikal berkaitan
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Perlu membayar caruman bagi pembinaan jalan yang menghubungkan tapak cadangan dengan jalan sedia ada iaitu Jalan Kencana 20 atau berkongsi jalan dengan menggunakan jalan sedia ada tersebut.
 - ii) Mengemukakan maklumat terperinci berkenaan pembinaan jalan keluar masuk ke tapak dari Jalan Kencana 20 dan membina jalan tersebut.
 - iii) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan, MPAJ iaitu:
 - a) Mengemukakan cadangan pembinaan jalan masuk serta sistem perparitan ke pembangunan sehingga bersambung ke jalan utama sedia ada.
 - b) Menunjukkan dengan jelas 'discharge outlet' daripada tapak cadangan hingga ke longkang utama.
 - c) Mengemukakan cadangan bagi menaiktaraf longkang sedia ada.
 - d) Pihak pemohon hendaklah mendapatkan kelulusan dan sokongan dari pihak Jabatan Pengairan dan saliran (JPS)
 - iv) Mematuhi ulasan Jabatan Belia dan Masyarakat iaitu pihak pemaju perlu menyediakan sekurang-kurangnya 5% kawasan lapang daripada keseluruhan pembangunan tersebut.
 - v) Mematuhi ulasan JAS iaitu permohonan hanya untuk menjalankan industri ringan aktiviti

gudang untuk menyimpan tong/silinder gas LPG sahaja. Sebarang aktiviti memproses adalah tidak dibenarkan tanpa merujuk ke jabatan terlebih dahulu.

- vi) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada pihak PTD Hulu Langat, SYABAS dan JPS Hulu Langat.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.1.4 TETUAN VERSATILE DEVELOPMENT SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Versatile Dev. Sdn. Bhd.**
- Tajuk : Permohonan Pindaan Kebenaran Merancang Pelan Susunatur Yang Telah Diluluskan (Rujukan MPAJ 11/2/2/175, Bertarikh 29/6/2009) Bagi Cadangan Pembangunan 6 Unit Rumah Sesebuah Di Bawah Seksyen 204B Kanun Tanah Negara (KTN), Di Atas Lot 1630, 1631, 1632, 6850, 6851 & 6852, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Metropolis Planners
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-27 (2013)
- No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/153/07
- ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib
(DUN Hulu Kelang)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini pernah ditangguhkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.16/2013 pada 26/8/2013 kerana belum patuhi ulasan jabatan yang telah dikeluarkan kepada pemohon.
- Ulasan Pengarah Jab. Kejuruteraan,MPAJ
- i) En. Hasrol memaklumkan bahawa penduduk sekitar tiada apa-apa halangan terhadap cadangan pembangunan yang dikemukakan tetapi tidak bersetuju terhadap laluan sedia ada di sepanjang jalan kawasan perumahan sedia ada dijadikan sebagai laluan untuk membawa bahan-bahan binaan ke tapak cadangan.
- ii) Penduduk juga mencadangkan supaya bahan-bahan binaan di bawa ke tapak cadangan

dengan menggunakan kren.

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:

- i) Pemohon perlu menyediakan kaedah pelaksanaan atau jadual perancangan kerja diperingkat pelan bangunan. Pemohon juga bertanggungjawab menyelenggara jalan masuk sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja pembinaan sehingga selesai.
- ii) Mengemukakan pelan Akui bagi tapak tersebut kerana pelan Akui yang dikemukakan adalah tapak bersebelahan.
- iii) Mengemukakan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) yang baru dengan memasukkan pelan Analisis kecerunan dan pelan analisis kekuatan Rentas Tapak seperti ulasan pihak Jabatan.
- iv) Menjelaskan cukai taksiran berjumlah RM 1518.90.

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

2.2 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Enam (6) permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.2.1 TETUAN PENINSULAR TEAMWORK SDN. BHD.

| | | |
|----------------|---|--|
| Pemohon | : | Tetuan Peninsular Teamwork Sdn. Bhd. |
| Tajuk | : | Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Kolam Renang Sementara Beserta Sebuah Bilik Persalinan Di Atas Sebahagian Lot 347, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan |
| No. Fail PBT | : | MPAJ/PB.KP/2-37/2013 |
| No. Fail OSC | : | MPAJ.OSC.DEV.80.13 |
| Perunding ADUN | : | HN Metropolis Planners Y.B. Tuan Hj. Mohammed Azmin B. Ali (DUN Bukit Antarabangsa) |
| Ulasan | : | <u>Ulasan Pejabat Tanah & Daerah Gombak</u> i) Pihak pejabat tanah memaklumkan bahawa pihak jabatan tidak menyokong permohonan ini kerana pemohon masih belum menukar syarat nyata tanah daripada tanaman kopi kepada bangunan. |
| Keputusan | : | Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini ditolak kerana pemohon perlu mengemukakan permohonan di Pejabat Tanah & Daerah Gombak bagi menukar syarat nyata tanah daripada tanaman kopi kepada bangunan. |

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

2.2.2 TETUAN PROGRESSIVE MATRIX (M) SDN. BHD.

| | | |
|---------|---|--|
| Pemohon | : | Tetuan Progressive Matrix (M) Sdn. Bhd. |
| Tajuk | : | Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Permohonan Serah Balik Dan Kurnia Semula Di Bawah Seksyen 204A KTN Bagi Cadangan |

- Pembangunan Perumahan Secara Gated Community Di Bawah Seksyen 6(1A) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985) Di Atas Lot 1237 (PM20) Dan Lot 1240 (PM40), Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Asnatech Consult
No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-36 (2013)
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.84.13
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib
(DUN Hulu Kelang)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini disyorkan untuk ditangguhkan kerana masih terdapat beberapa ulasan teknikal yang masih belum diperolehi.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** berdasarkan perkara-perkara berikut:
i) Mematuhi ulasan kebenaran merancang iaitu:
a) Menyatakan saiz pondok pengawal dalam pelan susunatur dan saiz yang dibenarkan adalah 6'x8'.
b) Kemudahan yang disediakan dalam rumah kelab hendaklah dinyatakan dalam Bahasa Melayu.
c) Menyatakan keluasan setiap kemudahan yang disediakan dalam rumah kelab di dalam pelan susunatur.
d) Menyediakan kemudahan surau, dewan dan tadika di dalam rumah kelab dengan keluasan lantai minimum 1000 kp dan perlu dinyatakan dalam pelan susunatur.
e) Menyediakan laluan keluar masuk kedua/jalan alternatif sebagai laluan kecemasan dan memastikan jalan tersebut dapat dibina di tapak kelak.
f) Sekiranya terdapat pembinaan tembok/pagar disekeliling pembangunan, ia hendaklah pada ketinggian maksimum yg dibenarkan iaitu 2.7m (9') dengan 33% drpnya adalah terbuka & dapat dilihat dari luar.
g) Memasang papan notis makluman pembangunan di tapak dan

mengemukakan gambar sebagai bukti dan rekod jabatan.

- h) Menunjukkan lokasi kebuk sampah / rumah sampah dalam pelan susunatur.
- i) Menunjukkan lokasi on site detention (OSD) dalam pelan susunatur.
- j) Menjelaskan caj pemajuan yang dikenakan oleh pihak Majlis kerana syarat nyata tanah tidak selaras dengan zon gunatanah iaitu zon kediaman.
- k) Mengemukakan anggaran harga jualan setiap unit rumah dan anggaran Gross Development Value (GDV) bagi projek pembangunan ini untuk rujukan pihak Majlis.
- l) Meminda tajuk permohonan dengan memasukkan seksyen 6(1A) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985) kerana permohonan adalah pembangunan perumahan **gated community**.
- ii) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan iaitu:
 - a) Mengemukakan pelan ukur keseluruhan kawasan dan sekitar termasuk menunjukkan rezab jalan dan parit yang bersambung ke jalan utama dan parit utama. Pelan ukur hendaklah disertakan dengan pelan kontur serta platform level sediaada bagi kawasan pembangunan dan sekitarnya. Keratan rentas melintang dan menegak perlu dikemukakan. Pelan ukur hendaklah disahkan oleh Jurukur Berdaftar.
 - b) Mengemukakan cadangan aras tapak bagi kawasan pembangunan untuk mengenalpasti perbezaan aras / rekabentuk aras tapak bagi kawasan pemotongan dan penambakan tanah serta mengenalpasti struktur penstabilan cerun yang bakal terlibat di dalam cadangan pembangunan ini.
 - c) Mendapatkan kelulusan dan sokongan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berkenaan dengan discharge outlet dari kawasan pembangunan ke Sungai Kelang / Sungai Ampang.
 - d) Menunjukkan dengan jelas rezab jalan di kawasan pembangunan.
 - e) Menunjukkan dengan jelas aliran trafik di

- dalam kawasan pembangunan selaras dengan jalan sediaada.
- f) Menunjukkan dengan jelas discharge outlet daripada tapak cadangan hingga ke longkang utama. Cadangan berkenaan perlu mendapatkan kelulusan dan sokongan dari pihak JPS.
 - iii) Mematuhi ulasan PTD Gombak iaitu mengemukakan surat kebenaran daripada United Overseas Bank (M) Bhd kerana terdapat gadaian menjamin wang pokok (No. Perserahan : 3870/2011, 3871/2011, 3872/2011, 3869/2011, 3784/2012).
 - v) Mendapatkan ulasan dan sokongan Jabatan Bangunan dan Senibina MPAJ.
 - vi) Mendapatkan ulasan dan sokongan JPBD, JPS Gombak, JAS, IWK, TNB, SYABAS, SKMM dan JMG.
 - vii) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.2.3 TETUAN DESTAR NURANI (M) SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Destar Nurani (M) Sdn. Bhd.**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan 1 Plot Perniagaan (Kedai Pejabat 2 Tingkat & Bazaar 1 Tingkat) Di Atas Sebahagian Lot 47636, Taman Dagang Permai, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Ho Consultant
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-35 (2013)
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.82.13
- ADUN : Y.B. Tn. Hj. Khasim Bin Abd Aziz
(DUN Lembah Jaya)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditolak** berdasarkan perkara-perkara berikut:
- i) Tapak permohonan terlibat dengan pengambilan tanah di bawah Seksyen 4, Akta

Pengambilan Tanah 1960 (Daerah Hulu Langat, Selangor) yang diwartakan semula pada 18/7/2013 bagi cadangan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi Ulu Klang (Suke).

- ii) Tanah merupakan sebahagian daripada Lot 47636. Oleh itu, pemohon perlu membuat pecahan sempadan tanah dan mendapatkan hakmilik berasingan terlebih dahulu.
- iii) Tidak mematuhi Garispanduan & Piawai Perancangan Negeri Selangor iaitu:
 - a) Tidak menyatakan di dalam pelan saiz lot kedai dengan saiz minimum yang dibenarkan 20 kaki x 65 kaki.
 - b) Tidak menyediakan lorong belakang 20 kaki bagi lot kedai.
 - c) Tidak menyediakan jalan perkhidmatan 50 kaki.
 - d) Luas tapak bazar perlu dinyatakan di dalam pelan dengan saiz minimum 1 ekar.
 - e) Tidak menyediakan perimeter planting minimum 3 meter (10 kaki) disekeliling kawasan pembangunan.
 - f) Tidak menyediakan sebanyak **137 petak Tempat Letak Kereta (TLK)** dengan kiraan berikut:
$$\begin{aligned} \text{TLK} &= \text{luas lantai kasar} \div 46.4\text{mp} \\ &= 6372.86\text{mp} \div 46.4\text{mp} \\ &= \mathbf{137 \text{ petak}} \end{aligned}$$
 - g) Tidak menyediakan sebanyak **3 petak TLK OKU** seperti kiraan berikut:
$$\begin{aligned} \text{TLK OKU} &= 2 \% \text{ daripada jumlah TLK} \\ &= 2\% \times 137 \text{ petak} \\ &= \mathbf{3 \text{ petak}} \end{aligned}$$
 - h) Tidak menyediakan sebanyak 76 petak TLM dengan kiraan berikut:
$$\begin{aligned} \text{TLM} &= \text{luas lantai kasar} \div 84\text{mp} \\ &= 6372\text{mp} \div 84\text{mp} \\ &= \mathbf{76 \text{ TLM}} \end{aligned}$$

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

2.2.4 TETUAN DESTAR NURANI (M) SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Destar Nurani (M) Sdn. Bhd.**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Empat Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Di Atas Lot 11224 Dan Sebahagian Lot 47636, Jalan Baiduri, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Ho Consultant
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-34 (2013)
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.81.13
- ADUN : Y.B. Tn. Hj. Khasim Bin Abd Aziz (DUN Lembah Jaya)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditolak** berdasarkan perkara-perkara berikut:
- i) Tapak permohonan terlibat dengan pengambilan tanah di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960 (Daerah Hulu Langat, Selangor) yang diwartakan semula pada 18/7/2013 bagi cadangan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi Ulu Klang (SUKE).
 - ii) Tanah merupakan sebahagian daripada Lot 47636. Oleh itu, pemohon perlu membuat pecahan sempadan tanah dan mendapatkan hakmilik berasingan terlebih dahulu.
 - iii) Tidak mematuhi Garispanduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor iaitu:
 - a) Tidak menunjukkan anjakan bangunan tepi, belakang dan hadapan tapak di dalam pelan. Anjakan hadapan tapak perlu minimum 20 kaki, manakala tepi dan belakang anjakan bangunan adalah 10 kaki.
 - b) Keluasan minimum tapak untuk rumah berkembar tidak mencukupi 2600kp.
 - c) Kawasan lapang tidak disediakan sebanyak 5% daripada keluasan pembangunan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.2.5 TETUAN ESTATE OF TAN BOK YIN, DECEASED

- Pemohon : **Tetuan Estate Of Tan Bok Yin, Deceased**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Kompleks Perniagaan/Pejabat 20 Tingkat Berserta 3 Basement Tempat Letak Kereta Bagi Tujuan Tukar Syarat Nyata Tanah Daripada Pertanian Kepada Bangunan Perniagaan Serta Serah Balik Kurnia Semula Di Bawah Seksyen 204B, KTN Di Atas Lot 850 Dan Lot 11110, Jalan Bukit Belachan, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Ho Consultant
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-39 (2013)
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.89.13
- ADUN : Y.B. Tn. Hj. Khasim Bin Abd Aziz (DUN Lembah Jaya)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditolak** berdasarkan perkara-perkara berikut:
- i) Tapak permohonan terlibat dengan pengambilan tanah di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960 (Daerah Hulu Langat, Selangor) yang diwartakan semula pada 18/7/2013 bagi cadangan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi Ulu Klang (SUKU).
 - ii) Tidak mematuhi Garispanduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor iaitu:-
 - a) Meminda anjakan tepi dan belakang bangunan daripada 20 kaki kepada 40 kaki.
 - b) Tidak menyediakan minimum 10 kaki perimeter planting di sekeliling pembangunan.
 - c) Tidak menyatakan di dalam pelan susunatur luas lantai kasar di setiap aras bangunan serta luas lantai kasar basement tempat letak kereta bagi tujuan semakan pihak jabatan bagi mengira keperluan Tempat Letak Kereta (TLK), Tempat Letak Kereta Orang Kelainan Upaya (TLK OKU), Tempat Letak Motosikal (TLM), keperluan kedai mampu milik, medan selera dan nisbah plot tapak tersebut.
 - d) Tidak menyediakan kemudahan sokongan surau dengan kiraan minimum 6.1m x 6.1m (20' x 20')- ruang berasingan bagi lelaki 3.1m

- x 3.1m (10' x 10') dan perempuan 3.1m x 3.1m (10'x 10') serta lengkap dengan tempat mengambil air sembahyang dan tandas.
- e) Tidak menyediakan keperluan medan selera iaitu 2% daripada keluasan ruang lantai kasar pejabat.
 - f) Tidak menyediakan 10% daripada keseluruhan ruang lantai kasar sebagai kedai mampu milik dalam bentuk saiz lot kecil atau kiosk untuk disewa.
 - g) Menyediakan kemudahan untuk Golongan Kelainan Upaya dan golongan istimewa dengan mematuhi 'universal design guidelines' yang disediakan oleh JPBD Malaysia.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.2.6 TETUAN JPS MALAYSIA

- Pemohon : **Tetuan JPS Malaysia**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina:
1. Sebuah Loji Rawatan Air Sungai
 2. Rumah Kawalan (Control House)
- Projek 'River Of Life' (Rol) Di Atas Rezab Sungai Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Juruasli Planning & Consultancy
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/2-38 (2013)
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.86.13
- ADUN : Y.B. Tuan Hj. Mohammed Azmin B. Ali
(DUN Bukit Antarabangsa)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Mematuhi ulasan kebenaran merancang yang telah dikeluarkan dengan meminda pelan susunatur dengan melabelkan anjakan bangunan rumah kawalan dan loji rawatan sungai.
 - ii) Mematuhi ulasan dan syarat serta memenuhi keperluan daripada lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (RUMAH SESEBUAH)

Tiga (3) permohonan Kebenaran Merancang (Sesebuah) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.3.1 LIONG CHEE CHEW

| | | |
|--------------|---|--|
| Pemohon | : | Liong Chee Chew |
| Tajuk | : | Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Rumah Banglo Dua (2) Tingkat Di Atas Lot PT 33680 Mukim Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan |
| Perunding | : | Juruasli Planning & Consultancy |
| No. Fail PBT | : | MPAJ.PB.KP/3-38 (2013) |
| No. Fail OSC | : | MPAJ.OSC.DEV.85.13 |
| ADUN | : | Y.B. Tuan Haji Khasim B. Abd. Aziz (DUN Lembah Jaya) |
| Keputusan | : | Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat berikut: i) Mematuhi ulasan Jabatan Perancang Bandar iaitu: a) Memuktamadkan keluasan tapak di PTD Hulu Langat kerana keluasan tapak tidak selaras di Pelan Akui (597 mp) dan luas dokumen hakmilik (582 mp), pelan susunatur (596 mp) dan pelan ukur (582 mp). Perbezaan keluasan adalah 2.57% iaitu lebih daripada 2%. b) Meminda cadangan stor dan bilik air keluar daripada anjakan bangunan. c) Menunjukkan kedudukan ' refuse chamber ' dan ' on site detention pond ' di dalam pelan susunatur. d) Mengemukakan surat akujanji kepada Jabatan Perancang Bandar bahawa bangunan cadangan adalah sebagai kediaman. |

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

2.3.2 ENCIK ZULKAFLY BIN MOHD NAPIAH

- Pemohon : **Encik Zulkafly Bin Mohd Napiah**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Banglo 2 Tingkat Di Atas HSD 45064 PT 1200, Jalan H1, Taman Melawati, Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : R. Shankar Planning Services
- No. Fail PBT : MPAJ/PB.KP/3-39/2013
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.88.13
- ADUN : Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Kebenaran merancang diberikan secara bertempoh sehingga zon gunatanah BPK 3.2 Rancangan Tempatan MPAJ dipinda daripada zon institusi dan kemudahan masyarakat kepada zon kediaman bagi lot berkenaan.
 - ii) Meminda tajuk pada pelan kebenaran merancang iaitu 'Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Banglo 2 Tingkat Berserta Kolam Renang.....'
 - iii) Mematuhi ulasan kebenaran merancang iaitu:
 - a) Meminda keluasan tapak dalam pelan susunatur iaitu 465.55 mp kepada 464.55 mp selaras dengan keluasan dalam suratan hakmilik tanah dan carian rasmi.
 - b) Meminda tajuk permohonan dengan memasukkan Mukim Setapak, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
 - c) Mengemukakan surat kebenaran daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (No perserahan 25205/2004) kerana terdapat gadaian menjamin wang pokok.
 - d) Mengemukakan surat aku janji bahawa kegunaan bangunan adalah untuk kediaman semata-mata.
 - iv) Mematuhi ulasan Jabatan Belia dan Masyarakat iaitu:
 - a) Membekalkan sebanyak tiga (3) pokok kepada majlis iaitu pokok Mimusops Elengi

(Bunga Tanjung) dengan ketinggian batang pokok 1200 mm dan diameter batang pokok 50 mm.

- v) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada Jabatan Bangunan dan Senibina MPAJ.
- vi) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.3.3 PN. NOREHAN BINTI OTHMAN

- Pemohon : **Pn. Norehan Binti Othman**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Di Atas PT 2174, Lorong Luas 3, Kg. Pandan, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Minda Unggul Consult
- No. Fail PBT : MPAJ PB.KP 3-45/2013
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.93.13
- ADUN : Y.B. Iskandar B. Abd. Samad (DUN Cempaka)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Mematuhi syarat PTD Hulu Langat iaitu pemilik/pemaju hendaklah mendirikan bangunan di dalam tapak/tanah yang diluluskan oleh Kerajaan.
 - ii) Merujuk kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat berkenaan isu pili bomba di tapak.
 - iii) Mematuhi ulasan dan syarat JPS Hulu Langat iaitu pemohon hendaklah menyediakan tangki setoran (On Site Detention) seperti yang dinyatakan di dalam 'Stormwater Management Report' yang dikemukakan atau sebarang 'detention facilities' yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan Manual Salinan Mesra Alam.
 - iv) Mematuhi ulasan dan syarat serta memenuhi keperluan daripada lain-lain jabatan teknikal yang terlibat.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.4.1 TASKA NURUL TAQWA

- Pemohon : **Taska Nurul Taqwa**
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Perubahan Matan Kegunaan Bangunan Daripada Rumah Kepada Taska Secara Sementara Di Lot PT 10186 Beralamat Di No. 71, Jalan 1/1, Taman Kosas, Mukim Ampang Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- Pemohon : Yatik Bt. Mohammad
No. Fail PBT : MPAJ PB.KP/4-16/2013
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.77.13
ADUN : Y.B. Tn. Hj. Khasim Bin Abd Aziz (DUN Lembah Jaya)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Mematuhi ulasan Jabatan Bangunan & Senibina iaitu:
 - a) Mengemukakan permit memasang 'awning' di hadapan dan tepi bangunan sedia ada.
 - b) Menjelaskan bayaran gandaan 10 kali jumlah permit berjumlah RM 500.00 kerana telah memasang 'awning' sebelum kelulusan Majlis.
 - ii) Kelulusan tukar guna bangunan ini diberikan secara sementara dan lesen akan dikeluarkan secara tahunan iaitu dari tahun ke tahun. Sekiranya terdapat bantahan awam atau penyalahgunaan kelulusan atau perancangan pihak Majlis pada masa hadapan, kelulusan akan ditarik balik atau dikaji semula.
 - iii) Menyediakan kemudahan dan infrastruktur di tapak cadangan mengikut keperluan semasa.
 - iv) Tidak menghalang lalulintas sekitar dan tidak

- menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.
- v) Mengemukakan permohonan lesen perniagaan kepada Jabatan Perlesenan, MPAJ.
 - vi) Tertakluk kepada bantahan, sekiranya ada.
 - vii) Mematuhi ulasan dan syarat serta keperluan daripada jabatan-jabatan teknikal yang terlibat

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.4.2 TADIKA SERI ARIF JAYA

- Pemohon : **Tadika Seri Arif Jaya**
Tajuk : Permohonan Menukar Guna Bangunan Kediaman Kepada Tadika Secara Sementara Di Atas Lot 30137 (PM 7716) Beralamat No. 1 Jalan 3/1, Taman Tasek Tambahan, Mukim Ampang, Daerah, Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- Nama Pemohon : Santha Kumari A/P S Cheliah
No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/4-17/2013
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.83.13
ADUN : Y.B. Tn. Hj. Khasim Bin Abd Aziz (DUN Lembah Jaya)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Kelulusan tukar guna bangunan ini diberikan secara sementara dan lesen akan dikeluarkan secara tahunan iaitu dari tahun ke tahun. Sekiranya terdapat bantahan awam atau penyalahgunaan kelulusan atau perancangan pihak Majlis pada masa hadapan, kelulusan akan ditarikbalik atau dikaji semula.
 - ii) Menyediakan kemudahan dan infrastruktur di tapak cadangan mengikut keperluan semasa.
 - iii) Tidak menghalang lalulintas sekitar dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.
 - iv) Mengemukakan permohonan lesen perniagaan kepada Jabatan Perlesenan, MPAJ.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

LAMPIRAN 5

2.5 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (CAD. NAMA TAMAN & ALAMAT)

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Cad. Nama Taman & Alamat) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.5.1 TETUAN OCR NOBLE LAND(CANARY) SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan Ocr Noble Land(Canary) Sdn. Bhd.**
Tajuk : Pindaan Ke Atas Pelan Lulus Mpaj 11/2/6/170(5) Bertarikh 12 Mac 2010 Untuk Cadangan Alamat Bagi Perumahan Bandar 75 Unit Di Atas PT 1529 (Lot 43376), Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/6-9/2013
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/23/08
ADUN : Y.B. Tiew Way Keng (DUN Teratai)
Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan cadangan alamat ini **diluluskan** seperti berikut:
No 1, Jalan CH 5A, Kenari Mas,
Taman Cheras Hartamas,
43200 Cheras,
Selangor Darul Ehsan

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

2.5.2 TETUAN SIME DARBY MELAWATI DEVELOPMENT SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan Sime Darby Melawati Development Sdn. Bhd.**
Tajuk : Permohonan Nama Pembangunan Bagi Cadangan Membina Sebuah Kompleks Perniagaan Di Atas H.S.D. 73871 PT 5036 (Lot Lama HSD 305758 Lot 29236 Dan GRN 305028 Lot 29237) Seluas 5.559 Ekar, Seksyen 1, Pusat Bandar Melawati, Bandar Ulu Kelang, Mukim Setapak, Daerah Gombak, Selangor

Darul Ehsan.
No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/6-11/2013
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/34/10
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib
(DUN Hulu Kelang)

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan cadangan nama pembangunan ini **diluluskan** dengan nama pembangunan **Melawati Mall**

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

SULIT

2.6 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (PELBAGAI)

Empat (4) permohonan Kebenaran Merancang (pelbagai) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.6.1 PERSATUAN PENDUDUK PANDAN GLADES (KL)

| | | |
|-------------------|---|--|
| Pemohon | : | Persatuan Penduduk Pandan Glades (KI) |
| Tajuk | : | Permohonan Memasang Pondok Pengawal Boom Gates Keselamatan Dan Bonggol Jalan, Pandan Perdana, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. |
| No. Fail PBT ADUN | : | MPAJ 11/2/23/13 Y.B. Tiew Way Keng (DUN Teratai) |
| Keputusan | : | Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat berikut: <ul style="list-style-type: none">i) Kelulusan yang diberikan hanya untuk pondok pengawal dan palang keselamatan sahaja. Kelulusan ini juga berbentuk sementara dan tertakluk kepada kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (Temporary Occupation Licence - TOL) daripada PTD Hulu Langat.ii) Permohonan 4 unit bonggol jalan di Jalan 6/12 dan 6/3 hendaklah dikemukakan secara berasingan ke Jabatan Kejuruteraan MPAJ.iii) Penghadang jalan hanya dibenarkan beroperasi dari jam 12 tengah malam sehingga 6 pagi sahaja.iv) Penggunaan kad akses (automatik) dilarang sama sekali.v) Tidak dibenarkan menghalang kenderaan keluar/ masuk ke kawasan berkenaan.vi) Penghuni yang tidak menyertai skim ini tidak boleh dihalang sama sekali memasuki kediaman mereka pada bila-bila masa.vii) Saiz pondok pengawal yang dibenarkan adalah 6 kaki x 8 kaki.viii) Perlu mengemukakan permit dan pelan rekabentuk bangunan pondok pengawal tersebut kepada Jabatan Bangunan MPAJ dalam tempoh 6 bulan. Sekiranya gagal |

- kelulusan akan ditarik balik.
- ix) Pondok pengawal yang dibina perlu mendapatkan permit secara tahunan daripada Jabatan Bangunan MPAJ.
 - x) Pembinaan pondok pengawal yang tidak menghalang lalu lintas.
 - xi) Perlu mendapatkan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (Temporary Occupation Licence- TOL) daripada PTD Hulu Langat kerana lokasi perletakan di bahu jalan dalam tempoh 6 bulan . Sekiranya gagal kelulusan akan ditarik balik.
 - xii) Kebersihan pondok pengawal dan persekitarannya adalah di bawah tanggungjawab pihak pemohon dan hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas.
 - xiii) Sekiranya terdapat bantahan atau isu yang berbangkit berkenaan dengan pembinaan pondok pengawal dan cara beroperasi, pihak MPAJ berhak untuk menarik balik permit tersebut pada bila-bila masa.
 - xiv) Mematuhi syarat-syarat dan ulasan Jabatan Teknikal berkaitan dari semasa ke semasa.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.6.2 PERSATUAN PENDUDUK TAMAN PANDAN INDAH KUALA LUMPUR

- Pemohon : **Persatuan Penduduk Taman Pandan Indah Kuala Lumpur**
- Tajuk : Permohonan Untuk Mengadakan Pengawasan Tetap Dan Mendirikan Penghadang Jalan Di Taman Pandan Indah, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- No. Fail PBT : MPAJ 11/2/23/16
ADUN : Y.B Iskandar Abdul Samad
(DUN Cempaka)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Kelulusan yang diberikan hanya untuk pondok pengawal dan palang keselamatan sahaja.

Kelulusan ini juga berbentuk sementara dan tertakluk kepada kelulusan (Temporary Occupation Licence- TOL) daripada PTD Hulu Langat berbentuk sementara.

- ii) Penghalang jalan hanya dibenarkan beroperasi dari jam 12 tengah malam sehingga 6 pagi sahaja.
- iii) Penggunaan kad akses (automatik) dilarang sama sekali.
- iv) Tidak dibenarkan menghalang kenderaan keluar/ masuk ke kawasan berkenaan.
- v) Penghuni yang tidak menyertai skim ini tidak boleh dihalang sama sekali memasuki kediaman mereka pada bila-bila masa.
- vi) Saiz pondok pengawal yang dibenarkan adalah 6 kaki x 8 kaki.
- vii) Perlu mengemukakan permit dan pelan rekabentuk bangunan pondok pengawal tersebut kepada Jabatan Bangunan MPAJ dalam tempoh 6 bulan. Sekiranya gagal kelulusan akan ditarik balik.
- viii) Pondok pengawal yang dibina perlu mendapatkan permit secara tahunan daripada Jabatan Bangunan MPAJ.
- ix) Pembinaan pondok pengawal yang tidak menghalang lalu lintas.
- x) Perlu mendapatkan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (Temporary Occupation Licence- TOL) daripada PTD Hulu Langat kerana lokasi perletakan di bahu jalan dalam tempoh 6 bulan . Sekiranya gagal kelulusan akan ditarik balik.
- xi) Kebersihan pondok pengawal dan persekitarannya adalah di bawah tanggungjawab pihak pemohon dan hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas.
- xii) Sekiranya terdapat bantahan atau isu yang berbangkit berkenaan dengan pembinaan pondok pengawal dan cara beroperasi, pihak MPAJ berhak untuk menarik balik permit tersebut pada bila-bila masa.

- xiii) Mematuhi syarat-syarat dan ulasan Jabatan Teknikal berkaitan dari semasa ke semasa.

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

2.6.3 PERSATUAN PENDUDUK PANDAN PERDANA BARAT KUALA LUMPUR

- Pemohon : **Persatuan Penduduk Pandan Perdana Barat Kuala Lumpur**
- Tajuk : Permohonan Untuk Meletakkan Enam Buah Pondok Pengawal Bersama-Sama Dengan Tiga Belas Boom Gate DanPembinaan Bonggol Jalan (Hump)
- No. Fail PBT ADUN : MPAJ.PB.KP/8-4/2013
: Y.B. Tiew Way Keng
(DUN Teratai)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditolak** berdasarkan perkara-perkara berikut:
- i) Pemohon tidak mematuhi Garis Panduan Permohonan Komuniti Berpengawal MPAJ kerana berdasarkan semakan tapak pada 19/09/2013 mendapati 8 boom gate telah dikunci pada siang hari. Pihak Majlis juga telah menerima banyak aduan penduduk berkenaan boom gate yang dikunci sepanjang hari walaupun pemohon melalui surat bertarikh 19 Jun 2013 telah menyatakan akan patuh kepada garis panduan tersebut.
 - ii) Cadangan boom gate yang dipohon iaitu sebanyak 13 buah adalah terlalu banyak dan menimbulkan kesukaran serta ketidakselesaian kepada penduduk untuk keluar masuk ke kawasan kediaman mereka. Ini menyebabkan pihak Majlis menerima banyak aduan daripada penduduk yang tidak berpuas hati. Sehubungan dengan itu, pemohon disyor mengemukakan permohonan baru di mana hanya 3 hingga 4 lokasi sahaja dibenarkan.
 - iii) Permohonan bonggol hendaklah dikemukakan secara berasingan di Jabatan Kejuruteraan, MPAJ

- iv) Cadangan pembinaan pagar berukuran 50m di Jalan Perdana 3/1 tidak dibenarkan sama sekali

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

2.6.4 PERSATUAN PENDUDUK PANDAN JAYA 5

